

Bil. 36

**Isnin
28 Julai 1997**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPANMULUT BAGIPERTANYAAN- PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah	(Ruangan 13)
USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Ruangan 38)
UCAPAN-UCAPANPENANGGUHAN:	
Pelaksanaan AFTA - <i>Y.B. Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)</i>	(Ruangan 74)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)

- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)

- Yang Berhormat Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Telok Intan)

- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)

- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lumar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN
PARLIMEN MALAYSIA**

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,
P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat
Puan Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA
DEWANRAKYAT**

Isnin, 28 Julai 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan
Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**PEMBELIAN KONDOMINIUM MEWAH
OLEH RAKYAT ASING - PENGECUALIAN
LEVI**

1. **Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kerajaan bercadang mengkaji semula supaya mengecualikan levi yang dikenakan terhadap pembelian kondominium mewah oleh rakyat asing memandangkan hartanah tersebut merupakan "non-landed property" di mana bekalannya boleh ditambah dengan mudah jika permintaannya meningkat.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, levi sebanyak RM100,000 yang dikenakan adalah bertujuan untuk mengawal pembelian hartanah oleh kepentingan asing di samping untuk mencegah spekulasi atas hartanah.

Namun begitu, kerajaan sentiasa mengawasi dan mengikuti perkembangan perkara ini dari masa ke semasa dan kerajaan juga sedang mengkaji untuk memberi kelonggaran kepada warganegara dan syarikat asing untuk membeli harta mewah, dengan izin, market property dalam bandar-bandar utama.

Tuan Yang di-Pertua, tentang kondominium disifatkan sebagai 'non landed property', dengan izin, adalah tidak begitu tepat kerana sesebuah kondominium dalam skim strata tidak boleh dianggap sebagai 'non landed property' kerana ini adalah satu jenis harta tidak alih, immovable property, dengan izin dan tertakluk kepada undang-undang tanah seperti Akta Hakmilik Strata 1995.

Di bawah akta tersebut tapak bangunan berbilang tingkat dimiliki oleh semua pemilik kondominium sebagai harta bersama, dengan izin, common property. Jika sesebuah skim strata itu ditamatkan atau bangunan itu musnah keseluruhannya, setiap pemilik unit-unit dalam

bangunan itu mempunyai hak ke atas tanah tapak bangunan itu mengikut syer masing-masing.

Datuk Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang jumlah levi yang telah dikutip sejak dasar ini dilancarkan dan sama ada dasar levi ini mencapai matlamat yang ditujui dan sama ada levi ini akan ditarik balik pada belanjawan yang akan datang ini.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, tentang berapa jumlah levi yang telah dapat dikutip itu, oleh kerana levi ini dikutip oleh negeri-negeri masing-masing, saya tidak mempunyai angka-angka seperti ini, tetapi angka-angka mengenai berapa jumlah kondominium, rumah lot banglo dan rumah teres dan berkembar dapat saya sebutkan iaitu pada tahun 1996 sebanyak 1,521 unit telah dijual kepada orang asing dan pada tahun 1997 sehingga 30 Jun 1997 sebanyak 177 buah telah dijual kepada orang asing.

Tentang kesan atas pengenaan levi ini bolehlah kita katakan, kesan seperti yang diharapkan itu telah kita capai kerana dapat kita kurangkan ataupun dapat kita tangguhkan pelaksanaan satu-satu projek ataupun telah nampak juga pemaju-pemaju mula hendak mengurangkan saiz pembangunan satu-satu projek itu dan juga yang kita nampak ialah pada keseluruhannya pelabur-pelabur asing telah mempunyai keyakinan yang lebih kukuh terhadap ekonomi kita.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada levi yang dikenakan kerajaan telah pun mengumumkan pada akhir tahun 1993 bahawa rakyat asing tidak dibenarkan membeli rumah di mana harga adalah kurang daripada RM200,000 tetapi sebelum pengumuman tersebut pada pertengahan tahun 1993 ada sebilangan rakyat asing juga telah membeli rumah dan telah menandatangani perjanjian jual beli yang membeli rumah di mana harganya kurang daripada RM200,000.

Apabila permohonan mereka dikemukakan kepada PTG untuk mendaftar milik, permohonan telah ditolak oleh pihak PTG. Jadi, soalan saya ialah apakah dasar dan pendirian kerajaan terhadap kes-kes tersebut.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan sedar tentang perkara dan masalah seperti ini memang telah timbul dalam proses mengenakan levi atas pembelian ini dan setakat ini garis panduan telah disediakan untuk

semua kerajaan-kerajaan negeri dan disampaikan kepada pejabat tanah dan garis panduan itu adalah memang telah menjelaskan di manakah tarikh yang patut digunakan untuk melaksanakan untuk mengenakan levi tersebut.

Walau bagaimanapun, oleh kerana kerajaan sedang mengkaji tentang pengenaan levi ini dan saya percaya memang perkara ini akan diambil kira semasa kita mengkaji sama ada hendak dilonggarkan lagi pada masa yang akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. L. Krishnan.

[Soalan No. 2 - Y.B. Dr. L. Krishnan [Telok Kemang] tidak hadir]

KEMASUKAN MYANMAR, LAOS DAN KEMBOJA KE DALAM ASEAN

3. **Che Ibrahim bin Mustafa [Sungai Petani]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:-

- (a) disebabkan jurang ekonomi yang luas antara anggota-anggota ASEAN dengan Myanmar, Laos dan Kemboja, apakah dengan penyertaan anggota-anggota baru ASEAN ini akan mendatangkan beban ekonomi serta politik kepada ASEAN; dan
- (b) apakah pandangan Malaysia terhadap pendapat agar dilakukan perubahan radikal daripada dasar melarang campur tangan dalam hal ehwal dalam negeri negara anggota kepada "Dasar campur tangan membina", khususnya di Kemboja.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Tayad]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini telah dijawabkan bersama dengan pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat pada 15 Julai 1997, saya bercadang tidak ada tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan negara Myanmar dan Laos telah menjadi ahli ASEAN, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada warganegara Malaysia yang ingin melawat Myanmar dan Laos masih perlu meminta visa?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa bila sesebuah negara menjadi ahli ASEAN adalah tidak perlu visa untuk lawatan dalam jangka masa dua minggu sekurang-kurangnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah.

[Soalan No. 4 - Y.B. Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah. [Pengkalan Chepa] tidak hadir]

BEDAH SIASAT KE ATAS MAYAT AKIBAT MATI LEMAS DAN KEMALANGAN - PENGECCUALIAN TERHADAP ORANG ISLAM

5. **Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin [Muar]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sebab-sebab mengapa mayat-mayat yang terlibat dalam kemalangan seperti mati lemas dan kemalangan jalan raya dibedah siasat dan mengapa mayat-mayat orang Islam tidak boleh dikecualikan daripada dibedah siasat.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, di bawah peruntukan Seksyen 328 hingga 341A dalam Kanun Acara Jenayah (Criminal Procedure Code) di mana terdapat kematian yang tidak diketahui sebabnya, pihak hospital dikehendaki menjalankan arahan bedah siasat mayat untuk mengetahui sebab kematian. Pengecualian tidak dapat diberi di bawah peruntukan ini.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan. Ada kadangkadangkang kes kemalangan, mati on the spot, yang saya rasa kalau dilihat dengan mata kasar pun kita tahu dia mati itu kerana disebabkan kemalangan dan seandainya kemalangan ini berlaku ke atas orang-orang Islam dan apabila hendak post-mortem ini ia mengambil masa bahawa kalau di waktu malam kena accident, pagi pun belum tentu lagi boleh dikeluarkan jenazah tersebut.

Jadi, adakah kementerian akan mengeluarkan arahan supaya jenazah orang Islam yang didapati mati sudah tahu dengan mata kasar, sebab-sebab kematiannya boleh dipercepatkan post-mortem ataupun dikeluarkan daripada bilik jenazah dengan seberapa segera.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soal bedah siasat ini adalah satu keperluan yang dimohon dari pihak polis kerana kes kemalangan adalah kes yang perlu melibatkan keperluan mendapatkan bedah siasat. Namun demikian, perkara ini memanglah sedang diusahakan oleh pihak kementerian untuk mempercepatkan bagi kes yang melibatkan mayat orang Islam.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan

bedah siasat ini. Saya dahulu pernah bekerja sebagai penyelidik dalam Jabatan Polis dan pernah melihat tidak kurang dari 100 lebih mayat kemalangan jalan raya yang perlu dibedah siasat terutama sekali yang melibatkan orang-orang Islam.

Jadi, rata-rata alasan orang Melayu yang tidak hendak mayat dibedah siasat ialah berlandaskan larangan agama. Jadi, soalan saya, sejauh manakah pihak kementerian telah bertanya ataupun mendapat fatwa dari pihak ahli fatwa negara, mendapat jawapan sebenar soalan ini sama ada dilarang oleh agama ataupun bagaimana?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini belum mendapat sebarang fatwa dan seperti yang telah saya katakan, ia adalah dalam keadaan di mana permohonan ini dibuat oleh pihak polis dan pihak hospital menerima satu post-mortem order di mana punca kematian itu masih diperlukan untuk hospital membuat satu bedah siasat. Jadi, dalam hal perkara ini masih perlu melalui prosedur.

PEMBERSIHAN KAWASAN SETINGGAN DAN PENGHUNI RUMAH PANJANG- BILANGAN RUMAH YANG DIPERLUKAN

6. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan dan kawasan setinggan dan penghuni rumah panjang di Kuala Lumpur. Bagaimana beliau dapat membersihkan kawasan-kawasan ini pada tahun 2005. Berapa buah rumah kos rendah dan sederhana rendah diperlukan untuk pembersihan ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Bancian Semula Setinggan 1992 yang dijalankan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, terdapat 45,934 keluarga setinggan atau 225,685 penduduk di 255 kawasan penempatan setinggan.

Pada 1996 jumlah tersebut dianggarkan telah berkurangan kepada 40,250 keluarga di mana bakinya telah dipindahkan melalui program pemindahan setinggan yang terlibat dengan projek-projek infrastruktur di Kuala Lumpur. Di samping itu, terdapat lebih kurang 10,000 keluarga menghuni rumah panjang yang memerlukan pemindahan ke rumah-rumah kekal apabila kawasan rumah panjang dibangunkan.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan menempatkan semula 42,250 keluarga setinggan dan 10,000 keluarga penghuni rumah panjang sebagai sasaran utama penawaran rumah kos rendah.

Kawasan-kawasan rumah panjang dan setinggan akan dibangunkan semula melalui pelbagai program pembangunan perumahan awam yang akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan secara penswastaan.

Untuk menempatkan semula setinggan dan penghuni rumah panjang ini, DBKL telah menetapkan sasaran 65,000 unit rumah kos rendah dan sederhana rendah menjelang tahun 2005. Jumlah rumah yang akan dibina dijangka dapat membersihkan Kuala Lumpur daripada masalah setinggan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya Yang Berhormat sama-sama dengan saya yang masuk tadi. Walau bagaimanapun, menurut angka yang telah diberi tadi, nampaknya sejak Yang Berhormat menjadi Timbalan Menteri, adalah kemajuan yang banyak. *[Tepuk]*

Seorang Ahli: Mengampu.

Dr. Tan Seng Giaw: Sudah jangka!

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan pertanyaannya apa dia, Yang Berhormat? Sila, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak tolong yang sembilan Ahli Parlimen dari Wilayah Persekutuan juga sebab saya nampak sebelah situ tidak banyaklah buat.....

Seorang Ahli: Jangan merepeklah.

Seorang Ahli: Jangan merapulah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila Yang Berhormat ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masih ada kira-kira 10,000 keluarga yang menetap di rumah panjang dan juga hampir 40,000 keluarga setinggan di Wilayah Persekutuan, bolehkah Yang Berhormat menyatakan peringkat-peringkat yang ditetapkan untuk membersihkan semua kawasan ini. Bukan sahaja tadi ada disebutkan di tahun 2005 akan membina 60,000 unit. Itu baik! Satu sasaran yang kita semua perlu sama-sama bekerjasama untuk mencapai tahap ini dan saya pun setuju Yang Berhormat tolong juga dari masa ke semasa untuk mencapai sasaran ini.

Walaupun bagaimanapun, adakah Yang Berhormat sedar program-program yang sedang dijalankan adalah terlalu lewat. Bolehkah kelewatan ini dapat diselesaikan?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tunggu Yang Berhormat di luar, saya ingat Yang Berhormat tidak mahu masuk, jadi saya masuk sekalilah.

Sebenarnya Dewan Bandaraya memang ada rancangannya, bukan kita buat satu agakan. Dewan Bandaraya ada Program Pembangunan Perumahan yang terperinci yang kita jangkakan akan selesai pada tahun 2005. Dari segi penswastan dan usaha sama, diperancangan 22,348 buah rumah, Projek Perumahan Rakyat (PRT) - 5,273 unit, pembinaan oleh TPPT - 4,918 unit, syarat 30% perancangan iaitu 20% perancangan lima ekar - 7,798 unit, bridging finance (SPPK) - 2,512 unit, pembangunan oleh KWSP - 6,000 unit, pembangunan semula tapak rumah panjang dan pembinaan oleh DBKL - 9,000 unit dan pengosongan rumah pangsa - 8,000 unit. Jadi, semua 65,849 unit dan ini dijalankan berperingkat-peringkat dan ada sesetengah telah bermula, misalnya pada bulan sudah KWSP telah bermula di Sungai Besi dan beberapa projek penswastan telah bermula dan kalau kita dapat ikut satu time-table pada tahun 2005 kita dapat selesaikan masalah ini.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada kementerian kerana mempunyai rancangan yang begitu berkesan. Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, apakah kaedah yang digunakan oleh kementerian beliau untuk mengatasi setinggan luar bandar yang duduk di tanah kerajaan di luar bandar?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat. Pertanyaannya setinggan di Kuala Lumpur.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Ya, Kuala Lumpur. Yang ini luar bandar pula. Kuala Lumpur tidak ada luar bandar. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

HAK PEKERJA TEMPATAN DINAFIKAN - BILANGAN KES

7. **Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datok]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) setakat ini berapa banyakkah kes-kes yang telah dikesan berhubung dengan penafian hak pekerja tempatan apabila majikan mengutamakan pengambilan pekerja asing sedangkan tenaga tempatan masih ada; dan
- (b) berapakah jumlah pekerja tempatan yang masih berdaftar dengan Jabatan Buruh untuk mendapatkan pekerjaan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Buruh sedang menyiasat dua kes berhubung dengan tuduhan bahawa majikan-majikan mengetepikan pekerja-pekerja tempatan dan mengambil pekerja rakyat asing untuk bekerja dengan mereka. Kes-kes tersebut memerlukan siasatan yang lebih mendalam, justeru itu adalah terlalu awal untuk kementerian ini mengemukakan maklumat yang lebih lanjut mengenainya kerana kluatir ianya boleh menjejaskan siasatan yang sedang dijalankan sekarang. Namun demikian, perkara tersebut tidaklah timbul lagi pada ketika ini oleh sebab pengambilan pekerja asing telah pun dibekukan oleh pihak kerajaan.

(b) Dari Januari sehingga Jun 1997, seramai 45,914 pencari pekerja baru telah mendaftar di 49 buah pejabat-pejabat pekerjaan Jabatan Tenaga Rakyat di seluruh negara. Dari jumlah itu, 24,277 ataupun lebih kurang 50% adalah pendaftar aktif iaitu pencari kerja yang tempoh laku pendaftarannya masih sah. Yang lain itu tidak membaharui pendaftarannya, mungkin kerana sudah dapat kerja. Namun demikian, sebagaimana Ahli Yang Berhormat mungkin tahu kita telah pun sampai ke tahap 'full employment', jadi perkara ini tidaklah menjadi masalah lagi.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kawan saya daripada luar negara turun di airport kita, Tuan Yang di-Pertua, dia keliru sama ada dia turun di Lapangan Terbang Daccakah atau Kuala Lumpur sebab bila turun dia tengok yang sambut dia di lapangan terbang itu kulit sama dengan dia, di restoran pun macam itu juga - angkat barang pun begitu juga. Jadi, soalan saya apakah langkah-langkah utama dalam waktu terdekat ini bagi kita untuk menentukan secara jangka panjang agar 100% pekerja di negara kita ini terdiri daripada rakyat negara kita kerana kita dapat tahu bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru balik dari Jepun. Jepun 100% pekerjaanya ialah rakyat Jepun tanpa pekerja asing dan mereka masih boleh maju. Jadi, saya hendak tahu langkah jangka panjang. Terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, rakyat asing yang bekerja di negara kita secara sah adalah lebih kurang 2 juta, angka ini berubah dari masa ke semasa dan rakyat Bangladesh mengikut angka hari ini kerana Menteri Buruhnya ada di sini hari ini *[Ketawa]* adalah

230,000 - itu yang sah, mungkin ada juga yang sah sedikit sebanyak. 230,000 sahaja, yang lain itu dari Indonesia dan sedikit dari Filipina dan Thailand.

Memang kerajaan mempunyai dasar jangka panjang. Satunya, kita telah pun membuat keputusan dengan tegas, tidak ada lagi pekerja asing boleh bekerja di sini. Itu dibekukan dan kita berharap pembekuan ini akan dari segi jangka panjanglah. Oleh sebab itu maka syarikat-syarikat tempatan tidak ada jalan lain terpaksa membuat adjustment dan lihat ke dalam negeri untuk mencari pekerja-pekerja, mungkin dengan cara mengambil pekerja secara part time ataupun memperkenalkan flexy time, bekerja ikut jam dan sebagainya. Dan juga dari segi pergi kepada industri-industri ataupun perusahaan yang merupakan hi-tech ataupun capital intensive. Kerajaan juga sekarang sedang menggalakkan, bukan sahaja kita berhenti, menggalakkan syarikat-syarikat yang berintensifkan buruh untuk berpindah ke negara-negara lain. Inilah di antara tindakan-tindakan yang sedang diambil oleh pihak kerajaan.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan memberikan sebarang persetujuan kepada mana-mana syarikat yang mahu mengambil pekerja asing untuk bekerja dengan mereka khususnya dalam bidang servis makanan kerana kita dapati sekarang servis makanan segera terutama sekali di KFC hanya dipenuhi oleh pekerja-pekerja Bangladesh. Bagaimanakah kedudukan pekerja tempatan dalam bidang ini? Adakah pemeriksaan kesihatan yang menyeluruh dibuat terhadap pekerja-pekerja Bangladesh ini secara berkala? Terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah kita nyatakan, kita telah pun membekukan pengambilan pekerja-pekerja asing. Bermakna pekerja-pekerja yang sedia ada dalam negeri ini pun terpaksa akan dikurangkan dari masa ke semasa apabila permit mereka tamat, maka mereka akan dihantar pulang. Lama kelamaan saya rasa pekerja-pekerja di restoran-restoran itu pun terpaksa balik jugalah, cuma saya rasa rakan saya yang baru di Kementerian Dalam Negeri ini sedang memikir untuk melonggarkan dari segi pekerja-pekerja mahir untuk hotel-hotel, kalau tidak salah saya. Itu sahajalah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan...

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Dan memang kita ada perhatian [*Ketawa*] Maaf, perhatian berkala mengenai kesihatan yang diambil dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis dah?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Habis dah, Tuan Yang di-Pertua.

PENGANJURAN PERADUAN YANG TIDAK DIKENDALIKAN DENGAN PRINSIP KEADILAN - LANGKAH KERAJAAN

8. **Tuan Vincent Lim Kuo Phau [Petaling Jaya Utara]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan memandangkan aduan-aduan yang dilaporkan dalam akhbar-akhbar mengenai penganjuran peraduan yang tidak dikendalikan dengan prinsip-prinsip keadilan "fairplay" seperti (a) keputusan tidak diumumkan oleh penganjur-penganjur peraduan; dan (b) tidak menerima borang peraduan yang dipos dengan pos pendaftaran dan lain-lain; adakah kementerian menyasiat aduan-aduan tersebut dan adakah kementerian akan mengambil langkah-langkah dalam memastikan bahawa penganjur-penganjur tersebut mematuhi arahan-arahan yang ditetapkan di dalam peraduan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sentiasa memandang serius apa-apa bentuk penyelewengan dalam amalan perdagangan termasuk yang berkaitan dengan penganjuran-penganjuran peraduan yang tidak dikendalikan mengikut prinsip-prinsip keadilan.

Kementerian ada menyasiat aduan-aduan seperti penganjur-penganjur gagal mengumumkan keputusan peraduan dan tidak menerima borang peraduan walaupun ianya dikirimkan melalui pos berdaftar. Setiap aduan itu disiasat secara kes demi kes mengikut kuatkuasa Akta Perihal Dagangan 1972. Dalam hubungan ini kementerian tidak dapat memberi ulasan yang khusus tentang aduan-aduan berkenaan memandangkan tidak ada rujukan spesifik mengenai aduan-aduan yang dimaksudkan itu.

Pihak-pihak yang menganjurkan peraduan adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa apa-apa perihal, pernyataan ataupun petunjuk mengenai peraduan itu adalah benar dan tidak mengelirukan. Kegagalan mematuhi adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Perihal Dagangan 1972. Dalam hubungan ini, kementerian sentiasa bertindak tegas terhadap pihak-pihak yang melakukan penyelewengan dan tidak bertanggungjawab itu. Sekianlah, terima kasih.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tanya pandangan kementerian Yang Berhormat berkaitan dengan syarikat komersil yang menganjurkan peraduan ataupun pertandingan dan pada masa yang sama mengutip derma atas nama amal. Apakah pandangan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada kes spesifik kementerian akan menyiasat.

TARAF KEWARGANEGARAAN MALAYSIA UNTUK WARGANEGARA ASING - SYARAT-SYARAT

9. **Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]** minta Menteri Dalam negeri menyatakan

- (a) apakah syarat-syaratnya seseorang warganegara asing itu diluluskan untuk taraf kewarganegaraan negara ini memandangkan 7,000 dari mereka telah memperolehi nikmat tersebut; dan
- (b) adakah dengan memberi taraf kewarganegaraan ini akan menguntungkan negara Malaysia atau semata-mata dari segi perikemanusiaan sahaja.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Syarat kelayakan warganegara asing untuk memohon taraf kewarganegaraan Malaysia ialah mempunyai taraf pemastautin tetap, bermastautin selama 12 tahun, berkelakuan baik dan mempunyai pengetahuan dalam bahasa Melayu. Kelayakan ini hanyalah membolehkan mereka memohon, manakala sama ada sesuatu permohonan itu akan diluluskan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.
- (b) Aspek yang utama bagi kerajaan menimbang sesuatu permohonan kewarganegaraan adalah dilihat dari aspek kesetiaan, sumbangan, pendidikan, kepakaran, pelaburan dan komitmennya terhadap negara ini. Dalam hal ini kerajaan sentiasa mementingkan aspek kualiti supaya mereka dapat bersama-sama memberi sumbangan membangunkan negara ini.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pemutihan rakyat asing tanpa izin di Sabah yang

sedang berjalan sekarang ini mendapat sambutan yang amat menyedihkan oleh kerana mereka menganggap bahawa mereka ini telah diberi kad pengenalan biru dan sudah menjadi rakyat Malaysia dengan memegang kad pengenalan yang diberikan oleh pihak-pihak tertentu. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, apakah tindakan oleh kementerian untuk mengatasi masalah ini?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, kad pengenalan hanya dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Lain-lain kad pengenalan yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak juga merupakan kad pengenalan palsu.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri tadi menjelaskan bahawa di antara kriteria-kriteria untuk meluluskan permohonan sesuatu kewarganegaraan adalah kualiti dan juga kepakaran. Sekarang ini dengan kemajuan negara yang memang telah pun diakui oleh dunia dan khususnya di bidang komputer dan teknologi maklumat, banyak warganegara Malaysia yang telah pun berhijrah ke negara lain dan telah pun melepaskan kewarganegaraan Malaysia masing-masing ingin kembali sebagai warganegara. Adakah pihak kerajaan akan mengambil mereka secara automatik ataupun mengambil kira bahawa pada satu ketika mereka telah hilang keyakinan kepada negara ini. Jadi, bagaimanakah proses pihak kementerian untuk memproses permohonan dari rakyat yang telah pun melepaskan kewarganegaraan masing-masing tetapi sekarang ini mahu pulang dan digalakkan pulang oleh kerana mereka mempunyai kepakaran dan kualiti.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, mereka yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi bolehlah kembali untuk bertugas ataupun bekerja memberi sumbangan kepada negara ini sebagaimana rakyat asing bekerja di negara ini dan mereka juga boleh memohon untuk mendapatkan permanent resident (PR), dengan izin. Seandainya mereka didapati layak, maka mereka bolehlah diberikan taraf kewarganegaraan.

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN PENDIDIKAN DI ANTARA MALAYSIA- NEGERI CHINA - PERTUKARAN PELAJAR

10. **Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan setelah memorandum persefahaman pendidikan yang telah ditandatangani oleh Malaysia dan Negeri China:

- (a) adakah pelajar di kedua-dua negara dibenarkan melanjutkan pelajaran mereka di antara kedua-dua negara; dan
- (b) adakah pelajar dari Negeri China setelah tamat pelajaran mereka di Malaysia dibenarkan bekerja atau mengajar di negara kita.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dalam memorandum persefahaman bidang pendidikan di antara Malaysia dan Republik Rakyat China mengandungi persetujuan untuk pertukaran pelajar antara kedua negara. Malaysia boleh menerima pelajar dari RRC untuk memasuki institusi-institusi pendidikan tinggi awam di negara ini terutamanya untuk mengikuti pengajian di peringkat lapan Ijazah.
- (b) Pihak kerajaan boleh mempertimbangkan warganegara asing untuk bekerja atau mengajar di negara ini jika ada keperluan dan ini tertakluk kepada syarat-syarat:
 - (i) ketiadaan calon warganegara Malaysia;
 - (ii) calon mempunyai kelayakan iktisas yang diiktiraf oleh kerajaan dan memenuhi syarat-syarat skim perkhidmatan bagi jawatan-jawatan berkenaan; dan
 - (iii) perlantikan dilaksanakan secara kontrak.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setelah mengadakan memorandum persefahaman tersebut dan setelah lawatan Yang Berhormat Menteri ke negara China, nampaknya perhubungan bidang pendidikan di antara kedua-dua negara sudah bertambah baik. Setakat ini berapa ijazah daripada universiti mana di negara China yang diiktiraf oleh negara ini dan sebaliknya adakah negara China ada mengiktiraf ijazah dari Malaysia? Kalau tidak, bilakah perkara ini akan dipertimbangkan supaya kita hantar pelajar ke negara China dan negara China hantar ke negara ini. Kalau ijazah-ijazah ini tidak diiktirafkan, maka tidak sesuaihlah bagi masa hadapan?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, dari segi soal pengiktirafan ijazah-ijazah di kalangan institusi-institusi pengajian tinggi di negeri China, perkara ini akan diteliti dengan

cermat oleh Lembaga Akreditasi Negara (LAN). Memang kita meneliti perkara ini untuk memastikan pelajar-pelajar terutama sekali yang ditaja oleh kerajaan, kalau adapun, di masa-masa yang akan datang pergi mengikuti kursus-kursus yang mengeluarkan ijazah-ijazah yang betul-betul sesuai dengan keperluan negara kita.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah rancangan yang telah dipersetujui oleh kedua buah negara untuk mempopularkan pelajaran bahasa Malaysia di negara China?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun mengadakan hubungan di satu institusi di sana dan kita akan berusaha untuk mengembangkan bukan sahaja di negara China tetapi juga di negara-negara yang lain melalui universiti-universiti yang berkaitan.

TANDA HARGA KERETA TERPAKAI-MENANGANI MASALAH

11. **Dato' Jamaluddin bin Adnan [Kuala Selangor]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan memandangkan didapati perintah penandaan harga ke atas penjualan kereta-kereta terpakai masih tidak dipatuhi sepenuhnya oleh penjual-penjual kereta terpakai dan juga terdapat kekeliruan terhadap penandaan harga pada kereta:

- (a) apakah langkah kementerian dalam menangani kekeliruan penandaan harga kereta-kereta terpakai; dan
- (b) berapakah jumlah perniagaan kereta-kereta terpakai yang beroperasi di negara ini dan berapakah bilangan peniaga yang tidak mematuhi peraturan dikenakan tindakan.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah dijawab bersama-sama soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Larut pada 24 Julai 1997. Saya tidak ada apa-apa maklumat tambahan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ini merujuk kepada jawapan yang telah dibentangkan pada minggu yang lepas. Saya ingin bertanya apakah bentuk persefahaman di antara kementerian Yang Berhormat Datuk dengan Kementerian Pengangkutan di dalam usaha untuk membendung masalah kenderaan-kenderaan curi yang dijual melalui penjual-penjual kereta terpakai kerana terdapat penipuan yang telah berlaku yang dilakukan

oleh pihak penjual di mana pembeli telah tertipu. Adakah sebarang rundingan dibuat di antara kedua-dua kementerian supaya benar-benar pengguna ini dapat dibela daripada penyelewengan yang dilakukan oleh pihak penjual?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kereta yang dicuri adalah bidang kuasa pihak polis. Walaupun demikian, kementerian ini sedang mengkaji untuk mewujudkan satu undang-undang khusus bagi mengawal selia industri kereta terpakai.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

[Soalan No. 12 - Y.B. Tuan Lim Kit Siang [Tanjong] tidak hadir]

SISTEM TRANSIT ALIRAN RINGAN (STAR) -JUMLAH PENUMPANG

13. **Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]** minta Perdana Menteri menyatakan tentang Sistem Transit Aliran Ringan (STAR):

- (a) apakah jumlah penumpang STAR bagi tempoh dari permulaan pengendaliannya sehingga kini berbanding dengan jumlah penumpang yang dirancang dalam rancangan perniagaannya; dan
- (b) jika jumlah penumpang yang sebenarnya lebih rendah daripada jumlah penumpang yang dirancang, apakah sebab-sebab bagi kekurangan ini. Adakah jumlah penumpang yang lebih rendah itu bermakna bahawa STAR sebenarnya tidak mengurangkan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama dengan soalan Yang Berhormat dari Kuala Nerus pada 31 Julai yang menyentuh mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Jumlah penumpang STAR, iaitu LRT kita, bagi tempoh dari permulaan pengendalian sehingga kini adalah lebih kurang 40,000 hingga 45,000 penumpang sehari. Jumlah ini adalah rendah berbanding, dengan izin, forecasted ridership (yang dijangkakan) iaitu 220,000 penumpang sehari.

Sebab-sebab berlakunya kekurangan penumpang ini di antaranya adalah:

- (i) orang ramai belum lagi dapat menyesuaikan diri mereka dengan sistem LRT yang baru ini;
- (ii) setengah pihak merasakan tambang LRT yang dikenakan itu agak mahal;
- (iii) sistem LRT-STAR belum lagi berhubung kait (interfacing) dengan sistem LRT yang lain kerana sistem LRT yang lain seperti PUTRA atau Monorel masih belum siap. Dengan itu, pertukaran penumpang di stesen-stesen tertentu dengan sistem LRT lain belum terlaksana;
- (iv) pelaksanaan bas 'feeder' yang kurang memuaskan kepada penumpang yang memerlukan untuk ke destinasi masing-masing; dan
- (v) kerajaan belum melaksanakan sepenuhnya rancangan-rancangannya yang lain yang menjurus ke arah tidak menggalakkan orang ramai membawa kenderaan persendirian mereka masuk ke bandar raya, seperti langkah-langkah mengurangkan tempat letak kereta, mengenakan caj letak kereta yang tinggi, zoning area, sistem tiket bersepadu, car-pooling dan sebagainya.

Bilangan penumpang yang kurang daripada perancangan sebenarnya tidak bermakna STAR tidak mengurangkan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur, sebaliknya sistem ini telah membantu ke arah mengurangkan kesesakan di Kuala Lumpur kerana ianya merupakan salah satu alternatif sistem pengangkutan awam di Kuala Lumpur yang kian meningkat penggunaannya.

Transit Laju Ringat Sistem I, Fasa I STAR telah beroperasi sejak tahun 1996. Laluan fasa I ini hanya sebahagian daripada keseluruhan rangkaian sistem pengangkutan rel yang merangkumi perkhidmatan LRT Sistem I, Monorel, Express Rail Link dan Keretapi Komuter Elektrik KTMB. Memandangkan keseluruhan rangkaian sistem rel masih dalam proses pembinaan, maka keberkesanan LRT Sistem I, Fasa I ini belum mencapai tahap yang boleh mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di bandar raya.

Pada masa ini kerja-kerja pembinaan laluan tambahan STAR Fasa II, LRT Sistem II atau PUTRA dan Kuala Lumpur Monorel (KLPRM) kesemuanya adalah mengikut jadual yang telah ditetapkan. Apabila kesemua projek LRT dan Monorel ini siap dan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2000 yang mana sistem-sistem ini berhubung kait, interfacing

di antara satu sama lain yang berbentuk satu rangkaian laluan yang menyeluruh meliputi kawasan Kuala Lumpur yang lebih luas, maka dijangkakan kesesakan kenderaan di Bandaraya Kuala Lumpur akan berkurangan. Walau bagaimanapun, kerjasama daripada orang ramai adalah diperlukan bagi membantu kesesakan lalu lintas di Bandaraya dan orang ramai adalah digalakkan menggunakan pengangkutan awam seperti bas, LRT dan juga kereta api komuter.

Dr. Tan Kee Kwong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kesesakan trafik di Kuala Lumpur masa kini adalah terlalu teruk, soalan saya ialah mungkinkah LRT 1 dan LRT 2 dan sistem PRT akan siap diadakan dalam masa yang dijangkakan sewaktu pembukaan Sukan Komanwel 1998?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, sebab sesak sekarang ini ialah kerana kita hendak membuat LRT ini dengan cepat. LRT Sistem Fasa II STAR sejauh 15 kilometer dijangka siap dan beroperasi pada tahun 1998, iaitu sebelum Sukan Komanwel. Projek LRT Sistem II PUTRA sejauh 28.9 kilometer dibahagikan kepada dua seksyen. Seksyen satu, dari Lembah Subang ke Pasar Seni sejauh 14.1 kilometer, dijangka siap dan beroperasi tahun 1998, juga sebelum Sukan Komanwel. Seksyen dua, dari Pasar Seni ke Gombak, termasuk terowong bawah tanah dekat persimpangan Ampang sejauh 5 kilometer, sejauh 14.8 kilometer dijangka siap pada tahun 1999.

PRT Kuala Lumpur sejauh 15 kilometer akan terbahagi kepada dua seksyen. Seksyen satu, dari stesen Tun Razak dan berakhir di stesen Kuala Lumpur Central, dijangka siap pada tahun 1998 juga. Manakala seksyen dua, dari stesen Syed Putra ke stesen Kampung Pasir dijangka siap pada tahun 2000.

Dr. Lee Chong Meng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selepas tambang khas untuk murid-murid sekolah dilaksanakan pada bulan Mei 1997, adakah tindakan ini menambahkan penumpang-penumpang setiap hari kepada sistem STAR. Soalannya, jika tiada, apakah langkah-langkah yang lain perlu diambil oleh pentadbiran STAR untuk memastikan bahawa pelaburan begitu besar iaitu lebih kurang RM2 bilion tidak dipandang sebagai satu projek yang tidak efektif?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi memang ridership atau yang naik LRT ini memang kurang seperti yang dijangkakan, dan pelbagai telah dijalankan. Tetapi

paling penting sekali ialah sikap kita sendiri, sikap commuter sendiri, iaitu masa sekarang masih lagi orang menganggap bahawa LRT itu sebagai gantian bas mini dan sebagainya. Oleh sebab itu, ridership itu terkongkong kepada satu golongan sahaja, tidak menyeluruh masyarakat di Kuala Lumpur ini.

Juga yang kedua, kita jangkakan apabila LRT ini siap kesemua sekali merentasi Kuala Lumpur, tidak ada hubungan antara satu sama lain, maka semasa itulah 'ridership'nya ataupun orang yang naik LRT ini akan bertambah. Sekarang ini memanglah agak kekurangan.

SIBUGA BY-PASS - PEMBINAAN

14. **Tuan Lau Ngan Siew [Sandakan]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah perkembangan terbaru di "Sibuga By-Pass" dan bilakah pembinaan akan bermula sejak peruntukan telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah melantik juruperunding dan juruukur pada bulan Disember 1996 untuk menjalankan kerja-kerja reka bentuk dan ukur bagi projek Jalanraya Lintas-Sibuga, iaitu Sibuga By-Pass. Kerja-kerja tersebut sedang dijalankan dan dijangka siap pada awal tahun 1998. Kerja-kerja pembinaan dijangka dapat dimulakan pada pertengahan tahun 1998.

KURSUS KAKITANGAN PENDIDIKAN - CADANGAN MENGADAKAN TEMPAT KURSUS YANG DEKAT

15. **Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said [Kuala Kedah]** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kementerian sedar kakitangan pendidikan yang dipilih bagi menghadiri kursus-kursus diadakan di tempat yang jauh, umpamanya kakitangan pendidikan di Kedah dihantar kursus di Selangor, Kelantan dan begitulah sebaliknya. Kakitangan perempuan mempunyai keluarga terpaksa meninggalkan anak-pinak, hilang konsep keluarga penyayang, membebaskan perbelanjaan. Adakah kementerian bercadang sebarang kursus diadakan dalam negeri sahaja di mana sekarang semua tempat ada kemudahan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan mempunyai pusat latihan dan kursus di tempat-tempat tertentu berdasarkan zon-zon tertentu dalam menjalankan dua jenis program latihan dalam perkhidmatan untuk

guru-guru iaitu program Kursus Peningkatan Profesionalisme (KPP) selama 14 minggu dan program Kursus Diploma Perguruan Khas (KDPK).

Penempatan calon KDPK ke pusat kursus adalah bergantung kepada bidang pengkhususan yang dipohon. Ini adalah kerana tidak semua 26 maktab perguruan yang menjalankan KDPK menawarkan bidang kursus yang sama. Selain daripada itu, beberapa bidang pengkhususan ada keperluan tertentu yang memerlukan peserta-peserta kursus terutama sekali guru-guru wanita dikumpulkan di beberapa maktab perguruan tertentu. Semua peserta KDP selama 14 minggu ini ditempatkan di maktab yang berdekatan seboleh-bolehnya. Kursus dan latihan diadakan bagi meningkatkan profesionalisme perguruan, untuk itu kita berharap adalah sedikit-sebanyak pengorbanan dari semua pihak.

PROGRAM GERAK DESA WAWASAN - AKTIVITI DAN BILANGAN KAMPUNG TERLIBAT

16. Puan Sukinam Domo [Batang Sadong] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan kedudukan terkini program/projek Gerak Desa Wawasan:

- (a) berapa buah kampung sudah terlibat dan apakah aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan dan bagaimanakah kemajuannya; dan
- (b) apakah masalah yang dihadapi dan bagaimana ianya diatasi.

**Setiausaha Parlimen Kementerian
Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas
Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sejak pelancaran Program Desa Wawasan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Kampung FELCRA Seberang Perak daerah Hilir Perak pada 4 Julai 1996, sebanyak 606 buah kampung telah dipilih untuk dimajukan di dalam tahun pertama Julai 1996 ke Jun 1997 di bawah program ini. Memandangkan tempoh ini adalah permulaan GDW, tumpuan utama diberi kepada program-program penyebaran maklumat asas dan pendekatan kefahaman kepada pemimpin dan kakitangan kerajaan

di peringkat daerah dan negeri serta kursus-kursus mengenai Gerakan Desa Wawasan kepada penggerak-penggerak GDW dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung.

Di samping itu, hasil dari kursus-kursus yang dijalankan, JKK dengan bantuan penggerak-penggerak GDW telah menyiapkan pelan tindakan pembangunan kampung masing-masing yang akan mempertingkatkan dan mempercepatkan proses menjadikan kampung-kampung sebagai tempat yang maju, menarik dan menguntungkan.

Dari kampung-kampung yang telah dipilih kita mendapati 71% telah mencapai tahap kemajuan pelaksanaan GDW yang memuaskan.

- (b) Sebagai satu program yang baru dilaksanakan masalah utama GDW ialah kefahaman masyarakat mengenai program ini sama ada peringkat agensi mahu pun JKK dan masyarakat kampung yang terlibat masih lagi lemah dan kurang jelas. Juga berlaku kelemahan dalam program latihan, perancangan program dan mekanisme pengawasan. Bagi mengatasi masalah ini, kementerian sedang menyusun semula dan memantapkan kaedah-kaedah latihan kepada JKK dan sesi-sesi penerangan kepada masyarakat umum. Kementerian juga sentiasa mengawasi pelaksanaan program supaya kekesanannya sentiasa dapat dipertingkatkan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apakah kementerian telah mengkaji tentang pengurus bagi pelaksanaan Gerakan Desa Wawasan yang dikenal pasti di kampung-kampung tertentu, di mana sebenar-benarnya pihak yang sepatutnya terlibat secara khusus, iaitu pejabat-pejabat daerah dan jabatan-jabatan yang berkaitan di sesuatu daerah sebenarnya tidak dimaklumkan dengan pelaksanaan Gerakan Desa Wawasan, dan malah ada pegawai daerah yang tidak faham apakah itu GDW. Jadi, di manakah silapnya. Saya ingin bertanya, adakah kakitangan KEMAS yang telah diamanahkan untuk

menggerakkan Gerakan Desa Wawasan ini di peringkat daerah dan juga kampung benar-benar telah diberikan kursus, dan adakah setakat hari ini aduan-aduan yang telah diterima oleh pihak Kementerian mengenai dengan kepincangan pihak KEMAS ini?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, program ini telah dijalankan 12 bulan yang lalu, kita telah jalankan kajian dan kita juga telah mendapati ada kepincangan dan kelemahan dari segi pengurus projek. Oleh yang demikian, kita telah menyusun program supaya kelemahan-kelemahan itu dapat dibetulkan. Jadi, bagi pegawai-pegawai yang lain sepatutnya di setiap daerah, pegawai daerahlah sepatutnya jadi pengerusi Jawatankuasa Gerakan Desa Wawasan Daerah. Kerana dengan melantik pegawai daerah menjadi pengerusi GDW ini, mereka akan dapat membawa pegawai-pegawai yang lain yang terlibat dalam pembangunan di daerah itu sama duduk dalam jawatankuasa. Dengan pembentukan secara itulah kita yakin bahawa masalah yang disebut oleh Yang Berhormat ini tidak berlaku. Tetapi kita faham ada berlaku di beberapa kawasan dan kita sedang terus akan memberitahu kepada pihak berkenaan supaya jawatankuasa ini terus ditubuhkan.

Mengenai perkara yang kedua, masalah kakitangan KEMAS, memang dari masa ke semasa kita mencari jalan bagaimana kita dapat memperbaiki prestasi pegawai-pegawai ini supaya program di Kementerian khususnya GDW ini dapat dijalankan dengan seberapa boleh supaya matlamat kerajaan dapat dicapai.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di kawasan saya ada juga desa-desa wawasan yang ditubuhkan. Tetapi nampaknya program yang dibuat begitu lembab. Ini mungkin sesuai dengan penjelasan Yang Berhormat tadi, iaitu pegawai daerah tidak begitu aktif. Bolehkah Yang Berhormat menyatakan apakah jenis aktiviti yang sepatutnya ada dalam Desa Wawasan dan berapakah peruntukan yang diperuntukkan untuk satu-satu Desa Wawasan dan juga di seluruh negara?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebut tadi memang program ini baru, maka timbullah pelbagai kekeliruan. Sepatutnya fokus kepada program ini adalah kepada pendidikan ataupun pembangunan insan untuk memberi bimbingan kepada penduduk-penduduk kampung melalui JKKK bahawa mereka dapat mengatur program, merancang program pembangunan masing-masing dan menentukan

bahawa segala pembangunan itu dijalankan dengan lancar dengan kerjasama dan penglibatan semua penduduk di kampung itu. Aktiviti-aktiviti termasuk kursus-kursus dan juga mungkin aktiviti gotong-royong dan sebagainya. Itulah beberapa aktiviti juga termasuk pembangunan menentukan dan mengatur pelan tindakan pembangunan untuk kampung tersebut.

Mengenai peruntukan, Kementerian telah memutuskan bahawa kita akan memperuntukkan 10% dari jumlah program-program pembangunan infrastruktur, iaitu termasuk Projek Jalan Kampung, Projek Air Luar Bandar, Projek Elektrik Luar Bandar diberikan kepada kampung-kampung ini. Oleh yang demikian, maka pengurus-pengurus kampung Gerakan Desa Wawasan telah diminta untuk memajukan cadangan-cadangan projek kepada Kementerian. Sekarang kita telah menerima beberapa cadangan, cuma kita belum menerima dari 5 negeri mengenai cadangan-cadangan ini. Jadi, kalau di kawasan Yang Berhormat belum ada cadangan dari pengurus projek, saya minta kita berbincang dengan pegawai-pegawai tersebut untuk memajukan cadangan itu.

KEGIATAN CETAK ROMPAK- KEBERKESANAN PERATURAN DAN KERUGIAN YANG DIALAMI

17. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sejauh mana keberkesanan pelaksanaan peraturan bagi menyekat kegiatan cetak rompak dan berapakah anggaran kerugian yang dialami akibat dari perbuatan tersebut. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi kegiatan orang-orang yang tidak bertanggungjawab ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan-pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah yang dijadualkan pada hari ini, Ahli Yang Berhormat dari Kluang yang dijadualkan pada 30 Julai 1997 memandangkan pertanyaan-pertanyaan itu adalah mengenai perkara-perkara yang sama, iaitu aktiviti cetak rompak dan pengedaran barang-barang tiruan serta pelaksanaan dan prestasi tindakan-tindakan membanterasnya.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya undang-undang yang sedia ada seperti Akta Hakcipta 1987 dan Akta Perihal Dagangan 1972 adalah memadai untuk membanteras aktiviti cetak rompak dan peniruan produk di negara ini. Selain daripada peruntukan-peruntukan criminal yang hanya boleh diambil tindakan oleh pihak-pihak berkuasa atas aduan tuan punya hak, undang-undang yang sedia ada juga mengandungi peruntukan-peruntukan bagi membolehkan tuan punya hak mengambil tindakan sivil di mahkamah terhadap mana-mana orang yang melakukan aktiviti cetak rompak atau peniruan barang-barang bagi mendapatkan ganti rugi dan sebagainya.

Pada masa yang sama, kementerian juga mempunyai pegawai-pegawai yang terlatih dan berpengalaman bagi maksud penguatkuasaan akta-akta tersebut. Walau bagaimanapun, dengan teknologi yang serba canggih pada masa ini, aktiviti cetak rompak dan peniruan barang-barang bukan sahaja mudah dilakukan, tetapi sangat menguntungkan. Selagi ada permintaan terhadapnya selagi itulah akan ada pihak-pihak yang akan melakukan aktiviti-aktiviti tersebut. Hukuman denda tidak lagi berfungsi sebagai deterrent, dengan izin, kepada mereka kerana mereka mampu membayarnya. Di samping itu, banyak bilangan kes pada tahun lepas dan tahun sebelumnya telah pun dikemukakan ke mahkamah telah dibuang kes kerana tidak mempunyai bukti-bukti yang cukup bagi tindakan selanjutnya. Atas sebab itu, hukuman buang daerah bagi mereka yang terlibat dengan aktiviti demikian dilihat sebagai satu pendekatan yang berkesan dalam membanterasnya dan diketengahkan untuk mendapat pandangan dan ulasan dan reaksi dari pelbagai pihak sebagai input untuk kajian selanjutnya. Dalam hubungan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi pandangan dan ulasan.

Tuan Yang di-Pertua, aktiviti cetak rompak dan pengedaran barang-barang tiruan ini merugikan banyak pihak, iaitu pencipta karya, industri berkaitan, kerajaan dan pengguna. Namun demikian, sehingga hari ini tidak ada perangkaan yang sah mengenai jumlah kerugian tersebut.

Kerajaan sedang dan akan memerangi habis-habisan aktiviti cetak rompak dan pengedaran barang-barang tiruan di negara ini. Di antara langkah-langkah dan strategi yang diambil oleh kementerian ialah:-

- (i) menentukan negara mempunyai undang-undang yang memadai dan peruntukan-

peruntukannya sesuai dengan keperluan semasa dan selaras dengan amalan antarabangsa. Bagi maksud ini, Malaysia menganggotai pertubuhan, konvensyen dan perjanjian antarabangsa mengenai harta intelek dan pada masa yang sama menyempurnakan obligasi negara di bawah pertubuhan, konvensyen dan perjanjian itu;

- (ii) mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang melalui tindakan-tindakan proaktif dan pada masa yang sama bertindak ke atas setiap aduan yang diterima. Bagi meningkatkan keberkesanannya, kementerian juga bertindak secara bersepadu dengan pihak polis;
- (iii) melaksanakan program pendidikan bagi mempertingkatkan kesedaran dan kefahaman orang ramai mengenai undang-undang berkaitan, kesan-kesan negatif yang berbangkit atau boleh berbangkit daripada aktiviti cetak rompak dan pengedaran barang-barang tiruan dan peranan yang boleh dimainkan oleh setiap anggota masyarakat sama ada secara individu atau kolektif dalam membanteras aktiviti tersebut; dan
- (iv) mengadakan kemudahan-kemudahan untuk membolehkan tuanpunya hakcipta, paten dan cap dagangan membuat aduan.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, kementerian ini berpendapat tindakan-tindakan yang diambil telah memberi kesan yang positif. Pada masa ini, negara kita tidak disenaraikan sebagai sebuah negara yang banyak berlaku aktiviti cetak rompak dan peniruan barang-barang. Kecenderungan syarikat-syarikat antarabangsa untuk melabur di negara ini dan menyertai MSC membuktikan keyakinan mereka terhadap usaha-usaha kerajaan untuk membanteras aktiviti-aktiviti yang tidak sihat itu.

Bagi tempoh 1 Jun 1996 hingga 30 Jun 1997, kementerian telah bertindak ke atas 493 kes di bawah Akta Hakcipta 1987 berhubung dengan pelanggaran hakcipta yang melibatkan penyitaan salinan-salinan langgaran dan peralatan berkaitan bernilai kira-kira RM2.31 juta. Dalam tempoh itu juga sebanyak 243 kes telah dihadapkan ke mahkamah dan selesai dibicarakan dengan dikenakan hukuman denda berjumlah RM360,520.

Bagi tempoh yang sama,

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, panjang sangat. *[Ketawa]*

Dato' Tan Chai Ho: Akan habis!

Tuan Yang di-Pertua: Satu ayat lagiakah?

Dato' Tan Chai Ho: Ya, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila. *[Ketawa]*

Dato' Tan Chai Ho: Bagi tempoh yang sama, kementerian juga telah bertindak ke atas 1,438 kes di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 berhubung dengan penggunaan perihal dagangan palsu, pembuatan dan pengedaran barang-barang tiruan yang melibatkan penyitaan barang-barang tiruan dan peralatan berkaitan bernilai kira-kira RM15.04 juta. Dalam tempoh itu juga, sebanyak 135 kes telah dihadapkan ke mahkamah dan selesai dibicarakan dengan dikenakan denda berjumlah RM302,150 manakala 913 kes lagi telah dikompaun dengan nilai kompaun sebanyak RM566,970. Sekianlah, terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada jawapan yang panjang lebar itu. *[Ketawa]* Jadi, saya ingin tahu, adakah terdapat kes-kes yang berulang macam seseorang itu bila telah dituduh membuat salah, menjalankan kegiatan cetak rompak dan didenda, adakah orang ini mengulangi kerja-kerja cetak rompak ini yang mana adakah peruntukan undang-undang yang sedia ada mencukupi untuk mengawal dan juga bagi membendung kegiatan yang kurang sihat ini.

Dato' Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, ada kes yang berulang dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini kita ada peruntukan undang-undang untuk mengawal orang yang melakukan kesalahan yang banyak kali. Tetapi, di bawah Akta Hakcipta, hukuman kepada sesiapa yang mengedar, menyewa salinan pelanggaran boleh didenda RM10,000 atau dipenjarakan lima tahun atau keduanya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masa untuk pertanyaan-pertanyaan Jawab Mulut selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 4, 12, 18 hingga 96 dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDAANG-UNDAANG

RANG UNDAANG-UNDAANG PENCEGAHAN RASUAH 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.35 ptg.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Suatu Akta yang dinamakan Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang bertujuan menyatu dan menyelaraskan Undang-undang Pencegahan Rasuah yang sedia ada, memasukkan peruntukan-peruntukan baru yang lebih kemas terutama bagi usaha-usaha pencegahan rasuah, memberi kuasa-kuasa menyiasat dan peruntukan hukuman yang lebih berat ke atas pesalah jenayah rasuah supaya negara dapat menangani jenayah rasuah secara lebih tegas dan dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, rasuah merupakan jenayah keji dan merbahaya. Sepanjang sejarah masyarakat manusia dari zaman bahari hingga hari ini, rasuah dikutuk oleh semua tamadun.

Rasulullah s.a.w. bersabda: 'la'anallahur rasyi walmurtasyi warraisy', Allah melaknat yang menerima rasuah, yang memberi rasuah dan yang menjadi perantara rasuah.

Kautilya', Perdana Menteri Empire Maureiya di India yang hidup dalam abad ke-4 Sebelum Masehi menyatakan kebimbangan terhadap kesan buruk rasuah terhadap pemerintahan. Dalam sejarah pemikiran Islam, bahaya rasuah ditegaskan oleh Ibnu Khaldoun dan sezaman dengan beliau Wang An Tze yang menjadi Perdana Menteri Dinasti Sung Utara bergelut untuk membanteras rasuah.

Gerakan membanteras rasuah di Malaysia harus dilihat secara positif. Ia bukan agenda politik tetapi ia adalah agenda pembangunan bangsa kerana rasuah merupakan kuman yang boleh merosakkan pemerintahan dan negara. Kita tahu dari Sejarah Melayu bagaimana rasuah menyebabkan kejatuhan kesultanan Melaka. Rasuah boleh jadi penghalang kemajuan ekonomi dan masyarakat. Ia menggaris keyakinan terhadap jentera pentadbiran pemerintah dan institusi awam yang menjadi penghalang kepada usaha untuk meningkatkan mutu pentadbiran dan keberkesanan kerajaan. Dari segi ekonomi, rasuah meningkatkan kos, mengherotkan urutan keutamaan dan menyebabkan pengagihan sumber yang salah.

Kita bersyukur ke hadrat Allah kerana gejala rasuah di Malaysia belum sampai ke peringkat parah yang melumpuhkan pentadbiran dan menyebabkan rakyat dan pelabur kehilangan kepercayaan terhadap jentera kerajaan.

Namun kita harus meningkatkan usaha membanterasnya. Usaha ini menjadi lebih mendesak tatkala Malaysia memerlukan pelaburan asing dalam sektor strategik dan juga pemindahan teknologi. Kebanyakan negara-negara industri kini menggubal undang-undang untuk mendakwa syarikat-syarikat yang terlibat dalam pemberian rasuah di negara asing.

Untuk membanteras jenayah rasuah, kita perlukan peningkatan kemampuan Badan Pencegah Rasuah dari segi tenaga manusia terlatih dan juga prasarana yang diperlukan untuk keberkesanan fungsi. Justeru itu, mengambil kesempatan dalam pembentangan rang undang-undang ini, saya ingin menjelaskan iltizam dan komitmen kerajaan dan dengan itu telah mengambil keputusan menambah peruntukan untuk BPR dan menambah jumlah kakitangannya.

Jumlah kakitangan BPR ditambah segera seramai 237 orang dan 10 orang Timbalan Pendakwa Raya dari kekuatan yang ada sekarang. Kelengkapan-kelengkapan segera yang diperlukan berjumlah RM3.42 juta telah diluluskan serta-merta. Keberkesanan membanteras rasuah juga bergantung kepada peruntukan undang-undang yang berkesan dan mencukupi.

Atas sebab ini, maka kita mengambil keputusan untuk menggabungkan segala undang-undang mengenai rasuah di bawah satu akta. Sebelum ini, undang-undang mengenai kesalahan perbuatan jenayah rasuah di Malaysia wujud di dalam beberapa undang-undang yang berlainan iaitu Akta Pencegah Rasuah 1961, Akta Badan Pencegah Rasuah 1982, Ordinan No. 22 Darurat 1970, Kanun Keseksaan dan Akta Kastam 1967.

Sudah tiba masanya kini undang-undang yang sedia ada dipinda dan disatukan bagi memastikan pelaksanaan penguatkuasaannya lebih berkesan bersesuaian dengan keadaan masa kini. Melalui pindaan ini, pegawai-pegawai BPR diperuntukkan kuasa-kuasa khusus sebagai pegawai-pegawai BPR *per se*, dengan izin, dan tidak cuma dianggap sebagai pegawai polis atau penyiasat yang mempunyai kuasa-kuasa seperti pegawai polis seperti di bawah Seksyen 5(ii) Akta Badan Pencegah Rasuah 1982.

Rang Undang-undang ini akan memperjelas fungsi BPR sebagai agensi penguatkuasa undang-

undang yang berasingan, mengelakkan pertindihan kuasa dengan polis dan seterusnya memiliki prasarana berasingan untuk menjalankan tugas dengan berkesan, menjamin kelicinan sesuatu siasatan terutama sekali dari segi kerahsiaan bertindak dan operasi-operasi yang dijalankan.

Pada masa ini, BPR tidak mempunyai segala kemudahan pentadbiran seperti yang diperuntukkan oleh peraturan-peraturan di bawah Kanun Prosedur Jenayah. Umpamanya, BPR tiada balai dan lokap sendiri yang digazetkan, tiada Buku Laporan BPR sendiri, tiada kemudahan mengambil cap jari dan gambar penjenayah dan tiada diperuntukkan kuasa melepaskan orang yang disyaki dengan mengikat jamin.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi undang-undang, akta-akta yang berlainan mempunyai kaedah pembuktian anggapan dan beban bukti yang berlainan. Ini secara keseluruhannya menyebabkan undang-undang berkaitan rasuah menjadi tidak seragam.

Sebagai contoh, di bawah Akta Pencegah Rasuah 1961, terdapat anggapan di bawah Seksyen 14 yang mengatakan: '*Jika dibuktikan bahawa sesuatu suapan telah dibayar atau diberi kepada seseorang anggota awam maka suapan itu hendaklah dianggap sebagai telah dibayar atau diterima secara rasuah melainkan jika dibuktikan sebaliknya.*'

Tetapi anggapan ini tidak pula terpakai di atas kesalahan-kesalahan di bawah Kanun Keseksaan dan Akta Kastam. Perkara ini akan diperbetulkan dalam undang-undang yang dicadangkan ini. Dalam organisasi penguatkuasaan seperti BPR, konsep 'chain of command' adalah merupakan satu ciri yang mustahak yang mempunyai implikasi ke atas panel control kerana ia mempunyai kaitan dengan keberkesanan pengawasan ke atas pegawai penyiasat.

Dalam akta yang sedia ada hanya terdapat tiga peringkat jawatan Pegawai BPR yang mengandungi 9 gred jawatan iaitu Pegawai Siasatan, Penolong Pegawai Siasatan, Pembantu Siasatan. Keadaan ini telah menyebabkan tidak wujudnya dengan izin, 'clue chain of command' yang teratur mengikut jawatan.

Kurang lapisan atau hierarki jawatan seperti yang wujud dalam lain-lain agensi penguatkuasa seperti dalam pasukan polis menyebabkan kuasa-kuasa yang diperuntukkan tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan. Oleh itu, adalah dicadangkan struktur

perjawatan BPR disusun semula dari 9 gred kepada 11 gred perjawatan iaitu dari jawatan ketua pengarah hingga kepada jawatan pegawai penyiasat bagi memantapkan lagi 'change of command' dan pembahagian kuasa yang jelas.

Kerajaan juga menganggap sudah tiba masanya undang-undang pencegahan rasuah yang ada sekarang, yang kali akhir dipinda pada tahun 1971 dikaji semula bersesuaian dengan keadaan masa ini. Antara sebab mengapa cadangan Rang Undang-undang Akta Pencegahan Rasuah 1997 dikemukakan adalah :-

Pertama, kelemahan pada undang-undang rasuah yang sedia ada - Perbuatan jenayah rasuah merupakan perbuatan jenayah kolar putih yang semakin hari semakin canggih di mana sipenjenayah menggunakan segala kepintarannya untuk mengelak pengesanan dan berselindung di bawah technicality of the law, dengan izin. Umpamanya dari segi penggunaan nama orang lain bagi pihak dirinya atau untuk memegang harta yang diperolehi akibat perbuatan rasuah dengan menggunakan nama orang lain. Di bawah undang-undang yang sedia ada, adalah sukar untuk mengaitkan orang-orang yang berkenaan dengan kesalahan-kesalahan rasuah yang dilakukan. Dalam rang undang-undang yang dicadangkan ini, kelemahan ini cuba diatasi dengan menambah tafsiran sekutu dan saudara yang digunapakai bagi beberapa peruntukan seperti Seksyen 16 dan 33.

Kedua, keterangan rakan sejenayah - Jenayah rasuah juga merupakan satu bentuk jenayah yang unik kerana pelaku dan mangsanya dianggap 'accomplice' atau rakan sejenayah walaupun sebenarnya mangsa itu sendiri yang melaporkan kepada pihak berkuasa. Kredibiliti mereka adalah diragukan dan perlu keterangan sokongan. Adalah dicadangkan dalam rang undang-undang ini keterangan rakan sejenayah yang sebenarnya merupakan mangsa boleh diterimapakai oleh mahkamah dengan menambah peruntukan baru iaitu Seksyen 45(1)(a)(i) hingga (iii):

"Seksyen 45 (1) - Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan, dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang atau sesuatu kesalahan di bawah Akta ini -

(a) *tiada saksi boleh dianggap sebagai rakan sejenayah hanya semata-mata kerana saksi-saksi itu telah -*

(i) *menyetujui-terima, memperoleh, meminta dan bersetuju untuk*

menyetujui-terima atau menerima, atau cuba untuk memperoleh apa-apa suapan dari mana-mana orang;

(ii) *memberikan, menjanjikan, menawarkan atau bersetuju untuk memberikan apa-apa suapan; atau*

(iii) *telah dengan apa-apa cara terlibat dalam pelakuan kesalahan itu atau tahu tentang pelakuan kesalahan itu;"*

Ketiga, kesukaran mengesan jenayah rasuah - Jenayah rasuah sukar dikesan kerana kedua-dua belah pihak mendapat faedah daripada pelakuan jenayah dan dalam banyak keadaan, ianya berlaku secara seorang dengan seorang secara bersembunyi dan secara suka sama suka. Dalam lain keadaan terdapat permintaan rasuah secara ugutan iaitu di mana mangsa dipaksa memberi wang rasuah. Jika tidak, mangsa tidak akan memperolehi apa-apa yang dikehendaki atau mungkin dikenakan tindakan yang lebih berat. Salah satu cara pencegahan rasuah yang paling berkesan ialah dengan mengadakan peruntukan undang-undang di mana pelaku rasuah boleh dihalang dari menikmati apa juga hasil yang diperolehi melalui rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, seorang pelaku rasuah mungkin boleh mengelak daripada dikesan oleh pihak yang berkuasa. Namun begitu, di bawah peruntukan yang dicadangkan, seorang penjawat awam yang disyaki telah melakukan rasuah akan diperintah untuk mengisytiharkan hartanya. Sekiranya didapati harta dimilikinya tidak sepadan dengan pendapatannya yang sah, dia akan diminta memberi penjelasan bagaimana dia memperolehi harta itu. Sekiranya dia gagal berbuat demikian, dia dianggap melakukan suatu kesalahan dan harta yang melebihi pendapatannya yang sah itu boleh dirampas di bawah Seksyen 33, 34 dan 35.

Sebagai mengatasi masalah kesukaran mengesan perbuatan jenayah rasuah ini, dicadangkan juga penggunaan ejen provokasi iaitu seorang ejen yang digunakan oleh BPR untuk sesuatu penyiasatan di bawah Akta Dadah Merbahaya.....

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat kita boleh mengadakan satu perbahasan yang lebih manfaat oleh sebab kita boleh faham intent yang ada dalam peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang baru ini. Tadi, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada sebut mengenai Fasal 33 di mana seseorang 'public officer' yang ada kekayaan luar

biasa boleh dikenakan kesalahan kalau dia gagal memberi keterangan yang memuaskan. Bukankah benar bahawa mengikut apa yang ada di dalam Fasal 33 bahawa seorang 'public officer' yang ada kekayaan luar biasa atau ada 'life style' yang luar biasa, dia tidak secara langsung, directly, disifatkan sebagai kesalahan selain daripada ada penyiasatan dan bukan sahaja ada penyiasatan, bahawa public prosecutor adalah berpuas hati bahawa ada asas munasabah untuk keluar satu notis untuk memberi semua keterangan. Kalau tidak, sungguhpun ada kekayaan luar biasa tidak kena mengena. Bukankah ini keadaannya?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Fasal 33 (1), (2) dan (3) harus dibaca bersama dengan 10 dan 11. Walau bagaimanapun, untuk tidak memanjangkan isu spesifik yang dibangkitkan, saya ingin menyatakan bahawa kita ada masalah dalam menentukan peruntukan ini.

Pertama, kerana isu beban pembuktian, the onus or burden of proof. Kita tidak mahu dituduh untuk bertindak reverse, membelakangkan prinsip beban pembuktian. Kalau kita gunakan cadangan awal kita, kita hendak menetapkan dengan cara yang jelas orang yang menghimpun dan menimbun kekayaan dia RM100 juta, kemudian bersara, kita rasa kalau dengan itu sudah cukup untuk tindakan diambil tetapi, ini dipertikaikan kerana bertentangan dengan prinsip dan prinsip yang diterima dalam undang-undang ini supaya beban pembuktian itu terhadap pihak yang mendakwa.

Oleh yang demikian, kita ambil jalan dan pendekatan berdasarkan bentuk perundangan yang ada, ia termasuk dalam Kanun Jenayah, maka ditekankan bahawa harus dijelaskan, harus ada bukti yang nyata. Pertama, harta itu terkumpul dan keduanya, ada alasan untuk dipercayai harta itu dikumpul secara yang tidak sah ataupun cara yang dianggap korup atau rasuah, maka barulah beban pembuktian itu dipindah kepada mangsa yang dituduh. Tetapi, saya tahu pandangan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong kerana ini memang kita bahaskan tetapi kita juga terikat dari prinsip fundamental dalam perbincangan mengenai prinsip undang-undang ini, tetapi berkaitan dengan ini juga, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya ingin memberi notis bahawa Seksyen 14 ini, oleh kerana soal tafsiran tentang pegawai badan awam itu sudah pun termasuk Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri, maka saya ingin memberi notis bahawa peruntukan khas di dalam Seksyen 14 yang menyentuh para mengenai Ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, saya fikir tidak perlu lagi kerana

sudah pun dimasukkan dalam tafsiran pegawai badan awam yang memang termasuk di dalam sini. Pegawai badan awam ertinya mana-mana orang yang menjadi anggota pegawai termasuklah Ahli Parlimen, ahli sesuatu Dewan Undangan Negeri, hakim, oleh yang demikian, tidak perlu lagi satu fasal tambahan yang menyentuh khusus Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri.

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, tujuan kerajaan untuk membentangkan rang undang-undang ini amat kita alu-alukan tetapi nampaknya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tidak sungguh-sungguh. *[Disorak]* Jadi, kita ingin membantu pihak kerajaan untuk menggubal satu *[Diganggu]* undang-undang yang secara menyeluruh *[Diganggu]* mengenai gejala rasuah ini.

Di dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan bahawa kemungkinan Seksyen 14 itu akan dimansuhkan. Adakah tidak lebih baik supaya Seksyen 14 itu jangan dimansuhkan tetapi sebaliknya diganti dengan peruntukan yang merangkumi cara-cara bagi pihak badan pencegah rasuah kelak untuk membendung kegiatan politik wang dan terpulanglah kepada pihak kerajaan untuk menyediakan *[Diganggu]* draf yang mungkin sesuai bagi menggantinya. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Terima kasih. Seksyen 14 ini kalau Ahli Yang Berhormat dari Tuaran baca, ia menyentuh khusus Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri tetapi maksud kita di sini ialah menyentuh kedudukan pegawai badan awam dan dalam tafsiran pegawai badan awam sudah pun dimasukkan Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri. Jadi, sebab itu kita anggap provision ataupun peruntukan itu redundant tetapi kalau hendak dikenakan disiplin tambahan untuk PBS itu bolehlah saya fikirkan. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Bagus, bagus.

Seorang Ahli: Setuju, setuju.

Seorang Ahli: Pergi mampuslah.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun][Menyampuk]*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Nanti saya habiskan, kemudian kita debat.

Tuan Lim Kit Siang: Yang tadi itu, saya bukan mahu pre-empt perbahasan, untuk faham

peruntukan di mana ada dikemukakan kepada Dewan yang mulia kita, saya bukan mahu pre-empt perbincangan tetapi oleh kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada kata bahawa tidak mahu tukar onus of proof, supaya tidak ada peruntukan yang ada ditimbang pada awalnya mengenai kesalahan di mana seorang 'public officer' yang ada dalam Hong Kong provision adalah kepunyaan harta yang tidak diterangkan - possession of unexplained the property - bukankah kalau kita mengikuti apa yang ada dalam Hong Kong provision di mana seorang yang ada maintain a standard of living about that which is commensurate with his present or past official emolument or control of pecuniary resources of property disproportionately his present or past official emolument itu satu kesalahan bukan satu tukar onus of proof tetapi satu kesalahan yang baru yang berbeza daripada tukar onus of proof dan tidak timbul masalah tukar onus of proof.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin *Mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, kita kaji kedua-dua ICAC Hong Kong dan juga peruntukan pindaan yang ada dalam undang-undang Sri Langka. Dua negara ini menyebut tentang prinsip tanggungjawab penjelasan oleh yang dituduh tetapi kita setelah bincang, Yang Berhormat juga tahu bahawa prinsip ini dibantah keras oleh sebahagian daripada kalangan profesional yang menganggap ini reversal tentang prinsip onus atau burden of proof. Sebab itu tujuan kita pinda ini apa? Kalau orang itu mengumpul kekayaan yang berlebihan dan biar ada prosedur awal untuk mengesahkan, pertama, memang ada kekayaan itu dan kekayaan itu memang dipercayai walaupun belum dibuktikan dari sumber yang tidak sah kalau kebetulan dia anak seorang billionaire, maka saya percaya tidak perlu dipanjangkan tetapi dalam keadaan biasa, saya fikir cukup kuat. Kalau kita lihat peruntukan undang-undang ini dengan peruntukan undang-undang sebelumnya, ini merupakan satu perubahan yang drastik dalam prinsip undang-undang dalam negara kita dan saya fikir munasabah kita kalau kita tidak politikkan isu ini dan terima bahawa perubahan ini cukup-cukup radikal daripada undang-undang sebelumnya. [Tepuk]

Dan ini, saya hendak jelaskan ini setakat yang kita tahu Hong Kong ada, tetapi dalam keadaan sekarang ICAC menjadi CAC sahaja. Saya tidak tahu apa yang akan berlaku selepas ini, Sri Langka ada provision ini tetapi belum pernah cuba dijalankan

dan Negara Ketiga yang menunjukkan keberanian adalah Malaysia. [Tepuk] Ahli Yang Berhormat dari Tanjong akan bertanya apakah kita akan gunakan peruntukan ini kemudian untuk bertindak, saya ingin memberi jaminan di Parlimen ini kita akan gunakan peruntukan ini untuk tidak bertolak ansur dan bertindak. [Tepuk]

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah benar bahawa negara-negara lain pun yang ada peruntukan ini selain dari Hong Kong dan selain dari Sri Langka, bukankah pegawai-pegawai ACA ada beri maklumat ada negara-negara yang lain, bukan negara yang ketiga untuk Malaysia?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, ada tetapi tidak dalam konteks dan sekeras peruntukan yang ada di sini. Saya kebetulan terlibat dalam sama-sama merangka sejak dua tahun yang lalu dan dalam kajian yang dibuat, dalam peruntukan yang dicadangkan ini sukar bagi orang mempertikaikan bahawa peruntukan yang ada ini cukup keras dan kuat. Walaupun pihak DAP cuba, saya ingat sukar hendak yakinkan orang ramai bahawa kita tidak serius dalam menangani masalah ini melalui undang-undang. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, keempat.....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia bangun lagi.

Seorang Ahli: Cukuplah, cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Kita tidak mahu mempolitikkan, perkara ini bukan agenda politik, saya setuju dan DAP tidak akan mempolitikkan, sebab itu kita memberi sokongan yang sekuatnya. Tetapi apa yang kita mahu ialah peruntukan-peruntukan yang benar-benar kuat.....

Seorang Ahli: Nanti diberi peluang, bercakaplah.

Tuan Lim Kit Siang:.....dan di mana tidak boleh timbul selektif penyiasatan atau selektif pendakwaan dan inilah timbul masalah penyalahgunaan kuasa. Sebenarnya sungguhpun ini satu pertambahan baik apabila banding dengan undang-undang yang sedia ada, tetapi seperti apa yang disifatkan semalam di Meja Bulat yang kedua bahawa kalangan profesional pun tidak bersetuju oleh kerana apa yang lebih direct ialah apa yang

ada dalam Hong Kong provision dan lain-lain negara, bukan sahaja Hong Kong.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya dapat banyak memo daripada kalangan profesional yang mempertikaikan isu seksyen yang membolehkan kita merampas ataupun mengambil tindakan justeru kerana orang itu menimbun, mengumpulkan kekayaan. Jadi oleh yang demikian, tidak benar kalau Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mengatakan ini satu yang mudah kerana banyak yang membantah prinsip ini. Oleh yang demikian, kita berikan satu pertimbangan supaya ada prosedur tertentu untuk mengesahkan adanya kekayaan terkumpul dan keduanya, ada alasan untuk mempercayai bahawa yang dikumpul itu cara yang tidak sah kerana kalau cadangan awal yang dikemukakan itu dia menimbulkan juga masalah dan tentangan kerana masalah prinsip yang saya katakan tadi 'onus' atau beban pembuktian atau 'burden of proof' dan juga principle yang dibangkitkan daripada awal tentang 'presumption of guilt or innocence' dalam sesuatu kes, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lain yang dibangkitkan dan menimbulkan sedikit kontroversi ialah peruntukan 20. Peruntukan 20 memberikan penjelasan tentang tujuan kita membanteras rasuah, bukan maksud menyebarkan fitnah, bukan maksud untuk menang mainan politik atau mempermainkan innocence seseorang itu semata-mata untuk tujuan dan agenda masing-masing. Sebab itu kalau ada yang mempertikaikan peruntukan ini, saya ingin memberi penjelasan.

Kita berikan bidang kuasa dan kuasa yang lebih kepada BPR. Kita tambah keupayaan pihak Peguam Negara dan pendakwa raya. Apakah yang mampu mengikut provision yang ada untuk kita pertahankan kepentingan orang yang tidak bersalah? Sebab itu saya katakan, kalau laporan itu dibuat dan kemudian setelah siasatan tidak dapat disahkan orang itu bersalah, saya tidak percaya tindakan akan diambil kepada pelapor kerana yang melaporkan itu melapor dengan maksud membanteras rasuah walaupun tidak dapat dibuktikan akhirnya. Tetapi kalau yang melaporkan itu melaporkan semata-mata penuh dengan fitnah, penuh dengan niat jahat *mala fide* dari awal, niat nawaitunya (intention) sepertimana yang kita dengar dalam ceramah-ceramah politik di Kelantan hari ini, [*Tepuk*] daripada awal tidak ada prinsip moral, tidak ada keinginan untuk mencari kebenaran dan hanya menuduh orang itu rasuah dan orang ini rasuah, maka beban pembuktian terpaksa kepada orang yang menuduh. Ini cara kita kerana

tujuan kita hendak banteras rasuah. Tujuan kita bukan untuk menghina orang dan mengaibkan orang tanpa alasan dan bukti.

Ada yang membangkitkan kebimbangan dan saya percaya perkara ini akan dieksploit oleh wakil-wakil pembangkang mengatakan dengan adanya peruntukan ini, maka keseluruhan kekuatan pindaan ini dengan sendirinya akan tercemar dan tenggelam kerana ini akan menimbulkan rasa takut orang untuk melapor.

Saya ingin memberi pengakuan dan jaminan di sini ada laporan yang berlandaskan sedikit bukti sekalipun tidak mungkin akan termasuk dalam peruntukan 20 ini. Peruntukan 20 ini hanya bertujuan untuk mengelakkan negara ini menjadi bahan mainan wayang orang-orang politik ataupun orang yang mohon kontrak, dia tidak dapat kontrak. Bagi orang yang dapat kontrak, dia tuduh dapat rasuah. Jadi oleh yang demikian, dia akan menimbulkan terlalu banyak masalah dengan undang-undang yang cukup kuat.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Memang tidak sesiapa yang membantah ada peruntukan di mana sesiapa yang buat laporan yang palsu dianggap sebagai satu kesalahan. Masalahnya ialah kenapa kita perlu mengadakan satu peruntukan yang baru dengan hukuman yang begitu berat sehingga RM100,000 denda dan 10 tahun penjara atau keduanya dijalankan sama apabila pada masa sekarang sudah ada peruntukan-peruntukan di bawah Panel Code di mana seorang yang buat laporan palsu atau laporan maklumat yang palsu atau tuduhan yang palsu boleh dikenakan sehingga 2 tahun. Untuk laporan mengenai kesalahan yang lebih berat, seperti ada capital penalty atau lebih daripada 7 tahun, ada kena penjara sampai 7 tahun. Bukankah ini semua sudah mencukupi?

Kedua, sampai sekarang sudah 30 tahun, ACA ada dapat purata 8,000 laporan. Bererti mungkin sampai sekarang 30 tahun, 240,000 laporan. Kita tidak pernah dengar sesiapa didakwa dalam mahkamah mengenai laporan palsu sungguhpun sedia ada peruntukan-peruntukan yang menunjukkan bahawa ini bukan satu masalah yang besar.

Ketiga, dalam merangka, menggubal undang-undang yang baru tentulah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, ACA dan Peguam Negara ada rujuk kepada undang-undang yang lain. Undang-undang yang lain tidak pernah ada peruntukan di mana hukuman yang begitu berat. Di Hong Kong, di mana pegawai ada datang untuk

muafakat menentang rasuah di mana Deputy Commissioner Tony Kok yang mengatakan perlu peruntukan itu dan beliau memberitahu di Hong Kong sangat berkesan, mereka yang buat laporan palsu ada dicaj dan beliau kata sangat berkesan, tetapi di Hong Kong hukumannya ialah satu tahun maksimum, HK\$20,000, itu sudah cukup. Kenapa kita perlu had RM100,000, fined 10 tahun penjara?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana juga kes jenayah yang lain, kita tidak rasa bimbang kalau bukan niat kita hendak sebar maklumat palsu. *[Tepuk]*

Seorang Ahli: Betul, betul.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Kalau alasan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong itu ialah kerana peruntukan yang sudah ada dalam Kanun Jenayah, saya hendak jelaskan, saya baca tadi enam peruntukan yang sedia ada yang semuanya dimasukkan dalam satu Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah yang dalam Akta Kastam, dalam Akta Rasuah yang sedia ada, semua ini dimasukkan.

Jadi, tujuan kita ialah untuk consolidate semua provision yang ada dalam satu akta. Kalau soalnya denda maksimum, saya percaya kebijaksanaan hakim untuk memutuskan sama ada denda yang minimum hendak dikenakan atau yang maksimum dikenakan? Tetapi soalnya, mengapa kita tambah? Kerana undang-undang ini begitu keras. Kalau kita fitnahkan orang yang memegang jawatan tinggi, kita aibkan dia, kita tamatkan riwayat politik dan kerjayanya, kemudian kita puas hati kerana denda yang kita kenakan RM500, saya fikir ini bukan keadilan. Yang kita hendak tegakkan ini ialah keadilan. *[Tepuk]*

Saya tidak bermaksud sepertimana Yang Berhormat dari Tanjong tahu sebelum pindaan ini, dengan persetujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengambil tindakan, memberi ruang dan kebebasan kepada BPR untuk bertindak terus. Saya percaya dengan undang-undang ini yang memberikan satu signal yang cukup jelas, kita tidak bermaksud untuk bertolak ansur dengan perasuah peringkat mana sekalipun. Tetapi kita tidak mahu undang-undang ini dijadikan bahan 'witch-hunt', bahan mengaibkan orang, kerana walaupun dibuktikan besok tidak salah tetapi kerana kes itu digah dan dihebahkan dan kita hanya menamatkan karier politik atau masa depan orang semata-mata kerana tuduhan yang palsu. Jadi oleh yang demikian, saya hendak nasihatkan kepada semua jangan beri laporan palsu. *[Tepuk]* Dengan cara sedemikian, kita akan pertahankan peruntukan.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Beberapa Ahli: *[Sorak]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: 'Ho'lah, 'ho'lah.

Tuan Lim Kit Siang: Saya harap Ahli-ahli Parlimen serius dalam perkara ini. Ini bukan masalah parti,.....

Beberapa Ahli: *[Sorak]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ingat main-mainkah?

Tuan Lim Kit Siang:.....ini masalah nasional. Prinsip kita setuju, ada peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan ini. Tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata inilah untuk mempertahankan nama baik sesiapa, public officer tidak diaibkan oleh kerana laporan yang palsu. Bukankah sekarang oleh kerana peruntukan 22(4) di mana satu laporan yang dibuat kepada ACA dirahsiakan dan satu kesalahan kalau diheboh-hebohkan, diumumkan, tidak boleh diumumkan, ini rahsia. Sesiapa yang buat laporan kepada ACA itu adalah rahsia:

"(4) A report made under subsection (1) shall be kept secret and shall not be disclosed by any person to any person other than officers of the Agency and the Public Prosecutor until an accused person has been charged in court for an offence....."

Ini bererti tidak timbul, tidak ada ruang untuk mengaibkan atau menjatuhkan nama baik sesiapa dan ini terpulang kepada kewibawaan ACA untuk siasat sama ada laporan itu benar atau tidak benar. Kalau tidak benar, ada palsu, ada peruntukan-peruntukan yang sedia ada oleh kerana ada timbul kebimbangan di kalangan orang ramai mengenai laporan palsu atau berita palsu oleh kerana timbul penyalahgunaan kuasa khasnya daripada segi penyiasatan, daripada segi pendakwaan. Bukankah perlu supaya dapat sokongan orang ramai dalam usaha membanteras rasuah supaya menggalakkan orang ramai datang tampil ke depan memberi segala maklumat, ditapis oleh ACA, semua sudah menjadi rahsia di bawah fasal 22(4) supaya ada satu iklim dapat sokongan orang ramai, masyarakat madani dan bukan untuk takut-takutkan mereka.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, isu menangani rasuah ini pada kita zaman-berzaman, sepanjang tamadun umat manusia adalah isu moral, isu keadilan. Kalau kita terima isu ini sebagai isu moral dan keadilan, dengan izin, moral concepts are ideas bearing on the pursuit of the

good, that which satisfies basic human needs. It was entered the religious and political life for communities.

Tuan Yang di-Pertua, kalau 'the future of the bright' sepertimana yang disebutkan dan kita terima sebagai kenyataan. Ini soal moral dan keadilan. Tidak ada sebab mengapa kita harus gunakan undang-undang ini atas nama keadilan, kebersihan, ketelusan dan akhlak yang baik. Atas nama ini semua kita izinkan perlakuan yang curang dengan maksud memfitnah dan mengaibkan. Peruntukan 20 ini tidak lain dari mengelakkan dari matlamat yang suci ini dicemar dengan tujuan orang yang hendak memfitnah.

Yang Berhormat dari Tanjong, saya sudah sebut berulang kali bahawa kalau tujuan kita itu untuk mencari kebenaran, tidak ada sebab mengapa orang harus takut sama ada dalam bentuk kerahsiaan yang disebutkan atau tidak. Kita terima kerahsiaan maklumat, tetapi kerahsiaan ini dengan tujuan untuk mencari kebaikan, dan ini juga telah kita masukkan kerana pengesahan yang dibuat oleh BPR sepanjang rekod siasatan mereka bahawa ratusan kes yang mereka dapati dan perolehi yang dikaitkan dengan tujuan atau matlamat yang jahat sama ada cemburu kerana kerjaya ahli perniagaan yang lain atau cemburu kerana kejayaan tokoh politik yang lain. Jadi, kita gunakan kemurnian dan keluruhan undang-undang untuk tujuan yang jahat.

Sebab itu, saya ingin tegaskan bahawa kita tidak harus gentar kerana peruntukan ini tidak bermaksud untuk menakutkan. Orang yang ada asas untuk membanteras rasuah harus mempunyai keyakinan dan keberanian untuk merendahkan, dan kalau ada tindakan dari BPR atau dari kerajaan atau dari pendakwa raya untuk cuba menghukum, mereka harus mendedahkan hal ini dan kita ada pertimbangan mahkamah untuk membantu kita dalam proses yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, yang keempat.....

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia bangun lagi. Hendak beri jalan?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Bolehkah saya habiskan ini dahulu?

Seorang Ahli: Cukuplah!

Tuan Lim Kit Siang: Ini mustahak, kerana negara menumpukan. Saya ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat kerana jaminan yang

diberi bahawa peruntukan ini untuk kebaikan, untuk menegakkan moraliti, untuk keadilan. Tetapi apa jaminan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri buat di sini ialah jaminan. Tidak ada the force of law. Apa ada the force of law dalam undang-undang ini ialah semacam kerajaan ada buat jaminan bahawa apabila kita meluluskan Printing Press and Publication Act mengenai kesalahan baru, mengenai false news, berita palsu ialah untuk kebaikan, dan bukan untuk penganiayaan. Tetapi kita boleh lihat apa yang berlaku di mana berita palsu digunakan untuk menganiayai, untuk prosecution politic. Sebab itu, ini mustahak supaya apa yang kita dijanjikan unsur-unsur ini dimaktub dalam undang-undang supaya tidak ada penyalahgunaan kuasa, tidak ada di kalangan orang ramai merasa ditakut-takutkan sehingga tidak rela tampil ke hadapan untuk kerjasama dengan ACA membanteras rasuah.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa peruntukan undang-undang ini cukup memberi kekuatan kepada orang yang melapor. Bahkan undang-undang dengan sendirinya memberi galakan. Sejak tindakan tegas yang diambil di kebelakangan ini BPR mendapat maklumat tambahan dengan rela, dan tidak ada satu kes yang sengaja diambil perhatian oleh BPR semata-mata untuk maksud mempertikaikan, melainkan kalau didapati semua sumber dari awal itu bertujuan semata-mata untuk mengaibkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, sekali lagi saya katakan, oleh kerana isu ini berkaitan dengan isu moral, maka ia harus ditangani dengan bijaksana. Kita menentang rasuah, kita juga menentang fitnah. Kita menentang rasuah, kita juga menentang orang yang menggunakan undang-undang untuk mengaibkan dengan maksud dan niat yang tidak baik. Dengan izin, saya sebut bahawa kejayaan, kalau kita ada sistem yang wibawa, sistem yang adil, maka sistem itu dengan izin, the system should be design so that where wrongful behavior occurs, that wrongful behavior ini sama ada corrupt practice ataupun intention, niat untuk mengaibkan orang, itu wrongful behavior, mengapa kita hendak pertahankan wrongful behavior yang satu atas nama keadilan? Mengapa kita harus begitu marah dengan rasuah, tetapi cuba pula menutup kesalahan orang yang bertindak wrongful behavior dengan maksud mengaibkan?

Saya bersetuju kalau Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mengatakan kedua-duanya sekali kita harus bertindak. Kita harus keras dengan menangani

rasuah, kita juga harus keras untuk membanteras tindakan fitnah, kerana wrongful behavior occurs it is likely to be detected, investigated, prosecuted and adequately penalised.

Tuan Yang di-Pertua, yang keempat, Hukuman Tidak Setimpal - Berdasarkan pengalaman BPR menjalankan pendakwaan kes di mahkamah, hukuman yang dikenakan ke atas mereka yang disabitkan dengan kesalahan jenayah rasuah, selalunya tidak setimpal dan dianggap ringan. Ini persepsi orang ramai sehingga rang undang-undang ini dibentangkan. Dari sejumlah 1,187 kes yang dijatuhkan hukuman penjara oleh mahkamah sepanjang tempoh 1985 hingga 1995, sebanyak 597 kes atau 50.3% dikenakan hukuman penjara 1 hari sahaja, 388 kes atau 32.7% dikenakan hukuman penjara antara 2 hari hingga 6 bulan sahaja. Ini bermakna sebanyak 985 kes atau 83% dikenakan hukuman penjara di bawah 6 bulan. Manakala itu terdapat hanya 36 kes atau 3% sahaja pesalah yang disabitkan kesalahan rasuah dikenakan hukuman antara 19 bulan hingga 30 bulan, dan hanya 9 kes atau 0.7% sahaja dikenakan hukuman penjara antara 31 bulan hingga 48 bulan. Terdapat juga kes-kes di mana mahkamah hanya menjatuhkan hukuman denda sahaja. Hukuman-hukuman yang tidak setimpal dengan kesalahan jenayah yang serius ini menyebabkan tiadanya unsur-unsur deterrent. Maka saya mencadangkan hukuman penjara minimum selama 6 bulan dan hukuman penjara maksimum tidak melebihi 20 tahun diperkenalkan di samping hukuman denda.

Kes-kes rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan sewajarnya dianggap sebagai suatu jenayah yang amat serius. Jenayah yang dilakukan oleh pelaku ini meninggalkan kesan yang buruk, khususnya jika pelakunya ialah pegawai dan kakitangan awam yang telah diberi kuasa amanah dan tanggungjawab untuk mentadbir sesebuah negara. Saya ingin memetik kata-kata Romol Petra Vonica, Pengerusi Suruhanjaya Anti-Rasuah Negara Romania, dalam Ninth United Nation Congress and Prevention of Crime and Treatment of Offenders yang berlangsung di Kaherah, Mei 1995. Beliau menegaskan, dengan izin, "Corruption had to be fought simultaneously at the national and international levels. Penalties should be strengthened and criminal procedures amended to be taking to account the modern economic crime." Reformis China, Wang An Tze, yang menjadi Perdana Menteri Dinasti Sung Utara, dalam perjuangan beliau untuk membasmi rasuah mendapati dua sumber utama rasuah. Pertama, manusia yang keji, dan kedua, undang-undang yang lemah.

Punca pertama berlaku perlu kita tangani melalui pendidikan dan program untuk menggilap kesedaran akhlak. Masyarakat kita harus dididik dan diasuh agar melihat rasuah dengan rasa jijik dan mual. Pendidikan agama dan akhlak harus diuruskan ke arah melahirkan kesedaran ini. Punca kedua, harus perlu kita tangani dengan reformasi undang-undang untuk menghasilkan undang-undang yang kuat, tegas dan berkesan untuk menghalang jenayah rasuah. Kita juga perlu peruntukan perundangan yang kuat untuk mensabit dan menghukum petualang rasuah. Inilah cabaran bagi kita pada masa ini. Ini bukanlah satu perkara yang mudah. Bahkan ia menuntut kejujuran dan iltizam politik. Sementara tindakan kerajaan untuk membanteras rasuah mendapat tepukan gemuruh, ada juga yang cuak dan curiga bila kerajaan benar-benar dan bersungguh-sungguh untuk memerangi rasuah. Apa juga yang menyatakan kebimbangan bahawa rang undang-undang di hadapan kita mempunyai peruntukan dan memberi kuasa yang terlalu luas kepada BPR dan Peguam Negara dan kuasa itu kononnya boleh disalahgunakan. Kita dalam keadaan, dengan izin, constitutive, undang-undang lemah tidak akan berkesan, undang-undang kukuh, takut disalahgunakan. Jadi, akhirnya kita bicara slogan besar-besaran banteras rasuah, jangan pinda undang-undang. Apakah itu yang kita mahu?

Sebab itu kita dengar semua pandangan dan kita amati dengan saksama. Tetapi persoalannya, apakah kita hendak membiarkan penjenayah rasuah lepas begitu sahaja dengan technicalities undang-undang, dengan itu segala usaha kita untuk mencegah rasuah akan tinggal menjadi slogan kosong, atau kita memberikan peruntukan yang jelas dan kuat agar penjenayah rasuah tidak mungkin terlepas dari berselindung di sebalik technicalities of the law. Selama ini kita dengar kerajaan dicemuh, kononnya membiarkan rasuah bercambah. Tindakan terhadap jenayah hanya ditumpukan kepada ikan-ikan bilis, sementara jerung-jerung rasuah dibiar berleluasa atau tidak disentuh langsung. Kita tidak perlu menggubal undang-undang untuk menghukum mereka yang makan suap sebanyak RM20.00 atau RM200.00. Undang-undang sekarang mencukupi untuk menangani kesalahan rasuah seperti itu. Tetapi kita menggubal undang-undang ini untuk menangkap jerung-jerung rasuah besar yang melakukan kesalahan melibatkan berjuta-juta ringgit. Persoalannya apakah urutan keutamaan kita, ini subjek yang saya minati. 'Fiqu' aulawiyah', urutan keutamaan kita. Ini yang harus difaham oleh PAS juga. [Ketawa]

Apakah keutamaan kita? Untuk membanteras rasuah, untuk memerangi rasuah ataupun sekadar melihat undang-undang ini dari kaca mata pakar undang-undang mengikut time on a principle yang dengannya kerana terlalu terikat dengan prinsip-prinsip yang murni, maka petualang rasuah lepas bolos, kerana mereka mempunyai kepakaran, mereka mempunyai wang ringgit yang banyak untuk mendapat pakar yang paling bijak dan peguam-peguam yang paling handal, maka oleh kerana ada 'fulus', lulus semua. Atau kita mahu undang-undang yang memberikan pihak yang bertanggungjawab dan dalam konteks ini secara khusus BPR mempunyai kuasa yang mencukupi untuk mencegah rasuah. Kerajaan memilih untuk memberi kuasa kepada BPR untuk memerangi rasuah. Kalau ini bermakna, beberapa isu technicalities of the law yang dikaitkan dengan prinsip, maka saya katakan prinsip itu tidak boleh digunakan untuk bolosnya kes-kes rasuah yang besar dan hanya ikan-ikan bilis sahaja yang terus ditangkap. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, kita harus sedar bahawa kita berhadapan dengan penjenayah yang pintar dan arif selok-belok undang-undang, kenal segala kelemahan undang-undang, loopholes dalam undang-undang semua diketahui oleh mereka dan memiliki kekuatan tulus untuk mencari kesabaran undang-undang sebagai tempat berlindung. Inilah kritikan yang paling tajam dan keras terhadap kelemahan undang-undang yang sedia ada. Sebab itulah kita memilih untuk menggubal undang-undang baru.

Kita juga berhadapan dengan mereka yang berpengaruh dan berkuasa....

Tuan Yunof Edward Marinking: [Bangun]

Seorang Ahli: Empat bulan!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun, Yang Amat Berhormat, hendak beri jalan?

Seorang Ahli: Tak payahlah, sudahlah, cukup, cukup, 'syusyah' orang.

Tuan Yunof Edward Marinking: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dan memang menyokong alasan ataupun hujah Yang Amat Berhormat tadi. Tetapi dalam konteks ini ada satu perkara yang saya ingin timbul di sini, iaitu kalaulah tujuan kita di dalam undang-undang ini benar-benar untuk memerangi mereka yang cukup pintar untuk mengelak ataupun melepaskan diri daripada dikenakan tindakan, adakah Yang Amat Berhormat bersedia untuk

mempertimbangkan cadangan saya iaitu memperuntukkan dengan undang-undang ini supaya mereka yang melakukan sesuatu di dalam cara yang seharusnya tidak sedemikian atau tidak melakukan perkara yang mana seharusnya dilakukan sedemikian, haruslah juga melakukan kesalahan atas prinsip presumption. Terima kasih.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah dijawab dalam Perkara 33, peruntukan 33 ini cukup kuat dan saya fikir memadai, presumption itu dengan syarat ada pengesahan awal untuk buktinya dan saya sambut baik semangat Ahli Yang Berhormat dari Tuaran dan tolong tengok supaya perkara-perkara yang berlaku di Sabah itu tidak berulang. [Tepuk] Kita juga berhadapan dengan mereka yang berpengaruh dan berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus terima memerangi rasuah ini mungkin popular di peringkat bawahan tetapi melibatkan masalah besar bila berhadapan dengan kekuatan dan iklim politik. Kita tahu ada kerajaan yang tumbang oleh kerana ketegasan memerangi rasuah. Kita tahu kesungguhan pimpinan negara-negara tertentu sekarang yang tergugat dan digugat semata-mata kerana ketangkasan dan kesungguhan serta komitmen memerangi rasuah.

Sebab itu, saya tidak memperkecilkan sama sekali kerana kita berhadapan dengan orang-orang berpengaruh dan berkuasa tetapi malangnya memberikan masyarakat dan imej dan nama baik negara begitu rendah sekali. Seekor kerbau membawa lumpur semuanya terpalit. Sudah sampai masanya kita memiliki peruntukan-peruntukan yang secukupnya yang membolehkan kita bertindak tegas terhadap kerbau yang membawa lumpur ini. Tetapi, apa sahaja yang akan kita lakukan, insya-Allah, kita beri pengakuan kita akan lakukan dengan adil, kita tidak berhasrat untuk menganiyai sesiapa, bahkan kita sediakan peruntukan yang mencukupi untuk menjamin tiada berlaku penganiayaan dan juga boleh bertindak kepada mereka yang berniat jahat dengan membuat tuduhan rasuah yang tidak berasas.

Tuan Yang di-Pertua, kita mahu Malaysia satu masa nanti juga menjadi negara contoh yang berjaya membanteras rasuah sebagaimana Malaysia kini dikenali dimerata dunia sebagai negara yang berjaya membasmi kemiskinan. Jika kita memiliki tekad tersebut, insya-Allah, kita akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. [Tepuk]

Menteri Pertanian [Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk menubuhkan Badan Pencegah Rasuah untuk membuat peruntukan yang lebih lanjut dan lebih baik bagi pencegahan rasuah dan bagi perkara-perkara yang perlu tentangnya atau berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tanjong.

4.33 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menggulungkan ucapan beliau dengan hasrat bahawa satu hari Malaysia boleh menjadi teladan dunia untuk membanteras rasuah. Memang itulah pengharapan kita semua dan kita pun ada mengharapkan bahawa Rang Undang-undang baharu ini boleh membawa Malaysia ke arah tujuan dan matlamat itu di mana boleh menjadi satu contoh untuk dunia, satu model tetapi sungguhpun pada keseluruhannya inilah satu kebaikan, tetapi ada banyak tempat yang lemah dan sungguhpun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi ada berkata bahawa untuk tujuan yang lebih besar untuk membanteras rasuah, kita perlu ketepikan 'time honoured principles' tetapi nampaknya ini tidak berlaku di sini khasnya mengenai peruntukan untuk membawa mereka yang ada kekayaan yang luar biasa, yang lebih daripada emolumen-emolumen mereka patut memiliki, time honoured principles, nampaknya sudah menjadi halangan untuk Malaysia mengadakan prinsip yang ada di beberapa negara khasnya semacam Seksyen 10 The Prevention Of Bribery Ordinance di Hong Kong.

Tuan Yang di-Pertua, adalah sesuatu yang kurang sempurna bahawa Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah yang lama dinanti-nantikan ini yang menyatukan undang-undang sedia ada berkaitan dengan pencegahan rasuah dan memuatkan peruntukan-peruntukan baru berkaitan dengan kuasa penyiasatan demi membantu negara kita menangani gejala rasuah dan menggantikan Akta Pencegah Rasuah 1961, Akta Badan Pencegah Rasuah 1982 dan Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) No. 22/1970, tidak membenarkan banyak penglibatan, penyertaan mahupun input orang ramai.

Bacaan pertama rang undang-undang ini telah dilakukan dalam Dewan yang mulia ini pada hari

Khamis 24 Julai dan hari ini, empat hari kemudian, kita membahaskan bacaan kedua pula. Sungguhpun Parlimen mengagihkan mungkin empat hari untuk perbahasan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah, tetapi ia masih tidak cukup menggantikan satu proses penyertaan, perundingan dan maklum balas yang bermakna, memandangkan bacaan kedua sesuatu rang undang-undang di Parlimen biasanya bererti fasa terakhir dalam proses penggubalan sesuatu rang undang-undang. Kerana mengikut konvensi dan tradisi, kerajaan amat keberatan untuk mengubahsuai sesuatu rang undang-undang yang dibentangkan di Parlimen, bukan hanya dalam segi dasarnya tetapi juga dalam segi terminologi, di mana perbahasan peringkat bacaan kedua hanya merupakan sesuatu formaliti bagi Parlimen memainkan peranan sebenarnya sebagai 'rubber stamp' untuk meluluskan apa sahaja yang dibentangkan kepadanya oleh Kabinet. Prinsip asas ini di mana tanggungjawab Eksekutif terhadap Parlimen telah berbalik menjadi tanggungjawab Parlimen kepada Eksekutif.

Adalah sungguh malang sekali bahawa penglibatan, perundingan dan input orang ramai dalam penggubalan sesuatu undang-undang yang seharusnya membantu mengarahkan negara ini ke haluan kerajaan baik serta masyarakat bersih dalam alaf baru, yang mana merupakan salah satu dari sembilan objektif strategik Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju sepenuhnya iaitu suatu masyarakat bermoral dan beretika, tidak wujud langsung. Tidak wujud 'public input participation' mengenai rang undang-undang spesifik.

Sehingga kini hanya segelintir kecil orang sahaja dan ini termasuk juga Ahli-ahli Parlimen yang telah membaca dengan teliti dan sepenuhnya isi kandungan rang undang-undang ini. Sungguhpun parti DAP telah sekali lagi melakukan national service dengan memaparkan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah ini ke atas Internet melalui homepej DAP, tetapi tidak ramai yang mendapat akses ke rang undang-undang ini. Tidak satu pun dari NGO sebagai contohnya dan ini termasuk Majlis Peguam dan HAKAM, badan ulung ternama mengenai mempertahankan dan membelakan hak asasi di Malaysia yang memperolehi satu salinan rang undang-undang ini dan kerajaan tidak melakukan sebarang usaha untuk mendapatkan pandangan ataupun input dari pertubuhan-pertubuhan yang bukan sahaja mempunyai kepentingan secara langsung malah memiliki kepakaran khas yang dapat menasihati bidang perundangan sebegini.

Seharusnya kita memulihkan kekurangan yang serius dalam proses membentuk dan menggubal Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah dengan membenarkan perbahasan yang lebih luas lingkungannya ke atas tajuk yang sebegitu penting mengenai cara memerangi rasuah di Malaysia serta cara bagaimana kita dapat memupuk budaya baru supaya integriti kehidupan politik serta perkhidmatan awam dibentuk dengan toleransi sifar terhadap rasuah, di mana Malaysia dapat dikenali di seluruh dunia sebagai salah satu dari sepuluh negara paling bersih di dunia dan bukannya disenaraikan di tempat ke-26 dalam 54 buah negara yang dikaji dalam indeks rasuah persepsi antarabangsa Transparency International 1996.

Saya berani berkata bahawa sungguhpun Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah ini telah diterima dengan perasaan yang bercampur-campur dengan 'mixed feeling', tetapi pada keseluruhannya ia akan disokong oleh semua Ahli Parlimen dan rakyat Malaysia yang prihatin tentang gejala rasuah yang menjadi-jadi di negara ini.

Memandangkan fakta bahawa semua Ahli Parlimen menyokong rang undang-undang ini, maka saya ingin mencadangkan supaya parti-parti pemerintah serta pembangkang melepaskan whip dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah ini dan membenarkan para Ahli-ahli Parlimen berucap secara bebas dan mengundi secara bebas mengikut hati nurani masing-masing sama ada menerima atau menolak sesetengah provisi peruntukan dalam rang undang-undang ini dan pindaan-pindaan yang mungkin akan dikemukakan sama ada oleh kerajaan ataupun para Ahli Parlimen, sama ada yang datang dari parti-parti pemerintah ataupun parti-parti pembangkang.

Sebenarnya, saya akan mencadangkan supaya pada akhir bacaan kedua ini, Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah akan dirujuk kepada satu Jawatankuasa Pilihan yang akan mengadakan perbincangan terbuka, melibatkan sepenuhnya masyarakat madani dalam pembentukan dan penggubalan satu Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah yang akan diterima sebagai contoh se dunia.

Ini merupakan salah satu konsensus yang dicapai dalam Meja Bulat II mengenai Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah yang telah diadakan di Swiss Garden Hotel, Kuala Lumpur hari semalam, di mana orang-orang ternama yang mempunyai pengalaman luas serta berpengetahuan mendalam dalam isu memerangi rasuah telah hadir. Mereka ini termasuklah pendakwa, penyiasat, hakim serta ahli

akademik, antaranya Tan Sri Dato' Profesor Harun Hashim iaitu Ketua Pengarah BPR yang pertama semasa ia ditubuhkan 30 tahun yang lepas dan di bawah pimpinan Tan Sri Harun, reputasi serta keyakinan orang ramai terhadap BPR berada di tahap yang paling tinggi dan kerana kita perlu renung kenapa sampai sekarang kita tidak boleh memulihkan satu tahap di mana keyakinan orang ramai terhadap BPR setanding masa itu, bukan tanpa sebab.

Raja Aziz Addruse, Presiden HAKAM serta bekas Presiden Majlis Peguam; Dato' Param Cumaraswamy, seorang lagi bekas Presiden Majlis Peguam dan pun UN Special Rapporteur mengenai kebebasan hakim-hakim dan peguam; Dr. Syed Hussein Alatas, pakar Malaysia World Authority on Corruption, sungguhpun satu masa dia dianiyai atas undang-undang yang ada di hadapan kita boleh berlaku penganiayaan, prosecution; Dr. Syed Hussein Alatas, pakar sedunia dari Malaysia yang pakar dalam isu rasuah yang telah diberikan penghormatan antarabangsa berikutan perlantikan sebagai Ahli Governing Board Transparency International; Dr. Jomo K.S., ahli ekonomi berwibawa Malaysia serta Tunku Abdul Aziz, penganjur Transparency International Malaysia.

Meja Bulat II mengenai Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah merupakan inisiatif masyarakat madani ketiga dalam tempoh dua minggu lepas untuk memupuk kesedaran dan menggerakkan keprihatinan serta sokongan orang ramai terhadap usaha mengatasi masalah rasuah demi mencipta budaya integriti kehidupan politik serta perkhidmatan awam baru yang bertoleransi sifar terhadap rasuah.

Inisiatif pertama pada Meja Bulat Menentang Rasuah-Pengumpulan Pendapat yang diadakan di Tropicana Golf & Country Club pada 13 Julai 1997 yang dianjurkan oleh pihak saya sebagai Ketua Pembangkang Parlimen dan yang merupakan satu perhimpunan orang-orang kenamaan untuk menyuarakan pandangan dan cadangan mereka dalam segi cara memupuk budaya integriti politik baru yang bertoleransi sifar terhadap rasuah sebagai syarat wajib mewujudkan satu kerajaan baik dan masyarakat bersih.

Penalis Persidangan Meja Bulat pertama, selain daripada Tan Sri Harun Hashim, Dr. Syed Hussein Alatas, Dato' Param Cumaraswamy, Dr. Jomo K.S. serta Tunku Abdul Aziz juga termasuk bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ahmad Noordin yang tidak diragui lagi Ketua Audit Negara yang paling ternama di sejarah negara ini; wartawan veteran, Tan Sri Samad Ismail; Pengarah Just World Trust, Dr.

Chandra Muzaffar; Presiden FOMCA, Profesor Hamdan Adnan; Setiausaha Agung HAKAM, Gurmit Singh serta Ahli Parlimen kawasan Parit Sulong yang tidak ada di sini sekarang selaku Pengerusi Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan, Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong.

Inisiatif masyarakat madani kedua yang penting ke atas objektif bersama memperkukuhkan lagi sistem integriti nasional dimulakan oleh Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan bersama-sama dengan Institut Kajian Dasar (IKD), Asian Strategic and Leadership Institute (ASLI) dan Centre for Leadership and Development Studies (CELDES), dan inisiatif kedua ini mengumpulkan bersama parti-parti politik, agensi-agensi kerajaan, sektor swasta, kesatuan-kesatuan pekerja, pergerakan konsumer serta NGO di Persidangan Muafakat Menentang Rasuah yang diadakan di PWTC pada 19 Julai.

Meja Bulat Menentang Rasuah - Pengumpulan Pendapat telah menyimpulkan Konsensus Sepuluh Perkara mengenai perkara ke atas rasuah sementara Muafakat Memerangi Rasuah pula mengeluarkan Deklarasi 16 Perkara.

Tidak ada cara yang paling sesuai selain daripada memulakan perbahasan ke atas Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah ini dengan mempertimbangkan dua dokumen menentang rasuah daripada masyarakat madani yang penting ini untuk mengkaji bagaimana rang undang-undang ini harus disepadankan dengan kriteria-kriteria yang ditentukan oleh dua dokumen berkenaan sebagai syarat wajib dalam kejayaan dan keberkekalan (will sustain) perang menentang rasuah.

Konsensus Sepuluh-Perkara Persidangan Meja Bulat Menentang Rasuah - Pengumpulan Pendapat pada 13 Julai adalah seperti berikut:

- (i) para Ahli Parlimen dan ADUN mengisytiharkan aset dan liabiliti mereka secara terbuka dan periodic;
- (ii) pindaan undang-undang untuk membolehkan perampasan kekayaan yang diperolehi melalui amalan rasuah;
- (iii) pindaan undang-undang untuk mengadakan 'statutory presumption' bahawa seseorang pegawai awam yang memiliki kekayaan luar biasa atau hidup dalam gaya kehidupan yang tidak setara dengan sumber pendapatannya akan dianggap sebagai melakukan kesalahan rasuah melainkan beliau dapat membekalkan penjelasan yang sewajarnya;

- (iv) lebih ketulusan dalam hal-hal pembiayaan (funding) parti-parti politik;
- (v) menyusun semula Badan Pencegah Rasuah supaya dijadikan sebuah badan berautonomi dan bebas dari kawalan pihak pentadbir serta menjawab terus terhadap Parlimen;
- (vi) memulihkan Badan Kehakiman yang bebas dan tidak berat sebelah;
- (vii) perlukan pihak media yang bebas dan bersifat investigative;
- (viii) keseluruhan jentera kerajaan (machinery) serta proses penswastaaan harus wujud lebih ketulusan dan akauntabiliti;
- (ix) meminda atau menghapuskan undang-undang yang menyekat suasana terbuka, akauntabel, keadilan dan kesaksamaan seperti Akta Rahsia Rasmi, Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan serta menggubal Akta Kebebasan Maklumat; dan
- (x) mencipta budaya integriti baru dalam kehidupan politik, pentadbiran dan perkhidmatan awam yang bertoleransi sifar terhadap rasuah menerusi penanaman nilai-nilai moral dan etika di tahap keluarga, sekolah serta agama.

Sebenarnya saya pun ada sampaikan satu surat kemukakan Sepuluh Perkara ini kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Deklarasi 16-Perkara Persidangan Muafakat Memerangi Rasuah pada 19 Julai pula berbunyi seperti berikut:

- (i) Kerajaan hendaklah mengkaji semula kuasa, tugas dan tanggungjawab Badan Pencegah Rasuah supaya mencakupi aspek-aspek pendidikan, pencegahan serta penyiasatan yang menyeluruh. Ini akan membolehkan BPR memperolehi gerakan pendidikan anti-rasuah yang komprehensif di kalangan masyarakat; melakukan kegiatan pencegahan yang lebih berkesan; menjalankan penyiasatan dengan lebih cekap dan adil serta membuat perakuan-perakuan pindaan yang berwibawa ke atas segala amalan dan prosedur di sektor awam yang didapati mengalakkan rasuah.
- (ii) Kerajaan hendaklah memberi kuasa penuh kepada BPR untuk meminta mana-mana individu yang disyaki melakukan rasuah untuk menjelaskan harta yang dimiliki

- menerusi kenyataan bersumpah. Jika individu berkenaan gagal memberikan penjelasan yang memuaskan berhubung pemilikan harta yang melebihi pendapatannya, maka pendakwaan hendaklah dibuat ke atasnya. Sekiranya didapati bersalah, harta individu tersebut hendaklah dirampas.
- (iii) Kerajaan hendaklah menubuhkan sebuah jawatankuasa penilai peringkat tertinggi (review committee) yang bertanggungjawab mengkaji semula semua kes rasuah yang telah disiasat oleh BPR dan diserahkan kepada Pejabat Peguam Negara, tetapi kes berkenaan tidak dibawa ke mahkamah. Jawatankuasa ini hendaklah melantik Peguam Negara sebagai Ex-Officio dan dianggotai oleh perwakilan rakyat jelata yang berwibawa tinggi serta bertanggungjawab terus kepada Parlimen.
- (iv) Di samping hukuman-hukuman berat yang dikenakan ke atas pesalah rasuah, kerajaan hendaklah juga mengenakan hukuman sebat ke atas pesalah-pesalah tersebut.
- (v) Kerajaan hendaklah mengutuk amalan rasuah sebagai musuh negara yang lebih dasyat bahayanya dari penagihan dadah. Justeru itu, kerajaan hendaklah merestui kewujudan sebuah Majlis Anti Rasuah Negara. Majlis ini hendaklah bertanggungjawab mengesan, mengkaji serta menganalisa amalan rasuah, kesan dan implikasinya terhadap sosio-ekonomi, politik dan keselamatan negara. Majlis tersebut hendaklah diwujudkan menerusi kerangka undang-undang, mempunyai jawatankuasa di peringkat negeri dan daerah serta bergerak seiring dengan BPR.
- (vi) Kerajaan hendaklah menggalak serta mengiktiraf kewujudan satu gerakan anti-rasuah kebangsaan yang menggembungkan penyertaan rakyat jelata, sektor awam, sektor swasta, pertubuhan politik dan pertubuhan sukarela di semua peringkat, di seluruh negara. Gerakan bersepadu ini hendaklah mempunyai struktur organisasi yang sama dengan Majlis Keselamatan Negara. Gerakan ini juga hendaklah bergerak seiring dengan BPR dan Majlis Anti-Rasuah Negara yang dicadangkan di atas.
- (vii) Seluruh jentera, sistem prosedur, peraturan dan undang-undang yang boleh mendorong amalan rasuah dan didapati menyulit, menghalang atau melambat-lambatkan pembangunan, kemajuan dan modenisasi ekonomi dan perindustrian hendaklah dikaji semula dan diperbaiki keberkesannya.
- (viii) Sektor awam, swasta dan kalangan politik hendaklah diberi kefahaman mendalam dan terperinci bahawa pembangunan, kemajuan dan modenisasi negara, khususnya di bidang ekonomi dan perindustrian, adalah tanggungjawab bersama selaras dengan semangat dan Dasar Malaysia Incorporated.
- (ix) Hendaklah diwujudkan mekanisme perundangan yang berkesan untuk menyelia urusan yang melibatkan sektor perniagaan dan kerajaan. Peri laku kakitangan awam yang memproses, menganalisa, membuat perakuan, mengendali, menyelia dan meluluskan semua aspek percukaian, pelesenan, projek pembangunan dan projek penswastan di peringkat pusat, negeri dan daerah mestilah telus dan bebas dari rasuah. Warga korporat yang berurusan dengan sektor awam mengenai penswastan atau pelaksanaan projek pembangunan di semua peringkat juga dituntut berperilaku telus dan bebas dari rasuah.
- (x) Sebuah sistem kawalan dalaman bagi jabatan-jabatan utama kerajaan mengendalikan projek-projek penswastan dan projek pembangunan negara yang besar hendaklah dipastikan telus, amanah dan berintegriti dalam mengendalikan maklumat-maklumat yang bernilai komersial dan yang dapat diperdagangkan dengan nilai pasaran yang tinggi.
- (xi) Semua anggota penguatkuasaan undang-undang dan kakitangan awam di jabatan yang sering terdedah dengan amalan rasuah hendaklah mempunyai tatacara yang telus, berintegriti dan berkesan. Semua sektor swasta juga hendaklah mewujudkan Tatacara dan Etika Anti Rasuah dalam organisasi masing-masing.
- (xii) Sumpah jawatan bagi seluruh perlantikan awam, swasta dan politik di semua peringkat hendaklah mengandungi elemen kemurnian akhlak, keluhuran undang-undang dan anti-rasuah.
- (xiii) Seluruh kakitangan awam, kepimpinan politik dan kepimpinan korporat di mana kerajaan mempunyai 'saham keemasan'

hendaklah dimestikan mengisytiharkan harta masing-masing kepada sebuah jawatankuasa di bawah pimpinan Perdana Menteri.

- (xiv) Usaha mewujudkan masyarakat madani yang menjunjung keluhuran undang-undang, mengamalkan tradisi moral yang murni, berbudaya, berintegriti dan tidak berkompromi terhadap rasuah perlu diperhebat dan diperkasakan lagi gerakannya di setiap lapisan masyarakat Malaysia. Seluruh jentera pembangunan generasi anjuran kerajaan, parti-parti politik, organisasi korporat dan badan-badan sukarela di semua peringkat perlu mendukung usaha mewujudkan masyarakat madani ini menerusi gerakan kesedaran dan modul latihan ketatanegaraan dan keagamaan yang rapi, khusus, bersepadu dan berterusan.
- (xv) Elemen dan mesej-mesej anti-rasuah hendaklah diterapkan di dalam jiwa segenap generasi muda Malaysia menerusi kurikulum khas pendidikan rendah, menengah dan tinggi anjuran kerajaan dan swasta. Elemen dan mesej anti-rasuah ini juga hendaklah diterapkan ke dalam jiwa segenap pelatih menerusi kurikulum khas di semua agensi latihan awam dan swasta.
- (xvi) Pihak media massa hendaklah diberi galakan untuk melaporkan gejala dan amalan rasuah oleh segenap lapisan masyarakat secara jujur, adil dan berwibawa.

Apabila kita lihat dan pandang Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah dari segi kedua-dua deklarasinya ini, kita boleh lihat banyak kelemahan dan 'shortfall'. Memandangkan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah yang dibentangkan di Dewan ini bukan hanya untuk menubuhkan Badan Pencegah Rasuah tetapi bertujuan untuk membuat peruntukan yang lebih lanjut dan lebih baik bagi pencegahan rasuah dan bagi perkara-perkara yang perlu tentangnya atau yang berkaitan dengannya, maka rang undang-undang ini harus menangani semua aspek masalah rasuah sebagaimana yang diserlahkan dalam Konsensus Sepuluh-Perkara Persidangan Meja Bulat pada 13 Julai serta Deklarasi 16-Perkara Muafakat Menentang Rasuah pada 19 Julai 1997.

Mengikut tafsiran secara ringkas, rasuah merupakan salah guna kuasa awam untuk keuntungan peribadi. Rasuah melibatkan tingkah

laku pegawai-pegawai dalam sektor awam, sama ada ahli politik mahu pun kakitangan awam, di mana melalui cara yang tidak betul dan melanggar undang-undang, mereka mengaut kekayaan untuk diri sendiri, ataupun untuk orang yang berkait rapat dengan mereka, melalui cara salah guna kuasa awam yang diamanahkan ke atas diri mereka.

Rasuah boleh juga dihuraikan sebagai mewakili sikap tidak mengikut prinsip 'arm's-length' yang bererti jangan dibiarkan sebarang perhubungan perseorangan ataupun keluarga memainkan sebarang peranan dalam proses membuat keputusan ekonomi sama ada melalui ejen ekonomi peribadi mahu pun oleh pegawai-pegawai kerajaan. Prinsip 'arm's-length' ini dilihat sebagai syarat dasar perfungian berkesan sebarang organisasi.

Dalam Meja Bulat II mengenai Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah, Dr. Syed Hussein Alatas membangkitkan satu soalan penting iaitu mengenai soal tidak wujudnya definisi 'rasuah' dalam rang undang-undang ini, sungguhpun wujudnya definisi 'suapan' (gratification), yang sebenarnya hanya sebahagian dari masalah rasuah. Bolehkah kita mendapatkan satu penjelasan ke atas pertanyaan Dr. Syed Hussein Alatas pada peringkat penggulangan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri nanti?

Selain dari kegagalan melibatkan masyarakat madani serta rakyat Malaysia yang prihatin dalam proses pembentukan rang undang-undang ini, kegagalan menangani secara komprehensif masalah rasuah sebagaimana yang dikenal pasti oleh Konsensus 10-Perkara serta Deklarasi 16-Perkara juga merupakan kekurangan seterusnya dalam rang undang-undang ini.

Sebagai contoh, item pertama Konsensus 10-Perkara menyeru supaya "Para Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri mengisytiharkan aset dan liabiliti mereka secara terbuka dan periodic".

Dalam bulan Oktober 1977, saya pernah mengemukakan usul di Dewan Rakyat ini untuk memperkenalkan rang undang-undang ahli yang bukan ahli kerajaan atau private member's bill, yang akan dinamakan sebagai Member of Parliament (Declaration of Assets) Act, di mana saya berkata dan saya petik dua perenggan:

"Perdana Menteri (masa itu), Datuk Hussein Onn, mempunyai reputasi peribadi menentang perlakuan rasuah, negara ini memiliki Biro Penyiasatan Kebangsaan (NBI masa itu), dan sekali-sekala kita terbaca bahawa ketua-ketua jabatan

mengkehendaki kakitangan-kakitangan awam mereka mengisytiharkan aset. Tetapi tidak boleh dinafikan bahawa rasuah di Malaysia merupakan masalah yang berleluasa, di mana ramai pemimpin politik dan kakitangan-kakitangan awam atasan memiliki kekayaan dan harta berlebihan yang tidak dapat dijelaskan". (tahun 1977).

"Di Malaysia, masalahnya bukanlah rasuah ikan bilis, tetapi rasuah peringkat atasan bidang-bidang politik dan jawatan-jawatan awam. Dalam pandangan saya, perang menentang rasuah di negara ini tidak akan berjaya melainkan pucuk pimpinan kita benar-benar bersih dan tidak dipengaruhi oleh gejala rasuah, di mana setiap pemimpin politik bersedia untuk diteliti secara terbuka dan berakuntabel terhadap sebarang keraguan secara berkala (periodic), supaya beliau tidak dapat menyalahgunakan pejabat awam atau politiknya untuk mendapat keuntungan peribadi".

Tuan Yang di-Pertua, adalah dikatakan bahawa teladan-teladan yang ditunjukkan oleh para pemimpin dan pegawai-pegawai awam tertinggi adalah penting dalam pencapaian dan pengendalian sistem integriti nasional yang berkesan. Tetapi persoalan kritikal dalam sepanjang sejarah manusia adalah sepertimana yang ditanya di dalam *Juvenal* (Satires, vi.347): *Quis custodiet ipsos custodes?* (Who shall guard the guards?)

Maka pengisytiharan harta secara berkala oleh para pemimpin politik dan pegawai-pegawai peringkat atasan, khasnya para Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri, yang termasuklah Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Menteri-menteri Besar, Ketua-ketua Menteri dan Exco Negeri, adalah begitu dasar dalam mana-mana sistem integriti nasional.

Pengisytiharan harta berkala oleh Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri harus menjadi kemuncak atau apex sistem checks-and-balance demi mencipta 'virtuous circle' yang dapat menampung diri di mana prinsip-prinsip penting sama ada bagi pemimpin-pemimpin politik, pegawai-pegawai awam ataupun para hakim dapat dikawal selia oleh diri mereka sendiri serta oleh orang ramai.

Tugas pengawalseliaan rasuah tidak boleh ditinggalkan hanya kepada pendakwa raya dan pegawai penguatkuasa. Tindakan yang diambil tidak boleh hanya terhad ke atas pengesanan dan pendakwaan kriminal. Tindakan yang perlu diambil harus termasuk juga kombinasi pengaturan bercantum. Antaranya, memperbaiki tahap ketulusan dalam perhubungan dan sebaik-baiknya

menyekat perkembangan perhubungan yang boleh menuju ke arah timbulnya perlakuan rasuah. Ini termasuklah ketulusan dalam hal ehwal kewangan para peserta utama dan kemungkinan kajian berkaitan dilakukan oleh institusi-institusi bebas yang sebaik-baiknya terletak luar dari sesuatu rangkaian rasuah.

Maka cabaran di sini adalah untuk membentuk satu sistem ketulusan (transparency) dan akauntabiliti yang mempunyai dua objektif utama: pertama sekali, menghalang rasuah dari berlaku, dan kedua, meyakinkan peserta utama bahawa perlakuan rasuah ada kemungkinan dikesan. Itulah dua unsur yang mustahak.

Maka, satu dari instrumen penting dalam mengekalkan integriti dalam kehidupan politik dan perkhidmatan awam adalah pengumuman secara berkala oleh mereka yang berkedudukan berpengaruh mengenai pendapatan, harta dan liabiliti yang dipegang oleh mereka. Sungguhpun pengisytiharan aset dan pendapatan sepatutnya tidak akan dilakukan dengan setepat-tepatnya oleh mereka yang menerima suap, tetapi ini akan memaksa mereka merekodkan kedudukan kewangan mereka, dan dengan cara ini akan membantu proses pendakwaan di kemudian hari. Tindakan sebegini, sebagai contohnya, akan menghalang mereka dari mendakwa pada kemudian hari bahawa kekayaan yang diisytiharkannya itu diperolehi melalui cara yang sah.

Sekiranya Parlimen benar-benar mahukan negara kita memulakan perang segenap penjuru menentang rasuah, maka kepimpinan politik, bermula dengan para Ahli Parlimen harus membentuk teladan integriti dengan meminda Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah ini mengkehendaki pengisytiharan aset tahunan secara terbuka para Ahli Parlimen yang mana rekodnya disimpan dalam satu daftar di Parlimen yang boleh diperolehi oleh orang ramai.

Saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah ini dipinda untuk memaktubkan peruntukan pengisytiharan harta tahunan para Ahli Parlimen dalam peringkat Jawatankuasa, dan saya berharap bahawa perkara ini akan mendapat sokongan para Ahli Parlimen tanpa kira perbezaan parti.

Pindaan yang saya cadangkan ini berbunyi seperti berikut:

"(1) Setiap Ahli Parlimen harus membekalkan kepada Parlimen, yang akan kemudiannya disimpan dalam suatu buku daftar yang mudah

diperolehi oleh orang ramai, suatu pengisytiharan bersumpah harta, pendapatan serta liabiliti.

(2) Suatu pengisytiharan harus dibekalkan berikutan subseksyen (1) dalam tempoh tiga bulan seseorang itu menjadi Ahli Parlimen berkenaan harta, pendapatan dan liabilitinya untuk tahun berakhir pada 31 Disember tahun sebelum itu, dan seterusnya pada 31 Disember setiap tahun beliau menjadi Ahli Parlimen, berkenaan harta, pendapatan dan liabilitinya, dan pengisytiharan ini harus dianggap sebagai telah dilakukan selagi pengisytiharan ini dibekalkan sebelum 1 Mac berikutan dengan tahun berkenaan.

(3) Setiap pengisytiharan menurut seksyen ini harus disahkan melalui affidavit sumpah mengenai keesahan dan ketepatan kandungan pengisytiharan berkenaan.

(4)(i) Suatu pengisytiharan di bawah akta ini harus memasukkan perkara-perkara yang diketahui oleh si pengisytihar berkenaan dengan harta, pendapatan dan liabiliti dirinya sendiri, pasangannya serta anak-anaknya:

Dengan syarat:

- (a) sekiranya pasangannya tidak hidup secara lazim bersama si pengisytihar untuk satu tempoh tiga bulan berterusan dalam tempoh berkenaan dengan pengisytiharan dilakukan; atau
- (b) sekiranya anak-anak pengisytihar tidak hidup secara lazim bersama si pengisytihar untuk satu tempoh tiga bulan berterusan dalam tempoh berkenaan dengan pengisytiharan dilakukan;

butir-butir yang perlu dibekalkan oleh subseksyen ini harus dihadkan ke atas harta yang dipegang oleh pasangan ataupun anak-anak (yang mana berpatutan) sebagai amanah, ataupun ejen, bagi pihak pengisytihar.

(ii) Suatu pengisytiharan boleh disertakan bersama kenyataan yang disahkan oleh akauntan berkanun sekiranya difikirkan wajib oleh pengisytihar.

(iii) Di mana seseorang Ahli Parlimen memegang wang ataupun lain-lain harta sebagai amanah pihak yang lain, beliau harus menyatakan dalam pengisytiharannya, tetapi tidak boleh diminta membongkarkan syarat-syarat amanah berkenaan.

(iv) Untuk tujuan pengisytiharan di bawah Akta ini, pendapatan, harta dan liabiliti seseorang

Ahli Parlimen termasuklah pendapatan, harta dan liabiliti yang diperolehi, dipegang atau dipegang oleh orang lain sebagai ejennya atau bagi pihaknya.

(5) Mana-mana Ahli Parlimen yang:

- (a) gagal tanpa sebab munasabah, membekalkan pengisytiharan di bawah seksyen ini; ataupun
- (b) secara sedar melakukan kenyataan palsu dalam pengisytiharan ini,

adalah bersalah dan boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih dari RM20,000 ataupun penjara untuk tempoh tidak lebih dari dua tahun ataupun kedua-duanya sekali."

Saya berpendapat bahawa sekiranya Parlimen bersedia meminda Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah untuk memasukkan provisi pengisytiharan harta tahunan seperti ini, maka mesej yang paling jelas akan disampaikan ke seluruh negara dan serata dunia bahawa Malaysia memang bersungguh dan berintegriti untuk membentuk budaya kehidupan politik dan perkhidmatan awam berintegriti yang bertoleransi sifar terhadap rasuah.

Berkait rapat dengan tajuk integriti pemimpin politik adalah isu ketiga yang termaktub dalam Konsensus 10-Perkara yang menyeru supaya wujudkan lebih ketulusan dalam soal pembiayaan atau funding parti-parti politik.

Parti-parti politik, khasnya parti-parti dalam kerajaan pemerintah, berbelanja jumlah yang besar. Banyak negara telah melaksanakan mekanisme untuk memastikan bahawa proses mengumpul derma oleh parti-parti politik ini tidak merosakkan sistem politik dan menghakis struktur demokrasi dengan memberikan manfaat kepada mereka yang kaya. Tetapi di Malaysia, belum ada kesan bahawa kita bersedia untuk memberikan pertimbangan yang serius ke atas perkara ini sungguhpun politik wang di Malaysia telah mencapai tahap yang serius sehinggakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menitiskan air matanya Oktober lalu di Perhimpunan Agung UMNO, memberikan amaran bahawa barah politik wang ini akan membawa kepada kerobohan, keruntuhan parti, bangsa dan negara.

Selagi proses pembiayaan (funding) politik negara ini tidak dikehendaki berketulusan dan parti-parti politik tidak diperlukan untuk mengumumkan sumber-sumber derma-derma besar yang diterima oleh mereka, maka orang ramai akan membuat kesimpulan mereka sendiri apabila melihat orang yang disyaki memberi sumbangan wang kepada parti-parti politik secara terbuka mendapat kebaikan

lumayan dalam bentuk kontrak-kontrak penswastaaan serta lain-lain urusan kerajaan.

Malaysia harus mencontohi teladan lain-lain negara yang mengambil berat tentang rasuah dalam bentuk politik wang dan saya menyeru supaya perundangan diperkenalkan untuk mengkehendaki lebih ketulusan dalam proses pembiayaan parti-parti politik serta pengwujudan satu tabung pilihan raya berpusat atau centralized election fund supaya parti-parti politik tidak akan terlalu bergantung ke atas sumbangan-sumbangan sektor perniagaan yang seterusnya melahirkan perhubungan patron-client yang tidak sihat dan tidak menyumbang ke atas budaya integriti baru bertoleransi sifar terhadap rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Malaysia berhasrat untuk mencapai Wawasan 2020 iaitu menjadi sebuah negara yang benar-benar bermoral dan beretika, maka kita harus berhasrat menjadi sebuah negara yang tidak bermasalah rasuah. Inilah sebab mengapa perkara kesepuluh dalam Konsensus 10-Perkara telah menggariskan dasar mustahak untuk 'Mencipta budaya integriti baru dalam kehidupan politik, pentadbiran dan perkhidmatan awam yang bertoleransi sifar terhadap rasuah menerusi penanaman nilai-nilai moral dan etika di tahap keluarga, sekolah serta agama'.

Dalam analisis muktamad, bagaimanapun, apa yang paling penting adalah kesamaan yang dicapai oleh ketiga-tiga inisiatif masyarakat madani dalam perang menentang rasuah, iaitu setiap usaha perang menentang rasuah hanya akan berjaya sekiranya kepimpinan politik tertinggi berkomited sepenuhnya dan mengisytiharkan rasuah sebagai musuh awam pertama di Malaysia.

Baru-baru ini harapan telah meningkat dalam negara ini di kalangan rakyat jelata bahawa kepimpinan politik tertinggi negara adalah serius dan bahawa perang menentang rasuah segenap penjuru yang dilancarkan oleh, masa itu Pemangku Perdana Menteri di bawah arahan Perdana Menteri, semasa beliau bercuti kerja dua bulan, tidak akan berakhir sepertimana yang berlaku kepada kempen pencegahan rasuah masa-masa lampau yang kedengaran guruh berbunyi tanpa hujan setitis. Kempen yang mendapat publisiti besar untuk satu kerajaan yang 'Bersih, Cekap, Amanah' dalam tahun 1981, sebagai contohnya, telah lenyap dalam timbunan skandal-skandal rasuah dan akauntabiliti, sehinggakan 15 tahun selepas itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri perlu menitikkan air matanya kerana soal rasuah.

Sebenarnya, 22 tahun yang lepas, dalam satu Mesyuarat Bersama Pemuda UMNO dan Wanita UMNO dalam Jun 1975, Timbalan Perdana Menteri masa itu, Datuk Hussein Onn yang termasyhur dalam sejarah Malaysia kerana sifat integriti peribadi beliau, telah memberikan satu ucapan yang menggemparkan mengenai rasuah, mengutuknya sebagai 'penyelewengan dalam pembangunan negara yang sekiranya tidak dikawal, akan menembus struktur negara dan membawa kepada keruntuhan'. Beliau menjamin masa itu bahawa kerajaan akan membongkarkan tingkahlaku-tingkahlaku rasuah ini tanpa kira siapa yang terlibat sama ada kancil atau naga, regardless whether dragon or mousdeer, dengan izin, tetapi jaminan ini nampaknya jadi jaminan sahaja dan tidak dikotakan.

Kita harus jujur dan berani mengakui bahawa dalam kebelakangan ini, perasaan skeptisisme bahawa pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri masa itu selaku Pemangku Perdana Menteri, iaitu dengan izin, "*Kini masa bertindak...kita akan tangkap yang besar dan yang kecil,*" bahawa ia akan ditunaikan menjadi realiti ataupun bahawa kerajaan akan mempunyai semangat serta komitmen politik yang kukuh untuk melahirkan budaya baru mengkehendaki integriti dalam kehidupan politik dan perkhidmatan awam yang bertoleransi sifar terhadap rasuah, telah dibuktikan berasas.

Saya pernah berharap bahawa dalam isu melahirkan budaya baru mengkehendaki integriti dalam kehidupan politik dan perkhidmatan awam, seluruh masyarakat negara ini akan bersatu padu atas pendirian yang sama, ini termasuklah juga semua parti politik, semua cawangan kerajaan dan masyarakat madani pada keseluruhannya. Inilah apa yang pernah saya suarakan dalam satu kenyataan bertarikh 19 Jun 1997:

"Saya menyeru supaya semua rakyat Malaysia mencontohi sebagai patriot Malaysia yang mengkehendaki rasuah dihapuskan sama sekali dari tanah air kita dan bukannya menangani perkara ini menerusi pandangan yang sempit, seksional ataupun parti politik.

Biar semua rakyat Malaysia tanpa kira parti politik, menyokong perang segenap penjuru menentang rasuah yang dimulakan oleh kerajaan dan melihat masalah ini dari sudut rakyat Malaysia yang mahu melihat Malaysia berdiri tegak di arena dunia atas gelaran kerajaan baik dan masyarakat bersih dan menggabungkan komitmen senegara untuk memerangi rasuah, serta berhenti dari melihatnya dari sudut Barisan Nasional sama ada UMNO,

MCA, MIC, Gerakan atau pembangkang, sama ada DAP, PAS, PBS.

Marilah kita mengambil pendirian bahawa setiap pemimpin politik tanpa kira ia berada di dalam ataupun luar barisan pemerintah, mestilah bersih dan jujur dan menyokong supaya setiap pemimpin yang korup, tidak kira dari parti politik yang mana, sama ada di dalam kerajaan mahupun di barisan pembangkang, harus dibawa ke hadapan keadilan.

Saya ingin menyeru supaya pemimpin-pemimpin Kerajaan Barisan Nasional jangan kluatir tentang pertimbangan partisan dalam perang segenap penjurong menentang rasuah ini, dengan kekhawatiran bahawa sekiranya jerung Barisan Nasional ditangkap kerana rasuah, maka ini akan meningkatkan kredibiliti pihak pembangkang dan menjejaskan peluang Barisan Nasional dalam pilihan raya seterusnya.

Ini adalah satu kesilapan besar. Sekiranya kerajaan Barisan Nasional menunjukkan bahawa ia bersedia mengisytiharkan perang ke atas rasuah dan menangkap 'jerung' selain dari 'ikan bilis', maka Barisan Nasional sudah tentunya akan mendapat sokongan seluruh negara yang meluas yang sebenarnya akan menjelma dalam bentuk undi untuk Barisan Nasional dalam pilihan raya seterusnya.

Jika saya mementingkan diri dalam segi keuntungan parti politik, maka saya tidak akan mahu melihat kerajaan mengambil tindakan terhadap mana-mana jerung, tetapi hanya berpuas hati dengan 'ikan bilis' sementara meneruskan kata-kata tanpa makna mengutuk mereka yang rasuah, tetapi tidak mengambil tindakan sewajarnya.

Biarlah saya berkata bahawa sekiranya kerajaan Barisan Nasional memang bersedia untuk pertama kalinya dalam sejarah Malaysia melancarkan perang segenap penjurong menentang rasuah, dan dalam proses ini mendapat sokongan orang ramai dan seterusnya menyebabkan DAP mengalami kekalahan dalam pilihan raya besar seterusnya, maka DAP bersedia menghadapi akibatnya atas kepentingan negara dan rakyat.

Apa yang harus dikhuatiri oleh rakyat Malaysia yang bersemangat patriotik adalah perang segenap penjurong menentang rasuah kerajaan kali ini menemui kegagalan, kerana contoh reformasi menentang rasuah yang berjaya di mana-mana negara dalam dunia ini sungguh jarang dan yang gagal pula sangat banyak.

Sekiranya Malaysia betul-betul ingin melancarkan perang ke atas rasuah, maka kerajaan bukan

sahaja harus menangkap 'ikan besar', ia juga harus bersedia untuk mencipta perubahan sistematik demi membawa kepada budaya integriti awam di kalangan pemimpin politik serta perkhidmatan awam."

Itulah kenyataan saya pada 19 Julai mengenai pendirian parti saya mengenai all up war against corruption. Tetapi dalam tempoh semalaman sahaja, iklim nampaknya telah berubah, dan ini boleh dirasai dari perubahan suasana dalam tempoh beberapa minggu ini di mana Persidangan Meja Bulat pertama pada 13 Julai dan Muafakat Memerangi Rasuah pada 19 Julai bagi peringkat satu dan Meja Bulat Mengenai Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah pada hari semalam untuk peringkat kedua sudah boleh lihat bahawa iklim sudah berubah. Climate has changed. Tidak silap sekiranya kita kata bahawa kini nampaknya telah memasuki musim sejuk dan saya perhatikan sebagai contohnya media massa telah mula membatalkan rancangan memberikan laporan sepenuhnya mengenai perang menentang rasuah hasil dari perubahan iklim yang tiba-tiba ini, over night dan keghairahan yang seketika dahulu pernah ditunjukkan ke atas jihad ini nampaknya telah mula berputar. Di Malaysia, musim bunga memang pendek dan musim sejuk telah kelihatan. Ini suatu yang sangat menyedihkan. Bagaimana ini merupakan satu cabaran kepada semua rakyat Malaysia yang berkomited untuk mencapai matlamat integriti dalam kehidupan politik dan perkhidmatan awam bahawa mereka mestilah berupaya mengekalkan komitmen mereka tanpa kira iklim dan musim, sama ada musim spring, summer, autumn dan winter, pendek atau panjang.

Kejayaan reformasi menentang rasuah adalah jarang kelihatan dalam sejarah manusia, tetapi contoh-contoh gagal pula banyak kelihatan dengan janji-janji yang besar, tetapi kekurangan keupayaan untuk menunaikannya, dan dalam banyak kes, hasrat yang tulen ditentang oleh masalah rasuah yang terlalu besar dan mengharukan. Kadangkala postur menentang rasuah hanya terhad kepada postur sahaja tanpa mengharapkan sebarang perubahan bermakna, dan contoh yang paling baik adalah bekas Presiden Korea Selatan, Roh Tae Woo yang pernah bersumpah dalam ucapan perantikannya berhasrat menjadi presiden yang paling bersih dalam sejarah negaranya, tetapi pada masa sekarang telah dihukum penjara atas kesalahan rasuah yang pelbagai.

Adalah sesuatu yang berguna, konstruktif, untuk pengetahuan Parlimen serta rakyat Malaysia untuk melihat ke atas analisa yang dilakukan oleh

Transparency International dalam buku *TI Source Book - National Integrity Systems* mengenai 8 sebab utama bagi kegagalan usaha membanteras rasuah dalam sejarah manusia, kenapa kegagalan anti corruption efforts, dengan izin:

- (i) *the limits of power at the top. An incoming president may wish to tackle the challenge effectively but has, by definition, inherited a corrupt governmental machine which impedes efforts for change;*
- (ii) *the absence of commitment at the top. Lower ranking political and administrative figures may wish to effect change but be severely restricted by an absence of commitment at the leadership level;*
- (iii) *overly ambitious promises leading to unrealistic and unachievable expectations. Those who promise what they cannot deliver quickly lose the confidence of those around them and those looking to them for effectiveness;*
- (iv) *reforms have taken place piecemeal and in an uncoordinated manner so that, in the end, no-one can be said to 'own' the reforms in the sense of being personally committed to them and being driven to see them implemented effectively and kept up to date;*
- (v) *reforms have relied too much on the law, which is an uncertain instrument in trying to change the way people behave, or too much on enforcement, which leads to repression, apparent abuses of power and the emergence of another corrupt regime;*
- (vi) *reforms tend to overlook those at the top and focus only on the smaller fry, the assumption being that those at the top either do not 'need' reform or that they would be openly hostile towards anyone who attempted it. As a result, the law is seen as being applied unevenly and unfairly, and soon ceases to be applied at all;*
- (vii) *reforms do not have a specific and achievable focus and so fail to deliver any real change to the public (without which the public belief essential to successful reform quickly ebbs away); and*
- (viii) *institutional mechanisms are not constructed, even where reform is real, to carry reforms forward after their initial proponents have passed from the scene.*

Kita seharusnya mempelajari dari pengajaran kegagalan usaha membanteras rasuah manusia yang lepas dan bukannya mengulangi kesilapan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah kita membincangkan rang undang-undang yang dibentangkan di dalam Dewan ini. Meja Bulat II mengenai Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah di Kuala Lumpur telah mencapai konsensus lima perkara atas rang undang-undang ini:

- (i) ia harus dirujuk kepada satu Jawatankuasa Pilihan untuk membolehkan proses perundingan dan penyertaan awam diadakan;
- (ii) kita perlu memastikan bahawa Badan Pencegah Rasuah adalah bebas dan mempunyai keyakinan orang ramai terhadap kebebasan dan profesionalisme;
- (iii) membantah Seksyen 20 yang membangkitkan satu kesalahan baru yang mengenakan denda RM100,000, sepuluh tahun penjara ataupun kedua-dua sekali ke atas mereka yang memberikan kenyataan palsu mengenai rasuah;
- (iv) keperluan bagi para Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri mengisytiharkan harta pendapatan dan liabiliti mereka secara periodik dan terbuka;
- (v) keperluan untuk satu peruntukan yang jelas dan definite untuk menjadikan mereka yang memegang jawatan awam dan memiliki kekayaan luar biasa dan harta berlebihan ataupun menikmati cara hidup yang tidak sepadan dengan pendapatannya yang sah.

Adalah sungguh ironic bahawa sungguhpun buat pertama kalinya rang undang-undang ini yang menerusi Seksyen 8 mengisytiharkan pengiktirafan statutory yang pertama dalam sejarah Malaysia mengenai betapa pentingnya untuk dapat sokongan orang ramai dalam usaha membanteras rasuah. Dan Seksyen 8 adalah berbunyi:

Seksyen 8:

Maka adalah menjadi kewajipan Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai Badan untuk -

- (f) mendidik orang ramai untuk menentang rasuah; dan
- (g) mendapatkan dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah.

Kali yang pertama dalam statute yang kita ada dalam tanah air kita di mana adalah satu

recognition, satu pengiktirafan bahawa sokongan orang ramai perlu untuk memerangi rasuah.

Kesemua usaha membanteras rasuah sama ada melibatkan membaharui program awam, mengatur semula kerajaan ataupun memperkukuhkan penguatkuasa memerlukan sokongan orang ramai. Sekiranya inginkan kejayaan, kempen membanteras rasuah tidak akan berjaya melainkan orang ramai menyokong kempen berkenaan, sekiranya orang biasa dan peniaga di pasaran semua peringkat sesuatu masyarakat telah biasa berurusan dengan machinery negara menerusi sistem pay off maka sikap sebegini akan menjadi sukar diubah. Inilah mengapa sungguh malang sekali bahawa kerajaan telah mengabaikan sokongan orang ramai dalam proses menggubal Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah ini bukan sahaja demi memastikan penyertaan orang ramai serta mendapat input mereka, malah lebih pentingnya ialah untuk mendapatkan keyakinan orang ramai bahawa Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah ini merupakan satu perkembangan land mark yang menandakan semangat serta komitmen politik kerajaan untuk melancarkan perang segenap penjuru menentang rasuah sama ada ikan bilis ataupun jerung.

Beberapa cadangan baru dalam Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah ini memang telah menimbulkan lebih keraguan dari kepastian dalam fikiran mereka yang prihatin, misalnya peruntukan-peruntukan yang mengurangkan kedudukan serta kuasa Ketua Pengarah BPR yang pada masa ini tidak mendapat banyak keyakinan orang ramai terhadap kebebasan badan berkenaan.

Seksyen 20 mengenai laporan palsu yang mengenakan hukuman berat yang nampaknya telah dibentuk untuk melindungi rasuah dan bukannya menggalakkan pendedahan rasuah dan orang ramai turut merasa kecewa dengan fakta bahawa tidak wujudnya peruntukan yang jelas yang mengatakan mereka yang memiliki kekayaan berlebihan yang tidak dapat dijelaskan puncanya sebagai melanggar undang-undang dan kekayaan mereka yang berlebihan serta tidak sepadan dengan pendapatan masa kini atau lepas sebagai pemegang jawatan pegawai kerajaan harus dirampas sungguhpun sebelum ini telah wujud khabar angin bahawa provisi sebegini adalah disediakan.

Semua tiga inisiatif masyarakat madani sebulat suara menghendaki satu BPR yang bebas, yang mendapat keyakinan orang ramai terhadap kebebasan dan profesionalismenya. Meja Bulat mengenai Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah

semalam sungguh prihatin bahawa rang undang-undang ini bukan sahaja tidak menambahkan kuasa BPR sebaliknya ia telah menurunkan kebebasan dan kuasa Ketua Pengarah BPR menjadikan sebagai orang bawahan Peguam Negara melalui kapasitinya selaku Pendakwa Raya termasuk dalam perkara-perkara berkaitan dengan kebebasan operational BPR. Rang undang-undang ini sebagai contohnya telah merampas kuasa Ketua Pengarah BPR sebagai Timbalan Pendakwa Raya di bawah Kanun Keseksan yang pada masa ini termaktub di dalam Akta Badan Pencegah Rasuah.

Peruntukan yang ada dalam Akta Pencegahan Rasuah, peruntukan 5 yang berbunyi:

"Anti Corruption Act 1982: The Director General of the agency shall have all the powers of the Deputy Public Prosecutor under The Criminal Procedure Code and all the powers of an officer of the agency."

Dan menurut Criminal Procedure Code 376 yang berbunyi:

"376 .(3) The Public Prosecutor may appoint fit and proper persons to be the Deputy Public Prosecutors who shall be under the general control and direction of the Public Prosecutor and may exercise all or any of the rights and powers vested in or exercisable by the Public Prosecutor by or under this Code or any other written law except any rights or powers expressed to be exercisable by the Public Prosecutor personally."

Dan di bawah 376 subseksyen (4):

"The rights and powers vested in exercisable by the Public Prosecutor by subsection (3) and section 68(2) 184(2), 381, 385, 386 shall be exercisable by the Public Prosecutor personally."

Oleh kerana semua seksyen-seksyen yang telah disebutkan oleh Seksyen 376 subseksyen (4) di mana Pendakwa Raya/Public Prosecutor perlu menjalankan kuasa dengan sendiri dan tidak boleh diwakilkan, cannot be delegated, semua peruntukan-peruntukan ini tidak ada bersangkutan paut dengan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah, ini bererti bahawa di bawah Anti Corruption Act 1982, Director General, Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah seorang DPP yang ada kuasa untuk membuat keputusan mengenai sama ada mendakwa atau tidak mendakwa seseorang dan bukan sahaja dia ada kuasa untuk membuat keputusan mengenai prosecution

Tuan Noh bin Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

Tuan Noh bin Omar: Minta penjelasan boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Oh ya, boleh!

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta sedikit penjelasan. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ada quote mengenai Akta Corruption Act dan juga CPC. Tetapi Ahli Yang Berhormat ada mengatakan bahawa dengan adanya kuasa DPP, maka Ketua Pengarah Pencegah Rasuah ada kuasa untuk mendakwa. Saya hendak bertanya ada kuasa mendakwa ini DPP ataupun Pendakwa Raya? Bagi saya yang ada kuasa ini Pendakwa Raya, kalau pada hari ini kalau mengikut Akta Pencegahan Rasuah yang sedia ada, Ketua Pengarah Pencegah Rasuah ini, dia tertakluk kepada Pendakwa Raya iaitu Peguam Negara.

Hari ini kita beri dia satu kebebasan di mana dia tidak lagi tertakluk di bawah Peguam Negara yang mana dia boleh meneruskan penyiasatan seperti juga Ketua Polis Negara, dia ada kuasa-kuasanya sendiri untuk menjalankan penyiasatan dan tertakluk kepada Pendakwa Raya.

Jadi, kalau Ahli Yang Berhormat mengatakan DPP ada kuasa mendakwa, saya rasa satu kesilapan yang besar kerana kalau dia DPP, dia kena merujuk kepada Pendakwa Raya untuk menentukan pendakwaan. Saya hendak minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi, saya ada baca Criminal Procedure Code, Seksyen 376 yang berbunyi, saya baca lagi sekali:

"376. (3) The Public Procecutor may appoint fit and proper persons to be the Deputy Public Procecutors who shall be under the general control and direction of the Public Procecutor and may exercise all

Tuan Noh bin Omar: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang: Let me finish!

..... and may exercise all or any of the rights and powers vested in or exercisable by the Public Procecutor by or under this Code or any other written law except any rights of powers expressed to be exercisable by the Public Procecutor personally."

Ini bererti bahawa dia ada hak dan kuasa untuk membuat keputusan, untuk prosecute tanpa rujuk kepada Peguam Negara yang pernah berlaku dalam sejarah Malaysia. Semalam, Tan Sri Harun Hashim, Ketua Pengarah pertama BPR, dia kata, dia buat

keputusan bukan sahaja mengenai siasatan, tidak merujuk kepada Public Prosecutor oleh kerana dia ada diberi kuasa, dia Deputy Public Prosecutor, dia bukan sahaja ada kuasa untuk membuat siasatan tetapi pun untuk membuat keputusan mengenai pendakwaan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
[Bangun]

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Yang Berhormat, nampaknya Yang Berhormat sekarang mempertikaikan soal kuasa Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah yang tidak diberi kuasa sebagai kuasa untuk mendakwa. Saya rasa Ahli Yang Berhormat sendiri faham bahawa Badan Pencegah Rasuah ialah satu badan penyiasatan sama dengan polis - badan penyiasatan, sama dengan kastam - badan penyiasatan. Adakah munasabah kalau kita beri kuasa menyiasat dan dia mendakwa, mana ada satu sistem check and balance, samalah dengan polis. Polis boleh menyiasat, kastam boleh menyiasat, tetapi pendakwaan mesti dilakukan oleh Pendakwa Raya.

Kalau kita beri kuasa itu kepada Badan Pencegah Rasuah, bermakna dia menyiasat, dia yang membuat keputusan mendakwa, di mana ada suatu sistem check and balance? Kita ada sistem check and balance. Ahli Yang Berhormat sendiri pun faham polis tidak boleh mendakwa orang. Dia menjalankan siasatan, kemudian dia rujuk kepada Peguam Negara. Kastam membuat penyiasatan rujuk kepada Peguam Negara. Begitulah juga dengan BPR, dia menyiasat dan lanjutkan penyiasatan itu kepada Peguam Negara, baru ada satu sistem check and balance.

Oleh kerana di bawah akta ini, kita beri suatu kuasa yang luas, satu kuasa yang besar, tentulah kita mesti mengadakan suatu sistem check and balance. Kalau mengikut cadangan Ahli Yang Berhormat itu BPR menyiasat, BPR mendakwa, siapa yang boleh menyemak kuasa itu. Itu masalah!

Tuan Lim Kit Siang: Memang kita bersetuju mengenai perlu satu sistem check and balance. Tetapi, sebelum saya respond kepada soalan itu, adakah Ahli Yang Berhormat pun bersetuju kita perlu juga satu check and balance mengenai kuasa Peguam Negara sebagai Public Prosecutor.

Kenapa tidak pernah mendengar Ahli Yang Berhormat berdiri mengenai perlulah satu check and balance khasnya apabila berlaku begitu banyak kes selective prosecution, pendakwaan yang berpilih,

yang merosakkan nama baik system of law, rule of law negara kita.

Adakah Ahli Yang Berhormat bersetuju kita pun perlu satu check and balance mengenai selective prosecution oleh Peguam Negara di mana perlu beliau datang untuk discharge prinsip accountability kepada Dewan, kepada negara ini khasnya apabila skandal selective prosecution sudah menjatuhkan nama baik Malaysia di seluruh dunia.

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, boleh!

Tuan Noh bin Omar: Saya hendak minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ini. Dia ini hendak mempersoalkan kuasa Peguam Negara, dia tak percaya kepada Perlembagaan negarakah? Yang Berhormat bacalah tugas-tugas Peguam Negara, kalau Yang Berhormat mempertikaikan perkara ini, kita kena tukar Perlembagaan Negara, kita sudah bersetuju, kita pun sudah angkat sumpah hari itu menghormati Perlembagaan Negara. Hari ini, kita tahu dalam Perlembagaan Negara telah memberi kuasa kepada Peguam Negara sebagai Pendakwa.

Hari ini Ahli Yang Berhormat hendak mempertikaikan kuasa dia, Ahli Yang Berhormat membuat tuduhan-tuduhan 'selective prosecution', ada buktikah? Jadi, kita telah menerima dalam negara kita ini 'special of power', so, kita kena terima. Kalau Ahli Yang Berhormat hendak membuat sistem itu, kita ada juga sistem seperti District Attorney di Amerika Syarikat, memang betul. District Attorney di Amerika Syarikat dia memang boleh, dia kalau orang siasat, dia boleh siasat, dia boleh dakwa. Tetapi kita di Malaysia kita tidak pakai sistem itu. Kita pakai sistem 'special of power' yang kita amalkan hari ini, yang siasat, kita pergi soal siasat, yang dakwa, kita dakwa.

Jadi, Ahli Yang Berhormat ini bercakap tak percaya dengan orang, itu sebab Ahli Yang Berhormat tidak bersetuju Seksyen 20, sebab Ahli Yang Berhormat selalu buat fitnah. Ini yang Seksyen 20 ini, Ahli Yang Berhormat sendiri bercakap Seksyen 21(4) yang menyebutkan semua yang dilaporkan ini rahsia. Rahsia apa?

Kadang-kadang Kota Melaka dalam Dewan ini bukan main megah dia cakap, "Saya sudah buat report dalam kes-kes ini" Mengapa tidak didakwa? Yang Berhormat pun sama. Saya sudah report, buat

kes-kes ini, panggil press conference, mengapa tidak report? Hendak rahsia apa? Tidak payah rahsia nama Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah mendabik dada, seolah-olah menjadi champion kepada pembela. Kes-kes macam ini, Seksyen 20 ini mesti kita gunakan. Jangan hendak menjatuhkan maruah orang sebelum keputusan dibuat. Jadi, Yang Berhormat jangan mengambil kesempatan mempolitikkan, kalau Yang Berhormat sokong, DAP sokong, sokong! Jangan hendak mempertikaikan undang-undang yang telah pun dikaji dengan begini baik. Minta penjelasan dari Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Tanjong Karang dulu dia 'hulubalang' Tan Sri Muhamad Taib. *[Ketawa]* Apabila saya timbulkan mengenai kekayaan, rasuah, penyalahgunaan kuasa Tan Sri Muhamad Taib, dia boleh jadi champion. Dan maki hamun kita, selepas itu apabila kita bongkar lebih insiden, lebih contoh, dia diam. Sekarang dia mahu jadi 'hulubalang' Peguam Negara mengenai selective prosecution. Dengan rekod itu kita tahulah, kita tahu Yang Berhormat Tanjong Karang - bukan kita di sini fitnah - Yang Berhormat Tanjong Karang ialah memfitnah orang yang lain. Mana? Lagi mahu jadi champion Tan Sri Muhamad Taib di Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Adakah tarik balik semua apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang mengenai kes Tan Sri Muhamad Taib? Adakah meminta maaf di dalam Dewan ini oleh kerana menjadi pembela Tan Sri Muhamad Taib?

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Dia bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh!

Tuan Noh bin Omar: Inilah Yang Berhormat, Yang Berhormat Jelutong ini, eh! Yang Berhormat Tanjong *[Ketawa]* dia selalu membuat keputusan sesuatu yang belum lagi ada keputusan yang sah, macam mana saya hendak suruh tarik dalam Dewan ini mengenai kes Tan Sri Muhamad Taib? Tan Sri Muhamad Taib belum tahu lagi salahkah atau tidak salah. Kita tungguh nanti apa keputusan mahkamah. Hari ini dia gentleman - dia letak jawatan dan kes ini yang sebenarnya tidak ada kena mengena dengan kes Tan Sri Muhamad Taib. Saya hendak nyatakan dahulu yang saya bela Tan Sri Muhamad Taib kerana saya tidak bersetuju Yang Berhormat membuat tuduhan-tuduhan melulu tanpa bukti-bukti

yang konkrit berdasarkan kepada laporan-laporan luar negara, kes-kes luar negara. Itu yang saya tidak bersetuju. Bukan saya tidak bersetuju Yang Berhormat memerangi rasuah, saya bersetuju tetapi cara Yang Berhormat untuk menjatuhkan maruah seseorang pemimpin, itu yang saya tidak setuju. Macam hari ini, Yang Berhormat seolah-olah menyatakan Tan Sri Muhamad Taib itu sudah tentu bersalah - belum tentu bersalah lagi! Tunggulah dia salah nanti. Jadi, Yang Berhormat jangan membuat satu-satu keputusan.

Itu sebab saya tidak bersetuju dengan Seksyen 20 ini. Kalau Yang Berhormat bersetuju Seksyen 20, Yang Berhormat pun sudah tidak berani hendak bercakap macam sebelum ini. Dalam Dewan mungkin beranilah sebab kita ada immunity, di luar berani? Hari itu buat press conference tidak tentu hala hendak menjatuhkan maruah seseorang pemimpin. Jadi, Yang Berhormat bila kena pada Yang Berhormat, Yang Berhormat cuba untuk mempertahankan diri. Hendak perang, perang betul-betul sepertimana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata tadi. Yang salah tetap bersalah, yang buat fitnah ini mesti dihukum juga.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Tanjong Karang tidak begitu hangatlah, berani untuk membela Tan Sri Muhamad Taib sungguhpun dia masih memihak kepada beliau dan sikap ini kita perlu renunglah di dalam Dewan yang mulia ini, bukan saya mahu bangkitkan kes itu. Sebenarnya di dalam perbahasan ini saya tidak mahu sentuh apa-apa kes sesiapa dalam perbahasan ini tetapi kenapa kita masih mempertahankan kes Tan Sri Muhamad Taib seolah-olah oleh kerana ada laporan luar negara, ini semua tidak boleh dipercayai, bukankah seorang pemimpin politik tertinggi adalah bertanggungjawab kepada negara, kepada rakyat apabila ada laporan mengenai kekayaan luar biasa yang ada berbau, bukan sahaja penyalahgunaan kuasa tetapi korupsi bahawa beliau perlu untuk memberi keterangan-keterangan yang cukup - sampai sekarang tidak ada apa-apa keterangan yang diberi oleh Tan Sri Muhamad Taib mengenai harta benda di Queensland dan tentulah kita semua tahu di Queensland, mengenai rumah-rumah, ranch-ranch di sana, sama ada ia dimiliki oleh isteri Tan Sri Muhamad Taib sangat senang untuk di 'check', bukan di sini sungguhpun kita sudah pun ada Multimedia Super Corridor, kita mahu go on line - belum ada go on line - di Queensland, semua harta-benda, semua property ada on line, check sahaja tahu itu property siapa punya, harga pembelian - semua disana! Tentu Yang Berhormat Tanjong Karang tahu,

tentu ACA tahu, ACA ada hantar rombongan ke Queensland, tentu mereka tahu! Dan bagaimana sampai sekarang Yang Berhormat Tanjong Karang boleh berdiri membela, sungguhpun tidak begitu hangat, Tan Sri Muhamad Taib? Tidakkah menjawab akauntabiliti semacam dan di sini saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat dalam taklimat.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Machang bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti saya beri. Nanti ya! Saya tidak tahu sama ada dalam Pre-Council briefing yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional termasuk Yang Berhormat Tanjong Karang bahawa Seksyen 20 ialah untuk kita di sini.

Tadi Yang Berhormat, kita dengar satu jaminan, satu keterangan bahawa Seksyen 20 ialah mereka yang buat laporan tidak berasas, fitnah tetapi nampaknya kalau Yang Berhormat Tanjong Karang tidak fitnah, tidak memfitnahkan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, nampaknya dia dapat maklumat ialah untuk kita di sini. Tidak tahulah! Tetapi ini kita mungkin perlu kaji semula Seksyen 20.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
[Bangun]

Tuan Noh bin Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjong Karang dan Macang, bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Biarkan saya habiskan jawapan dulu sebelum saya beri jalan dan saya rasa ini sangat tidak menyenangkan. Apa tujuan sebenarnya Seksyen 20?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang: Okay.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Seksyen 20 dikaitkan dan Pre-Council juga disebut, saya ingin menjelaskan bahawa terkeluar daripada perbahasan politik partisan, saya ingin jelaskan dan saya yakin dengan kewibawaan Peguam Negara dalam kes ini, Seksyen 20 dimasukkan hanya untuk mempertahankan golongan yang tidak bersalah, imej dan kredibiliti tokoh-tokoh yang ada ancaman dan bahaya difitnah. Ia tidak bermaksud untuk

menakutkan sesiapa dan sama sekali tidak benar itu dikaitkan sebagai memenuhi tujuan atau agenda politik termasuk terhadap parti pembangkang. Ini saya boleh beri pengakuan yang cukup tegas.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, mengenai penjelasan itu saya lebih relax sedikit, mungkin! Tetapi saya tidak tahu Yang Berhormat dari Tanjong Karang dapat maklumat daripada mana? Mungkin daripada mereka yang lebih bertanggungjawab untuk melaksanakan dan menjalankan kuasa ini apabila ini menjadi rang undang-undang, menjadi.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
[Bangun]

Tuan Noh bin Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ada dua orang peminat ini.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti. Menjadi undang-undang tetapi Yang Berhormat dari Tanjong Karang kata bahawa kuasa Peguam Negara ialah ada dalam Perlembagaan. Benar, ada dalam Perlembagaan bahawa itulah sole discretion, budi bicara mutlak Peguam Negara untuk initiate, untuk pun discontinue apa-apa prosiding terhadap sesiapa mengenai apa-apa kesalahan tetapi ini bukan bererti bahawa dia tidak ada tanggungjawab, akauntabiliti kepada negara mengenai tidak salah guna kuasa ini. Tidak salah guna kuasa ini dan inilah satu isu yang sangat bersangkutan paut dengan apa yang kita bahas di sini. Apabila kita beri kuasa yang begitu besar sekarang kepada Attorney General, Public Prosecutor dengan kesalahan-kesalahan yang baru semacam Seksyen 20. Bagaimana kita boleh memastikan tidak berlaku penyelewengan, penganiayaan yang telah berlaku? Telah berlaku, dalam Dewan ini saya ada beri banyak contoh bagaimana berlaku selective prosecution oleh Peguam Negara.

Satu kes di mana mengenai pemimpin-pemimpin Barisan Nasional Jeffrey Kitingan - masa dalam pembangkang ditangkap, bawa ke mahkamah - corruption! Tetapi apabila sudah defect masuk Barisan Nasional, mengundurkan caj-caj ini....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
[Bangun]

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti. Withdraw caj ini. Kedua, mengenai Yong Teck Lee, Ketua Menteri Sabah - masa dalam pembangkang PBS tahun 1990 didakwa oleh kerana illegal assembly - di bawah Police Act di mana kalau dikena salah, mandatori diwajibkan sekurang-kurangnya RM2000

denda, ini bererti bahawa hilang kelayakan sebagai Ahli Parlimen dan sebagai Ahli Undangan Negeri tetapi apabila masuk Barisan Nasional menunggukan giliran menjadi Ketua Menteri, caj ini ditukar kepada Panel Code di mana tidak ada mandatori minimum sentence on conviction of RM2000. Apa alasan? Bukankah alasan bahawa dalam pembangkang - kill, go for the kill - tetapi apabila masuk Barisan Nasional, find a way out to save. Bukankah ini selective prosecution. Ada banyak kes...

Tuan Noh bin Omar : [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, belum habis. Yang Berhormat Tanjong Karang meminta bukti. Saya berikan bukti. Sekarang kita mahu luluskan Seksyen 20 - false report, false information. Printing Presses and Publication Act - false news. Tidak pernah ada apa-apa pendakwaan sehingga baru-baru ini Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Pengarah Tenaganita, Irene Fernandez didakwa kerana false news. Kalau kita mahu mengikut caj false news, saya berani kata bahawa setiap ahli Kabinet termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun boleh didakwa atas false news.

Tahun 1995, kempen pilihanraya besar masa itu. Saya didakwa bahawa saya ada cabar polis, cabar polis tangkap saya - false news! Keluar surat khabar, radio, televisyen siapa buat? Yang Amat Berhormat Perdana Menteri - false news dan bukan laporan tidak dibuat, bukan laporan polis tidak dibuat, ada dibuat di Penang tetapi adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ditangkap, didakwa di mahkamah atau disiasat atas false news? Itulah selective prosecution, kita tidak mahu! Bukan saya mahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ditangkap dan dibawa ke mahkamah tetapi untuk hal lain kenapa kita membenarkan satu keadaan di mana undang-undang disalahgunakan, di mana kuasa mutlak 145 Perlembagaan kita - sole discretionary powers of prosecution of Peguam Negara boleh disalah gunakan di mana ada selective prosecution tanpa check and balance? Mana itu check and balance? Apabila tadi saya timbulkan mengenai keluaran kuasa.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tumpat bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, boleh. [Disorak]

Seorang Ahli: Selective, selective.

Seorang Ahli: Awe nak kecek jugak!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Apakah Yang Berhormat sependapat dengan saya di mana pernah suatu ketika dahulu, Yang Berhormat dari Machang sekarang ini, dia kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini ada immunity, apakah Yang Berhormat setuju dengan pendapat daripada Yang Berhormat dari Machang?

Tuan Lim Kit Siang: Ha, itu selective immunitylah! [Ketawa] Tidak dalam undang-undang tetapi tafsiran oleh mereka yang bertanggungjawab ada kuasa untuk mendakwa tetapi salah guna. Apa yang kita takut, apa yang kita bimbang dan rakyat adalah, sebab kenapa bimbang? False news! Apa false news? Ini sebenarnya saya belum datang ke Seksyen 20 tetapi oleh kerana Yang Berhormat dari Tanjong Karang yang timbul sebab itu lompat isu itu. Tetapi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Machang bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak mahu dituduh sebagai selective letting giving way (Ketawa).

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih, Yang Berhormat. Gambaran yang diberi oleh Yang Berhormat tadi dalam selective prosecution oleh Peguam Negara seolah-olah dalam negara ini hanya pembangkang sahaja yang kena, pihak kerajaan tidak pernah kena. Yang Berhormat sendiri sedia maklum baru-baru ini di Melaka, anggota Exco dituduh. Dahulu kita pernah dengar seorang Menteri Besar dituduh. Saya hendak tahu dari Yang Berhormat, dalam sistem perundangan negara ini adakah luar biasa bagi Peguam Negara menarik balik mana-mana pertuduhan walaupun tuduhan itu telah dibawa ke mahkamah.

Yang Berhormat dari Jelutong sedia maklum, pelanggan Yang Berhormat sendiri banyak ditarik balik walaupun perbicaraan telah berjalan, sudah dituduh di mahkamah, kadang-kadang diperturunkan seksyen, kadang-kadang ditarik balik pertuduhan, setengah kes ini berjalan. Yang Berhormat dari Jelutong sendiri faham ini. Dalam sistem negara kita, ini boleh berlaku. Bukan semestinya dalam kes yang melibatkan hanya pegawai kerajaan atau jentera kerajaan. Dalam kes yang melibatkan orang biasa, penagih dadah dalam negara ini pun ada yang dibuang kes, Yang Berhormat, telah tuduh di mahkamah, tetapi oleh kerana sesuatu keterangan yang berlaku selepas itu menunjukkan bahawa kes itu tidak kuat, kadang-kadang pendakwa raya menarik balik pertuduhan. Itu berlaku di semua tempat. Yang Berhormat sendiri luluskan undang-undang. Yang Berhormat dari Jelutong sendiri alih.

Saya pernah buat kes dengan Yang Berhormat sendiri, satu kes di Kota Bharu. Daripada pertuduhan seksyen 302, diturun kepada seksyen 304. Apakah itu menunjukkan dengan jelas bahawa ianya tidak melibatkan sama ada pihak kerajaan atau sesiapa sahaja jika evidence itu warranted bahawa kes perlu ditarik balik atau pertuduhan perlu dikurangkan. Ianya berlaku dalam negara ini.

Ahli Parlimen daripada kerajaan sendiri pernah dituduh di bawah Akta Hasutan. Yang Berhormat sendiri sedia maklum, itu sistem yang ada dalam negara kita.

Berhubung dengan kes Printing Press Act yang dibuat oleh Yang Berhormat, Yang Berhormat nampaknya mempertikaikan daripada awal saya tengok, pertama, Yang Berhormat pertikaikan hukuman mengapa maksimum. Saya telah jelaskan bahawa sistem undang-undang dalam negara ini, seseorang hakim bila dia menjatuhkan hukuman maksimum, dia mesti nyatakan sebab-sebab mengapa hukuman maksimum diberi, lihat dalam alasan penghukuman dia, dia mesti ada alasan sendiri. Yang Berhormat tidak puas hati, boleh rayu. Pendakwa raya tidak puas hati hukuman itu ringan, boleh rayu. Itu sistem yang kita amalkan. Yang Berhormat boleh terima, itu hakikat, bukan?

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat dari Machang tidak boleh beza antara Peguam Negara dan Hakim. Dia mahu campur supaya boleh keluar kata kita cabar, cabar hakim-hakim tidak bebas. Ini masalah. Kita bincang sekarang ialah mengenai Peguam Negara. Contoh-contoh yang diberikan ialah mengenai bukan kes-kes politik, mengenai empat orang ahli Pemuda UMNO yang ada demonstrasi di APCET II dan dibawa ke mahkamah, mereka diberi alternative charge, selain dari police charge di mana kalau disabit ada kesalahan, mandatori RM2,000 fine, hilang kelayakan dan antara mereka ialah seorang Ahli Dewan Undangan Negeri di Perak.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ada satu usul di sini.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.05 ptg.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Lim Ah

Lek]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.30 malam dan selepas itu Ucapan Penangguhan akan dibuat.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Hieng Ding]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengemukakan masalah bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.30 malam dan selepas itu Ucapan Penangguhan akan dibuat.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN RASUAH 1997

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Di sini di mana ada satu alternative charge diberi di bawah Penal Code di mana tidak ada bersabit, hilang kelayakan. Tetapi apabila Yang Berhormat dari Kota Melaka ada dikenakan hukuman maksimum, ini kita bukan sebut mengenai mahkamah, bukan hakim, disebut ada dikenakan maksimum fine mengenai kesalahan hasutan ialah RM5,000, beliau keluaran satu kenyataan tidak berpuas hati oleh kerana atas kepentingan pentadbiran keadilan tidak cukup. Tetapi kenapa dalam kes hakim yang menulis surat layang 33 muka surat, lebih daripada 100 tuduhan mengenai rasuah, mengenai penyalahgunaan kuasa dan semua perkara yang dahsyat terhadap 12 orang hakim, sungguhpun tahu siapa yang menulis surat itu yang disifatkan sebagai satu perbuatan, satu kelakuan yang mahu jatuhkan imej kehakiman, tidak ada apa-apa tindakan dibuat.

Tetapi apa yang mustahak ialah kita nampak Ahli-ahli Parlimen dari Barisan Nasional tidak boleh menerima bahawa Peguam Negara pun perlu bertanggungjawab, akauntabiliti kepada negara, kepada rakyat mengenai menjalankan kuasanya. Sungguhpun keputusan beliau tidak boleh dibicarakan, disoalkan dalam mahkamah tetapi tentulah keputusannya, kuasanya harus disoalkan

bukan sahaja di Dewan yang mulia ini tetapi dalam court of public opinion dan ini Peguam Negara perlu buat. Sampai sekarang dia tidak memberi apa-apa penjelasan atau keterangan mengenai tuduhan-tuduhan yang serius. Saya setuju mengenai 'a series of selective prosecution'. Inilah dengan bayang (shadow) ini menimbulkan soalan sama ada kuasa-kuasa yang kita akan luluskan dalam rang undang-undang ini pun disalahgunakan.

Mengenai check and balance, tadi apabila saya menyoalkan kenapa mengeluarkan kuasa Ketua Pengarah ACA sebagai DPP, saya setuju ada check and balance. Perlu satu check and balance bukan sahaja DG ACA, tetapi Peguam Negara (AG) semua perlu check dan balance. Sebab itu saya setuju dengan 16-Point yang diluluskan oleh muafakat terhadap menentang rasuah yang bermesyuarat pada 19hb. yang berbunyi:

"Kerajaan hendaklah menubuhkan sebuah jawatankuasa penilai peringkat tertinggi (review committee) yang bertanggungjawab mengkaji semula semua kes rasuah yang telah disiasat oleh BPR dan diserahkan kepada Pejabat Peguam Negara, tetapi kes berkenaan tidak dibawa ke mahkamah".

Adakah orang yang berdiri untuk mempertikaikan point-point yang saya kemukakan bersetuju bahawa perlu satu check dan balance, tetapi kita perlu jawapan yang jelas kenapa kuasa Ketua Pengarah ACA sebagai DPP dikeluarkan sungguhpun sekarang kita tahu ada residen DPP ditempatkan di ACA supaya boleh melicinkan segala perjalanan keputusan-keputusan yang dibuat, tetapi kenapa kuasa itu dikeluarkan?

Kedua, di bawah Bahagian V (Part V), semua kuasa yang ada dan perlu dapat kelulusan, kebenaran Public Prosecutor sama ada mengenai seizure search bank account, telecommunication tap dan semua ini apabila Director General ACA pun seorang DPP, beliau ada kuasa untuk buat keputusan sungguhpun saya tahu in actual practise tidak berlaku. Tetapi Tan Sri Harun Hashim berkata, dalam masa beliau memegang jawatan sebagai Ketua Pengarah ACA, beliau ada kuasa buat begitu dan dia ada menjalankan kuasa itu.

Kita ada dua pilihan kalau kita mahu mengeluarkan kedudukan DG ACA sebagai DPP, semua keputusan mengenai prosecution dalam tangan AG sebagai Public Prosecutor, sekurang-kurangnya kita patut memberi segala kuasa mengenai operation sama ada mahu check bank account, save deposit, tap telecommunication patutlah diputuskan oleh Director-General dan

bukan Attorney-General. Attorney-General sebagai Public Prosecutor buat keputusan mengenai sama ada selepas semua penyiasatan kes oleh ACA sama ada cukup bukti atau tidak cukup bukti, tetapi apa yang mustahak ialah operational independent BPR perlu dijaga di mana semua keputusan, selain daripada prosecution dalam tangan ACA.

Sebenarnya saya pun tidak bersetuju dengan kuasa Public Prosecutor yang diberi dalam Bahagian V (Part V) sungguhpun mereka ada dalam undang-undang yang sedia ada. Kita perlu dalam masa kita mahu membanteras rasuah, kita mahu mereka yang korup dibawa keadilan, kita pun perlu menjaga hak-hak asasi setiap orang. Oleh kerana perlu check dan balance, apa yang lebih elok ialah semua kuasa di bawah Part V ialah mengenai Provisions Relating to Public Prosecutor:

- investigation of share, purchase account;
- obtain information;
- seizure of movable property;
- seizure of immovable property;
- forfeiture of property upon prosecution for an offence;
- dealing with property;
- power to intercept communications;
- surrender of travel documents.

Semua patut dibuat dapat kebenaran daripada seorang Majistret sungguhpun kuasa untuk putus sama ada mahu meminta kuasa ini patut dibuat oleh Ketua Pengarah ACA dan bukan Public Prosecutor atau Attorney-General. Ini mustahak khasnya oleh kerana supaya operational independent ACA diberi. Sebenarnya apa yang patut kita ada ialah satu peruntukan di mana ACA sebenar-benarnya bebas, di mana bukan sahaja ACA tidak servian kepada Peguam Negara, tetapi juga tidak subservian kepada eksekutif, tetapi tanggungjawab terus kepada Parlimen sahaja. Ini sebenarnya adalah satu tuntutan yang dibuat oleh semua pihak bertahun-tahun supaya kita ada satu ACA yang sebenar-benarnya bebas.

Sungguhpun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata tadi bahawa kita perlu tambahkan penalti seperti kesalahan-kesalahan di antara 6 bulan kepada 20 tahun. Kita perlu tunggu masa untuk lihat sama ada ini akan lebih berkesan untuk menangkap ikan yu dan jerung, oleh kerana sebenarnya kuasa yang sedia ada dalam undang-undang antirasuah sekarang pun sangat besar, tetapi

nampaknya masalah bukan tidak cukup peruntukan. Tentu kalau kita boleh menambahkan penalti, memperkukuhkan peruntukan lebih baik, tetapi akta-akta anti rasuah sekarang bukan tidak beri kuasa yang cukup supaya kempen banteras rasuah lebih berkesan tetapi masalahnya ialah political will untuk membolehkan ACA ambil tindakan terhadap mereka yang bersalah dan keputusan di peringkat Peguam Negara untuk buat keputusan sama ada untuk mendakwa atau tidak mendakwa.

Tadi saya ada menanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai peruntukan Seksyen 20. Sungguhpun beliau ada memberi jawapan, saya rasa kepada orang ramai pun tidak boleh diterima. Bukan kita mahu memihak mereka yang buat fitnah. Tentu pembuat fitnah, tindakan perlu diambil. Tetapi oleh kerana peruntukan yang cukup, Penal Code 182, dengan izin, *"provide for a maximum of six month jail, RM2,000 fine or both for any false information which intend to cause a public servant to use his lawful power to the injury of another person."* Penal Code 203, *"whoever knowing or having reason to believe than an offence has been committed give any information respecting the offence which he knows or believe to be false is liable to a maximum penalty of two years jail, fine or both."* Seksyen 211, Penal Code, *"provide for a maximum of seven years jail, fine or both for whoever falsely charges any person with having committed an offence, punishable with death, imprisonment for life or imprisonment for seven years or both."*

Tadi saya ada tanya, kalau setiap tahun BPR ada menerima 8,000 kes report, 30 tahun mungkin lebih 200,000 kes report. Berapa kes false report ada dibawa ke mahkamah, berapa orang pernah didakwa oleh kerana buat false report mengenai rasuah. Saya tidak boleh ingat tetapi saya terbaca, ada kes. Sampai sekarang 30 tahun sungguhpun ada lebih 200,000 kes tidak pernah didakwa di mana seksyen di bawah Penal Code mengenai false report, false information digunakan terhadap mereka yang membuat laporan yang palsu, kenapa kita perlu peruntukan ini? Apa-apa jaminan ada dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa bukan untuk takut-takutkan orang ramai, saya percaya tidak berkesan. Sekarang orang ramai impression mereka yang pertama ialah Seksyen 20, bukan Seksyen 33, bukan mengenai denda-denda yang ditambahkan, mengenai penjara kepada 20 tahun atau denda kepada RM100,000. Tetapi apa yang mereka cakap di luar di kalangan orang ramai ialah jangan buat apa-apa laporan, khasnya bukan semua orang ada bukti yang jelas. Sungguhpun mereka ada....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Machang bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti sendiri boleh berucap ya. Oleh kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri ada kata, "korupsi ialah antara giver and taker." Tidak ada transparansi, bukan senang untuk dapat maklumat. Kalau kita mahu satu iklim menentang rasuah, menggalakkan orang ramai keluar memberi maklumat, Seksyen 20 tentulah akan memamatkan tujuan itu. Saya tidak tahulah kenapa kita perlu Seksyen 20 apabila di Hong Kong, dengan satu tahun penjara sudah cukup untuk menangani masalah ini, mengapa kita perlu 10 tahun? Saya cadangkan kalau Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang bertanggungjawab mengenai Cabinet Committee on Government Mismanagement and Corruption rela untuk mengadakan satu opinion poll tanya orang ramai apakah impression mereka, pertama kepada Anti Corruption Bill ini, sama ada mereka rasa baik oleh kerana tambah hukuman mengenai mereka yang korup atau mereka takut oleh kerana Seksyen 20 lebih baik jangan lagi buat apa-apa laporan. Ini lebih selamat oleh kerana inilah tentu satu akibat yang tidak akan membawakan satu suasana yang boleh memudahkan kempen membanteras rasuah.

Di sini saya perlu mengulangi bahawa kita tidak boleh menerima penjelasan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai tidak rela mengadakan satu peruntukan yang lebih jelas bahawa sesiapa yang ada, dengan izin, unexplain wealth atau boleh maintain life style yang tidak boleh diterangkan oleh kerana tidak selaras dengan emolumen mereka menjadi satu kesalahan, kalau diadakan tentulah akan memberi rang undang-undang ini, dengan izin, tip untuk membanteras rasuah. Saya harap bahawa dengan beberapa pindaan dan saya sudah memberi notis, termasuk pindaan untuk memberikan kebebasan kepada ACA, pindaan untuk memperuntukkan kesalahan tambahan selain daripada Seksyen 33, di mana sebahagian Fasal 10, Prevention of Bribery Ordinance boleh dapat pertimbangan Dewan yang mulia ini dan bahawa perkara ini tidak dikaji dari segi parti, pihak di sini tidak kaji atau memberi fakta-fakta parti politik dalam perkara ini, oleh kerana apa yang mustahak ialah sama ada kita sekarang dengan rang undang-undang ini boleh mengadakan satu asas yang baru untuk negara kita menjadikan

sebuah negara yang bersih di mana kita boleh tunjuk kepada dunia bahawa satu kerajaan, satu society, satu masyarakat yang incorrupt. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Machang.

6.23 ptg.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997. Sepertimana yang telah diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa membentangkan rang undang-undang ini di awal tadi bahawa sebelum daripada Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 yang dibentangkan hari Khamis lepas dan dibahaskan pada hari ini, terdapat 3 undang-undang yang berasingan, iaitu Akta Mencegah Rasuah 1960 atau 1961, Akta Badan Pencegah Rasuah dan Emergency Ordinance 22. Selain daripada itu, terdapat juga peruntukan-peruntukan yang letaknya berselerak di bawah peruntukan undang-undang yang ada, termasuklah Akta Kastam 1967, Penal Code atau Kanun Keseksaan.

Tujuan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 ini ialah untuk menggabungkan kesemua akta-akta yang sedia wujud sekarang yang bertujuan untuk menangani rasuah dalam suatu rang undang-undang yang bernama Akta Rasuah 1997. Di samping itu juga, atas kesedaran pihak kerajaan bahawa rasuah adalah najis yang cukup merbahaya, rasuah adalah sesuatu yang jijik dan mengambil kira pandangan semua masyarakat dalam negara kita Malaysia, termasuk pandangan daripada pihak pembangkang. Maka pihak kerajaan mengambil suatu sikap tegas dan berani untuk memperkenalkan suatu rang undang-undang yang cukup keras pada saya. Saya tidak pernah bertemu dengan suatu rang undang-undang dalam tempoh saya menjadi Ahli Parlimen masuk Penggal yang Kedua, sekeras undang-undang yang ada di hadapan kita ini.

Sebagai contohnya, Tuan Yang di-Pertua, keberanian kerajaan ini ditunjukkan di dalam seksyen-seksyen yang akan saya sebutkan selepas daripada ini. Di setengah-setengah negara, apabila perdana menteri atau timbalan perdana menteri atau pemimpin kerajaan termasuk menteri-menteri kabinet berhasrat untuk membanteras rasuah, perdana menteri akan hilang jawatan, timbalan perdana menteri akan hilang jawatan dan

kemungkinan kabinet perlu meletakkan jawatan. Tetapi insya-Allah, dalam negara kita ini tidak akan berlaku, kerana kita daripada penyekong-penyokong kerajaan. Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional memberi sokongan bulat dan padu tentang hasrat oleh kerajaan untuk membanteras rasuah. Yang menjadi hairan kepada kita ialah sikap parti-parti pembangkang.

Di dalam sidang Parlimen yang lepas kita pernah mendengar ucapan-ucapan daripada ahli-ahli Parlimen pembangkang yang mengatakan bahawa Akta Pencegah Rasuah yang ada tidak cukup untuk membanteras rasuah. Kuasa BPR tidak cukup untuk menangani masalah rasuah. Hukuman yang dikenakan terlalu rendah. Sekarang kerajaan mengambil sikap memperbaiki itu semua, sepatutnya sudah tidak ada lagi suara-suara sumbang daripada pihak pembangkang. Satu parti pembangkang mempertikaikan beberapa peruntukan yang terdapat di dalam peruntukan ini. Manakala satu parti pembangkang yang lain, PAS misalnya sehingga hari ini senyap sunyi tidak pernah menyatakan pendirian mereka, sampai hari ini kita tidak pernah dengar. Parti yang kononnya memperjuangkan Islam, dan kita tahu Islam menentang rasuah, mengapa Parti PAS hingga sekarang tidak berani menyatakan pendirian mereka?

Seorang Ahli: Belum sempat baca lagi.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya masih ingat, Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1990 kerana mereka tahu bila mereka menyatakan suatu pendirian, ianya akan menjerat mereka sendiri. Dalam tahun 1990 Kerajaan PAS di Kelantan menjanjikan kepada rakyat, 'kalau kita berkuasa di Kelantan kita akan wujudkan 'Jawatankuasa Hisbah' hendak menentang penyelewengan.' Itu janji dalam manifesto tahun 1990. Tetapi sampai sekarang 7 tahun memerintah, 'Hisbah' tidak tahu di mana, Tuan Yang di-Pertua. Ini orang yang memperjuangkan Islam? Kalaulah Kerajaan Kelantan bersikap tegas untuk membanteras rasuah, saya cabar Kerajaan Kelantan sekarang buat 'Jawatankuasa Hisbah'. [Tepuk] Janji sahaja tidak guna. Tengok kerajaan, walaupun kerajaan tahu bahawa dengan memperkenalkan rang undang-undang baru ini, kerajaan akan menjadi tidak popular, kerajaan akan menjadi bahan cemuhan daripada pihak-pihak tertentu. Tetapi sikap tegas yang ditunjukkan kerajaan ini patut dipuji.

Seperti yang saya katakan tadi, kalau di negara lain, undang-undang setegas ini diperkenalkan oleh

kerajaan, nyaris-nyaris perdana menteri tidak akan berada di situ lagi, Tuan Yang di-Pertua. Timbalan perdana menteri mungkin tidak berada di situ. Tetapi di negara kita, sikap penyokong-penyokong Barisan Nasional, kita menyokong sepenuh-penuhnya undang-undang yang dibentangkan ini. Seperti yang saya katakan tadi, sepatutnya kita tidak mendengar lagi ucapan daripada Yang Berhormat dari Tanjong menyatakan rasa tidak puas hati, kerana apa yang dilakukan oleh kerajaan sebenarnya ialah perjuangan Yang Berhormat dari Tanjong sendiri, saya tidak nampak mengapa ini dipersoalkan sekarang. Pertikaian mengenai Seksyen 20 yang kononnya akan melahirkan rasa kebimbangan orang ramai untuk membuat laporan kepada akhbar.

Saya hendak tegaskan, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita benar-benar ikhlas hendak membasmi rasuah, kalau kita benar-benar mempunyai fakta yang baik, mengapa kita perlu takut? Mengapa kita perlu takut untuk membuat laporan kepada BPR? Melainkan kita 'ada udang di sebalik batu'. Kita ada mempunyai motif tersendiri.

Tuan R. Karpal Singh: [Bangun dan keluar]

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Mengapa kita perlu takut? Apa yang kita hendak takutkan? Kalau misalan Yang Berhormat dari Tanjong membuat laporan kepada pihak BPR, fakta itu benar, fakta itu tepat, mengapa perlu takut? Tidak akan ada pertuduhan di bawah Seksyen 20, kalau dia benar. Dan orang yang mempunyai fakta yang benar dan tepat, tidak perlu takut kepada Seksyen 20, kerana ianya secara jelas tidak akan bertujuan untuk menghukum mereka yang membuat laporan secara benar. Sepertimana yang kita lihat, nampaknya laporan pencegahan rasuah dalam negara kita, terutamanya oleh Parti DAP yang dibuat selama ini ialah tujuannya untuk mencari publisiti murah.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Hari ini pagi bawa pergi kepada BPR, petang buat press statement, kenyataan dalam surat khabar. Laporan telah dibuat, macam mana kita hendak basmi rasuah?

Tuan Yang di-Pertua, orang yang bersalah bila laporan dalam akhbar keluar, tentulah dia bawa lari semua dokumen. Macam mana BPR hendak buat kerja, kalau pagi buat rasuah, petang buat kenyataan. Tentulah orang-orang yang melakukan kesalahan akan menyembunyikan semua dokumen

yang ada, dia tahu sebab DAP sudah buat laporan. Ini menyulitkan kerja-kerja BPR. Walaupun dia kata, dia memberi sokongan kepada akta ini, tetapi tindakan yang dibuat oleh DAP sebenarnya telah menjejaskan kerja-kerja yang dilakukan oleh BPR.

Merekalah sebenarnya yang menghalang penyiasatan BPR dan usaha kerajaan hendak membasmi rasuah dalam negara ini. DAPlah semua laporan yang dibuat dalam kenyataan akhbar. Sekarang ini kita hendak memberi ingat kepada mereka, Seksyen 20 (4) kalau dia membuat kenyataan akhbar yang akan menggugat kedudukan penyiasatan BPR dan kenyataan itu bercanggah dengan laporan yang dia buat, mereka ini juga akan dihukum.

Tuan Yang di-Pertua, kerana mereka ini telah melakukan tindakan menjejaskan penyiasatan BPR. Sebab itu, apa pun yang kita lakukan, apa pun yang kita buat, sama ada akta ini, akta-akta lain, ucapan kita di sini, ucapan di luar yang nyatanya ialah keikhlasan kita. Tidak guna kita menyatakan, kita hendak membasmi rasuah, tetapi hakikatnya apa yang kita lakukan ialah membantut usaha penyiasatan yang dibuat oleh pihak Badan Pencegah Rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, tadi telah saya katakan, bahawa rang undang-undang ini ialah suatu rang undang-undang yang cukup keras. Suatu rang undang-undang yang tegas dan cukup keras, bukan sahaja dari segi kerasnya hukuman yang dikenakan, menaikkan hukuman berkali-kali ganda sehingga apabila saya melihat rang undang-undang ini tidak ada satu peruntukan yang hukumannya kurang daripada enam bulan penjara.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu hanya denda, tetapi sekarang menaikkan minimum enam bulan penjara. Dari segi hukumannya cukup keras dan dari segi peruntukan-peruntutannya cukup keras. Walaupun sebahagian besar peruntukan-peruntukan ini adalah merupakan peruntukan-peruntukan yang sedia ada di dalam tiga akta yang ada sebelum ini, tetapi beberapa peruntukan-peruntukan baru telah diperkenalkan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan baru ini sebenarnya ialah tidak memberi keuntungan kepada penjawat-penjawat awam dan pemimpin-pemimpin politik tetapi kerana kita ikhlas hendak membasmi rasuah, maka kita menyokong rang undang-undang ini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Oktober lepas seperti yang disebut oleh Ahli

Yang Berhormat dari Tanjong tadi menangis, kerana mereka tahu bahawa gejala rasuah ini jika tidak ditentang, jika tidak disekat, ianya akan menghancurkan negara ini. Cukup bahaya dan sebelum ini pun inilah yang saya perjuangkan. Semasa saya berada dalam pembangkang dahulu, inilah yang saya perjuangkan dan saya syukur kerana sekarang apa yang saya curahkan selama ini telah dilakukan oleh kerajaan. Tidak ada sebab mengapa saya perlu menentang akta ini kerana ini adalah sebahagian daripada perjuangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rujuk kembali kepada kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita tidak boleh melihat kenyataan ini sebagai suatu kenyataan yang dibuat semata-mata untuk melepaskan batuk di tangga. Kenyataan-kenyataan ini lahir daripada hasrat yang suci murni untuk membasmi rasuah dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, perkenalan peruntukan-peruntukan baru dalam akta ini yang begitu keras seperti contoh yang saya hendak sebutkan ialah Seksyen 33 (3).

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 33 (3) ialah satu seksyen baru yang tidak pernah wujud sebelum daripada ini tetapi kerajaan menerima dan membentang menjadikan suatu peruntukan. Seksyen 33 ini bertujuan ialah untuk menghukum sesiapa sahaja yang memiliki harta berlebihan dan tidak sesuai dengan pendapatan dan beliau juga tidak berjaya memperjelaskan bagaimana harta itu diperolehi, maka dia, shall be guilty of an offence, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, dia melakukan kesalahan, cuba bayangkan kerasnya undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua. Kalau mengikut secara peribadi selaku seorang peguam, saya tidak boleh terima ini, seksyen ini telah melepaskan, memindahkan beban bukti daripada pendakwa kepada pihak tertuduh. Apabila sahaja dia gagal memperjelaskan lebih harta tersebut, maka dia telah melakukan kesalahan. Maknanya beban bukti terletak di atas tertuduh untuk membuktikan bahawa harta itu diperolehi secara sah tetapi awal-awal lagi undang-undang menganggap ianya telah melakukan kesalahan. Seksyen seperti ini pun dipertikaikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

Saya tidak nampak, kalau Ahli Yang Berhormat bercakap secara ikhlas, ini ialah, dengan izin, a total departure from cardinal principal of law, dalam negara kita. Suatu peruntukan baru yang lari daripada prinsip asas undang-undang jenayah yang ada dalam negara kita. Inilah menunjukkan tegasnya

kerajaan, tetapi ini pun dipertikaikan oleh pihak pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan lain yang dapat di dalam akta ini adalah menunjukkan dengan jelas bahawa sikap kerajaan ialah untuk membasmi rasuah dalam negara ini. Selain daripada itu, sebagai Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional, saya ingin melahirkan observation saya tentang beberapa peruntukan yang terdapat di dalam akta ini yang jika kerajaan memikirkan ianya sesuai dan patut untuk dipinda, jangan segan, jangan malu, kita pinda, sebab pemerhatian setiap satu peruntukan yang saya akan bacakan satu persatu selepas daripada ini, pada saya adalah merupakan satu peruntukan yang jika kita biarkan dalam rang undang-undang ini ianya akan menjadikan ketidakadilan kepada beberapa pihak tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, ialah berhubung dengan Seksyen 2 - Tafsiran. Seksyen 2 di antara lain pada muka surat 9 telah mentakrifkan perkataan 'saudara'. Saya bersetuju bahawa takrif ini adalah suatu takrif baru yang tidak pernah wujud di dalam akta sebelum daripada ini. Di dalam Akta Pencegahan Rasuah yang sedia ada, perkataan 'saudara' tidak ditakrifkan, maka mahkamah telah mengambil sikap mentafsir seluas-luasnya.

Seseorang yang mempunyai kedudukan sebagai anggota Exco misalnya memberikan suatu kawasan balak kepada 13 pupu dia pun di bawah akta asal, dia boleh disabit salah kerana di bawah akta asal tidak ada makna 'saudara', luas sekali, maka mahkamah mengambil sikap dalam suatu kes 'saudara' maknanya ini dalam satu kes lain 'saudara' maknanya itu. Seksyen baru 2 ini mengambil sikap untuk memperjelaskan peruntukan yang kosong di bawah akta asal dengan mentakrifkan perkataan 'saudara'.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi malangnya, ialah takrif (d) itu terlalu umum, dengan izin, saya membaca:

"Saudara berhubungan dengan seseorang, ertinya:

- (a) isteri atau suami orang itu;
- (b)
- (c)
- (d) mana-mana ibu bapa dan nenek moyang atau keturunan sezuriat orang itu."

Kalau kita tafsirkan peruntukan ini secara teliti, ianya memberikan suatu tafsiran yang luas. Sezuriat orang itu maknanya keturunan darah orang itu dan

dalam Islam, 30 pupu boleh jadi keturunan darah. 12 pupu, nenek moyang, grandfather, grandmother semuanya adalah keturunan darah orang itu dan jika (d) ini dikekalkan, ini bermakna ia kembali seperti asal, sepatutnya (d) ini mesti di 'limit' kan, dihadkan misalnya kepada datuk atau nenek. Jangan kita memperuntukkan suatu peruntukan yang luas, mana-mana ibu bapa dan nenek moyang atau keturunan sezuriat orang itu. Sezuriat orang itu maknanya keturunan darah orang itu. Keturunan darah saya ialah bapa saya, tok saya, tok saudara saya, dia boleh naik sampai ke atas.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Islam, keturunan saudara boleh jadi nenek saya, boleh jadi 13 pupu saya dan jika itulah ditafsirkan bermakna kita kembali kepada peruntukan asal. Maknanya masih kabur. Sepatutnya tindakan mesti diambil untuk mentafsirkan makna sezuriat orang itu dalam konteks yang lebih sempit, ke mana kita hendak, kata kita hendak setakat nenek atau kita hendak setakat moyang atau setakat mana, mesti ditakrifkan dengan jelas.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, di bawah perkataan 'saudara' ini tidak termasuk 'anak angkat'.

- (a) isteri atau suami orang itu;
- (b) adik atau abang atau kakak orang itu;
- (c) adik atau abang atau kakak isteri atau suami orang itu; atau
- (d) mana-mana ibu bapa dan nenek moyang atau keturunan sezuriat orang itu;

Tidak termasuk anak angkat dan menantu. Jadi, maknanya kalau saya memegang jawatan seorang anggota Exco, saya memberikan hadiah kepada menantu saya, menawarkan satu kontrak kepada menantu saya ataupun anak saya, maka saya lepas.

Tuan Yang di-Pertua, maka saya lepas - anak angkat. [Ketawa] Saya tak kena fasal menantu atau anak angkat saya bukan saudara saya. Bukan susah untuk mentafsirkan makna 'anak angkat' kerana kita ada Adoption Ordinance yang mentakrifkan dengan jelas siapa anak angkat. Dan dalam Islam pula, kita ada hukum anak angkat.

Di dalam undang-undang Islam yang ditadbirkan oleh negeri-negeri, maka kalau kita hendak masukkan anak angkat, kita boleh masukkan satu peruntukan, misalnya (e) iaitu legally adopted children, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kita masukkan peruntukan ini. Maka ianya akan mencakupi anak angkat.

Tanpa memasukkan dua peruntukan ini, saya rasa definisi mengenai saudara ini akan kembali kepada definisi asal iaitu mahkamah selepas ini akan mentafsirkan dalam bentuk yang pelbagai. Kalau ianya seorang isteri, saya suami beri kepada isteri saya - salah. Kalau dia adalah seorang isteri, dia beri kepada suami dia - salah. Kalau dia seorang abang, dia beri kepada adik dia - salah. Tetapi kalau dia seorang bapa, dia beri kepada anak angkat - tidak salah.

Jadi, ini akan menjadikan suatu peruntukan itu samar-samar kembali, maknanya hasrat pihak kerajaan hendak menjadikan peruntukan ini suatu peruntukan baru supaya mentafsirkan makna 'saudara' itu dengan jelas, sudah tidak tercapai lagi.

Tuan Yang di-Pertua, itu observation saya yang pertama.

Yang kedua, ialah Seksyen 14 tetapi saya syukur kerana Seksyen 14 mengikut notis yang diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen Seksyen 14 deleted.

Seksyen 14 ini pada saya ialah redundant, tetapi sekarang tidak berbangkit lagi kerana Seksyen 14 sudah dibatalkan kerana saya kata ianya tidak berbangkit, kerana di bawah Seksyen 2 makna 'penjawat awam' ataupun 'pegawai badan awam'. Pegawai badan awam itu sudah termasuk Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri. Jadi, mengapa lagi kita perlu ada suatu peruntukan yang khusus untuk Ahli-ahli Parlimen melainkan akta ini target sasarannya ialah Ahli-ahli Parlimen. Saya rasa itu bukan sasaran akta ini dan kalau sasarannya Ahli Parlimen pun saya rasa kita tidak ada masalah, tetapi oleh kerana makna 'pegawai badan awam' itu sudah dimasukkan di bawah Seksyen 2 yang meliputi Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri bermakna kesalahan-kesalahan lain di bawah Seksyen 10, 11, 12, 15, 19 semuanya juga mencakupi Ahli-ahli Parlimen dengan kata lain, kita tidak terlepas.

Tetapi bila kita mengadakan peruntukan Seksyen 14 yang asal dengan menekan khusus kepada Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri, maknanya sasarannya kepada Ahli Parlimen dan jika kita kekalkan peruntukan ianya tidak akan membawa makna dan ini saya tidak perlu bincangkan secara panjang, kerana ianya telah diberi notis akan dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, observation ataupun pemerhatian saya yang ketiga, ialah, Seksyen 19. Seksyen 19 ini ialah bertujuan untuk menghukum bukan sahaja pemberi rasuah, penerima

rasuah tetapi sesiapa sahaja yang berurusan dengan pemberi atau penerima rasuah, tetapi malangnya. Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 19 ini menjadikan seksyen ini satu 'strict liability' iaitu suatu seksyen yang cukup keras. Seksyen ini boleh mengenakan hukuman yang disabit boleh didenda tidak lebih RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih tujuh tahun atau kedua-duanya sekali kepada sesiapa iaitu mana-mana orang sama ada di dalam atau di luar Malaysia sama ada secara langsung atau tidak langsung sama ada bagi pihak dirinya sendiri atau bagi pihak orang lain membuat atau menyebabkan dibuat apa-apa urusan berhubung dengan apa-apa harta dan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, maknanya, seksyen ini kalau saya seorang penerima rasuah, saya memberikan kepada Tan Sri wang hasil punca rasuah tadi untuk menyimpan, Tan Sri tidak mengetahui bahawa wang itu puncanya rasuah, maka Tan Sri boleh disabit salah.

Seorang pegawai bank yang tidak tahu wang pelanggannya adalah punca rasuah, menyimpan wang di bank tanpa mengetahui bahawa wang itu wang rasuah - pegawai bank boleh disabit salah. Seorang peguam yang menerima wang daripada pelanggannya tanpa mengetahui wang tersebut adalah punca rasuah, peguam tersebut boleh disabit salah di bawah Seksyen 19 tanpa memerlukan pembuktian 'knowledge', tanpa memerlukan pengetahuan. Jika itulah tafsirannya, maka saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, ianya akan menyebabkan berlakunya ketidakadilan kepada pihak-pihak yang tidak berdosa. Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya, cadangan saya, Seksyen 19 harus dipinda dengan memasukkan elemen pengetahuan (knowledge) iaitu sesiapa yang menyimpan atau berurusan dengan wang atau harta rasuah, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, having reason to believe that it is corrupt money, then it is guilty of an offence. Mesti ada unsur pengetahuan bahawa wang itu wang rasuah. Kalau pegang sahaja dengan tidak mengetahui bahawa wang itu wang rasuah, dia melakukan kesalahan, saya bimbang ianya akan menyebabkan berlaku kezaliman.

Sepatutnya, saya mencadangkan, supaya ditiru suatu peruntukan di bawah Seksyen 411 Penal Code, Tuan Yang di-Pertua, iaitu seksyen yang menyebabkan menyimpan 'retaining stolen property' - menyimpan harta curi, dengan mengetahui, it is a stolen property. A person who retained a stolen property, having reason to believe that it is stolen property, then it is guilty of an offence, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Sepatutnya seksyen ini juga memasukkan peruntukan sedemikian iaitu memasukkan peruntukan elemen mengenai 'knowledge' sebagai satu asas dalam peruntukan ini. Saya percaya bukan hasrat kerajaan untuk menghukum orang yang tidak tahu menahu wang itu puncanya rasuah. Seperti yang saya katakan dalam contoh-contoh yang saya sebutkan tadi, Seksyen 19 ini kalau kita kekalkan peruntukan ini, maka seseorang pegawai bank (banker) yang tidak tahu pelanggannya menyimpan wang rasuah, boleh disabit salah kerana berurusan dengan wang rasuah. Peguam yang menyimpan wang bagi pihak pelanggannya tanpa mengetahui ianya adalah wang rasuah boleh disabit salah. Orang ketiga yang tidak tahu menahu tentang rasuah, diminta oleh kawan menyimpan wang dengan tidak tahu wang itu rasuah, ia boleh disabit salah.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini bukan niat Seksyen 19. Seksyen 19 niatnya untuk menghukum pemberi, penerima dan orang yang berurusan dengan syarat dia tahu urusan itu urusan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bolehkah Yang Berhormat.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Kita boleh baca yang ini oleh sebab ia bersangkutan dengan Seksyen 10, 11, 13 itu, di situ ada seolah-olahnya orang yang menerima itu, dia juga bersubahat di mana kata dia tahu duit yang diterima itu adalah duit daripada rasuah....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tetapi dalam seksyen ini tidak ada, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, kita boleh baca.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Dalam seksyen ini tidak ada, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Memang dia tidak ada sebut.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya baca peruntukan seksyen.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya bersetuju kalau sekiranya disebut supaya nyata tetapi....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Yes, having reason to believe, itu yang saya hendak masukkan, satu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi bolehkah tidak kita baca di situ, kata dia bersangkutan dengan kesalahan-kesalahan di bawah Seksyen 10, 11 dan

lain-lain itu dan Seksyen 10, 11 itu ada menyatakan berkenaan rasuah?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Memang, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak pertikaikan bahawa seksyen itu bersabit dengan Seksyen 10, 11, 13, 14, 15 dan 16. Seksyen itu bersabit dengan rasuah, itu tidak dipertikaikan tetapi contoh yang saya sebutkan, kata, saya menerima rasuah, saya beri simpan kepada pihak ketiga, dia menyimpan wang rasuah itu, dia tidak tahu bahawa wang itu rasuah.

Tuan Yang di-Pertua: Yalah.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Di bawah seksyen ini, dia boleh disabit.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, itu saya setuju. Patutnya Seksyen 19 itu diperbaiki.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ya, diperbaiki dengan memasukkan 'having reason to believe' bahawa wang itu wang rasuah. Terima kasih.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, pemerhatian saya ialah kepada Seksyen 33 (3). Seksyen 33 ini Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya bacakan tadi, tujuan sebenarnya ialah untuk menghukum mana-mana orang yang didapati hidup mewah dan tidak sesuai dengan pendapatannya. Keseluruhan Seksyen 33 berkaitan dengan itu. Dia hidup mewah tetapi pendapatannya tidak cukup untuk dia menyara hidupnya - berlebihan. Maka, dia akan diminta untuk memberikan satu affidavit oleh pendakwaraya mengisytiharkan hartanya secara bersumpah dan jika didapati dia tidak berjaya menjelaskan bagaimana lebih harta itu diperolehi, maka undang-undang menganggap ianya guilty of an offence - salah.

Dengan kata lain, seksyen ini telah memindahkan beban membuktikan daripada pendakwa yang mana dalam prinsip undang-undang jenayah, dengan izin, bahawa beban membuktikan dalam kes-kes jenayah mesti diletak atas pendakwa tetapi seksyen ini meletakkan kepada tertuduh untuk menyangkal dan menangkas bahawa wang itu diperolehi secara sah. Oleh kerana tujuan seksyen ini sebenarnya ialah untuk mencari kesalahan berhubung dengan lebih wang, maka pandangan saya adalah lebih elok jika seksyen ini dipinda atau rewording iaitu apabila seseorang itu mendapati wangnya berlebihan dan tidak berjaya membuktikan lebih wang itu berpunca dari mana, maka the excess of money shall be presumed to be a corrupt money, then beban membuktikan berpindah kepada dia, bukan shall be

guilty terus, sedangkan dalam seksyen ini kata, gagal sahaja dia membuktikan kesalahan itu, he shall be guilty of an offence.

Sepatutnya apabila dia gagal membuktikan bahawa wang itu puncanya dari mana, maka presumption muncul bahawa lebih wang itu ialah lebih wang rasuah, maka dia bertanggungjawab mesti membuktikan tetapi seksyen ini terus menyatakan bahawa dia melakukan suatu kesalahan apabila sabit boleh dipenjara selama tempoh tidak kurang daripada 6 bulan dan tidak lebih daripada 20 tahun, Tuan Yang di-Pertua.

Inilah barangkali yang dimaksudkan reversal burden of proof seperti yang telah dipercakapkan oleh ramai orang tentang fakta ini kerana anggapan-anggapan lain yang terdapat dalam akta ini ialah anggapan yang sedia ada. Itu saya tidak berhasrat untuk membincangkan itu, Tuan Yang di-Pertua, kerana anggapan di bawah seksyen-seksyen lain sebenarnya adalah anggapan yang sedia wujud di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1961, cuma dimasukkan semula di sini tetapi, Seksyen 33 ialah suatu anggapan baru.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah saya katakan tadi, saya memuji sikap kerajaan kerana berani memperkenalkan Seksyen 33 ini. Seksyen 33 ini apabila ada sahaja satu laporan, seorang anggota Parlimen, misalannya, dia didapati hidup mewah, rumah di Kuala Lumpur satu, rumah di Kuantan satu, di Johor Bahru satu, di England satu, di Machang satu, [Ketawa] maka, pendakwa raya boleh menyerahkan satu notis kepada dia - isytihar harta dan kalau dia gagal memberi jawapan bagaimana wang itu diperolehi, dia melakukan kesalahan dan oleh kerana makna penjawat awam telah dilanjutkan kepada Ahli Parlimen, kita semua ini tidak terkecuali. Inilah sikap telus Kerajaan Barisan Nasional, Tuan Yang di-Pertua. Bukan sahaja menteri-menteri Kabinet, bukan sahaja timbalan-timbalan menteri, bukan sahaja setiausaha-setiausaha Parlimen, bukan sahaja pegawai penjawat awam dalam kerajaan tetapi kita semua termasuk Ahli-ahli Parlimen pun boleh diminta untuk mengisytiharkan harta di bawah Seksyen 33.

Tuan Yang di-Pertua, yang membimbangkan kita ialah sikap DAP - sikap parti pembangkang. Sebab itu saya rasa Seksyen 20 ini cukup perlu, bukan tujuan untuk menindas DAP atau mana-mana orang yang membuat laporan polis, oleh kerana sesiapa sahaja di bawah undang-undang kita dan di bawah rang undang-undang yang ada ini boleh membuat laporan polis terhadap mana-mana orang

- Yang Berhormat Tumpat boleh membuat laporan kepada saya, saya pakai kereta Mercedes, rumah besar - buat laporan BPR, boleh saya isytihar harta. Sesiapa sahaja boleh buat, sebab itulah peruntukan Seksyen 20 itu tadi perlu, Tuan Yang di-Pertua. Sebab semua orang tidak terkecuali sekarang, kita bimbang ianya akan disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu. Dia dengki tengok Yang Berhormat Pengerusi Back-bench, misalannya, Parit Sulong pakai kereta besar, rumah besar, mana harta, dia buat polis report, DPP kena minta dia isytihar.

Seorang Ahli: Isteri besar. [Ketawa]

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Dia boleh minta sebab itu saya katakan bahawa kalau kita berniat ikhlas, jujur, mempunyai fakta yang bernas, tepat - ayuh! buat laporan, tidak perlu kita takut di bawah Seksyen 20 tetapi kalau niat kita ialah untuk menjatuhkan mana-mana pihak, ini tidak boleh dipertahankan oleh undang-undang sebab sesuatu undang-undang mesti balance. Di samping kita hendak mempertahankan dari segi moral dan perundangannya bahawa rasuah adalah jijik, rasuah mesti dibanteras pada masa yang sama kita mesti mempertahankan prinsip keadilan, Tuan Yang di-Pertua. Adil kepada orang yang dituduh, kita bimbang kerana sekarang trend dalam negara kita, Tuan Yang di-Pertua, pada saat kita dituduh di mahkamah, you sudah bersalah. Ini yang berlaku, saya minta maaf, bukan saya hendak menyelar pihak akhbar tetapi apa yang berlaku dalam negara kita, laporan-laporan yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu, kalau dia seorang ahli politik, pada saat dia disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah, masa depan dia hancur. Belum tentu lagi mahkamah kata dia bersalah, persepsi yang ditunjukkan oleh masyarakat bahawa the moment BPR masuk dia sudah guilty. Dia sudah bersalah. Orang ramai akan bercakap.

Lihat dalam kes, minta maaf, bukan saya hendak mengungkit kes ini kembali. Ketua Menteri Melaka, dia dicaj di mahkamah, caj ditarik balik tetapi orang ramai telah menghukum he is guilty. Tan Sri Muhamad Taib belum lagi dibicarakan tetapi masyarakat menganggap he is guilty already - dia sudah pun bersalah. Hukuman dijatuhkan sebelum daripada mahkamah menjatuhkan legal order atau perintah secara sah di sisi undang-undang. Jadi, jika trend ini berterusan, saya bimbang bahawa peruntukan Seksyen 33 ini kita minta jaminan daripada kerajaan bahawa mesti bersikap adil dalam soal hendak mempertahankan soal moral dan kuatkuasa undang-undang dan adil kepada pihak yang kena lapor. Mesti balance sebab kalau kita

hendak mengharapkan keadilan daripada pihak lain dalam negara kita susah kita hendak dapat. Sepertimana yang saya katakan tadi, belum siasat lagi sudah keluar kenyataan 'Empat ahli Exco Selangor disiasat'. Tanya BPR, BPR kata dia tidak kata. Surat khabar sudah buat laporan, maka bersebarlah berita di bawah si A sudah kena siasat, si B sudah kena siasat. Hancur masa depan, Tuan Yang di-Pertua, disebabkan orang politik, ikhlas saya katakan, orang politik terdedah kepada ancaman-ancaman seperti ini. Kita hendak tegaskan, kita bukan hendak mempertahankan rasuah, Tuan Yang di-Pertua. Rasuah jijik, musuh nombor satu tetapi pada masa yang sama kita mesti bertindak untuk mempertahankan prinsip keadilan. Sebab itulah adalah lebih baik, oleh kerana kita memberi kuasa yang besar kepada BPR di dalam akta ini, kuasa Badan Pencegah Rasuah sekarang boleh buat intercept, Internet boleh intercept telephone communication, semua boleh dilakukan, yang dulu boleh masuk bank account tanpa tertakluk kepada Banking Act, sekarang ini di bawah akta ini, kuasanya luas dan kita minta kepada pihak kerajaan, kita beri tempoh percubaan akta ini berjalan satu atau dua tahun dan jika didapati berlaku sesuatu yang nampaknya menyebabkan ketidakadilan, kerajaan juga mesti berani membawa rang undang-undang ini ke Parlimen ini untuk dipinda semula.

Sepertimana kerajaan bersikap telus di dalam Akta Pengambilan Balik Tanah, pada masa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat dari Jasin, saya masih ingat lagi membentang Akta Pengambilan Balik Tanah dalam Dewan yang mulia ini, masa itu saya berada di sebelah kerusi sana, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta jaminan daripada Yang Berhormat dari Jasin - saya bimbang penyelewengan akan berlaku. Yang Berhormat dari Jasin kata "Tak apa, tak berlaku" Dua tahun, Tuan Yang di-Pertua, nyata penyelewengan berlaku tetapi kerajaan bersikap telus dan tegas.

Tuan Yunof Edward Maringking: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Tuan bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Sekejap saya habiskan ayat saya. Kerajaan bersikap telus, bertanggungjawab, berani, maka bawa rang undang-undang itu ke Parlimen dan dipinda semula.

Begitulah juga dengan akta ini. Saya tahu dan kita semua sedar bukan sahaja penambahan dari segi peruntukan RM3 juta lebih secara segera, penambahan kakitangan kepada 300 lebih, kalau

saya tidak silap tadi, 237 orang dengan 10 Timbalan Pendakwa Raya sekarang, yang saya difahamkan sekarang hanya ada 2 Timbalan Pendakwa Raya, sekarang 10 Timbalan Pendakwa Raya. Dengan kuasa-kuasa yang diberi yang tidak terdapat di bawah akta sebelum daripada ini, saya percaya jika ianya digunakan dengan baik, BPR akan menjadi satu agensi yang terbaik untuk membanteras rasuah dalam negara ini.

Kira berdoa pengambilan ahli-ahli baru 237 orang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya minta jaminan daripada Badan Pencegah Rasuah jangan kita pilih mengambil sebarang orang, kelulusan sahaja tidak cukup. Kelulusan seseorang itu lulus universiti belum tentu dia menjadi seorang pegawai pencegah rasuah yang baik kalau iman dia tidak tebal. Kriteria yang pertama, latar belakang orang itu mesti dikaji dahulu. Kita tidak mahu nanti dia jadi pegawai pencegah rasuah, orang lain kena pergi cegah dia pula. Kita tidak mahu ini berlaku. Latar belakang orang yang hendak dilantik sebagai sama ada pegawai penyiasat atau mana-mana pegawai di bawah pencegah rasuah mesti orang yang imannya kuat, tidak boleh diganggu-gugat, tidak boleh ditakluki oleh wang ringgit, tidak boleh dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Kalau perlu, kita mesti melakukan ujian sama ada orang ini telus atau tidak dengan rasuah.

Pengambilan ini, saya difahamkan pihak Badan Pencegah Rasuah mengambil tindakan yang tegas dalam soal pengambilan kakitangan baru sehingga ada ujian hendak menentukan orang ini berbohong atau tidak. Bagus, kerana kuasanya terlalu besar. Kalau orang yang kita beri kuasa yang besar ini imannya tidak kuat, kita bimbang penyalahgunaan kuasa.

Sebagai umat Islam, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan diri saya dan kita semua, kita bukan sahaja bertanggungjawab di atas muka bumi Allah ini tetapi kita bertanggungjawab di akhirat juga. Dalam melaksanakan tugas-tugas kita, jangan sekali-kali berniat dendam kepada orang. Menyiasat kes berdasarkan merit sesuatu kes itu. Jangan fikir nanti hendak tunggu orang ini, jaga. Dia ada melahirkan rasa tidak senang dengan aku, jaga, aku tunggu hendak tangkap dia. Jangan ada sikap-sikap seperti itu. Yang kita perlu ialah berdasarkan merit dan kebenaran sesuatu kes, kerana seperti yang saya katakan tadi, nilai-nilai murni, tanggungjawab moral ini kita sebagai orang Islam bukan sahaja kita bertanggungjawab melaksanakan undang-undang ini di dalam Parlimen dan dalam negara ini, tetapi sebagai seorang Islam, kita mesti bertanggungjawab kepada Allah subhanahu wata'ala.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal mencegah rasuah tentulah selama ini pihak Badan Pencegah Rasuah menghadapi banyak masalah, saya percaya, sebab itulah beberapa peruntukan baru ini diperkenalkan. Misalannya di bawah akta asal, saya mengadu kepada si A sebagai penerima rasuah. Bila saya kena pujuk, saya kena rayu, saya lari, tidak mahu pergi mahkamah, maka terlepaslah si A tadi, terlepas orang itu. Banyak kes yang dilepaskan kerana kesalahan teknikal.

Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya peguam, saya pun pernah membela kes-kes di mahkamah. Saya tahu atas alasan teknikal, seseorang itu lepas. Di bawah pindaan baru ini, jangan harap lagi hendak lepas. Kalau dalam kes yang saya sebutkan tadi, seseorang yang memberi laporan kepada seorang lain melakukan rasuah, tiba-tiba dia lari, maka Badan Pencegah Rasuah (pendakwa) boleh guna statement dia tender di mahkamah sebagai bukti ke atas penerimaan rasuah. Maka dia lari pergi ke Hong Kong, dia lari pergi ke London, England pun tidak ada masalah, statement dia itu boleh dipakai di mahkamah. Jadi, ini akan mengelakkan pelepasan kes oleh mahkamah atas alasan-alasan teknikal.

Sebab itu saya kata, Tuan Yang di-Pertua, daripada awal-awal lagi kita sedar bahawa peruntukan rang undang-undang ini keras dan tegas, cukup keras. Secara ikhlas saya katakan, sejak 7 tahun saya menjadi Ahli Parlimen, saya tidak pernah bertemu dengan akta seperti ini yang cukup keras dan kerajaan bersikap berani untuk memperkenalkan akta ini walaupun saya percaya Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri akan jadi tidak popular. Biarlah Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri-menteri Kabinet yang bertanggungjawab menyetujui akta ini menjadi tidak popular asalkan niat kita adalah ikhlas untuk membasmikan rasuah dalam negara ini. *[Tepuk]*

Kerajaan mungkin selepas daripada ini DAP akan eksplot. Saya sudah nampak sekarang seksyen 20 akan dieksplot oleh DAP habis-habisan, saya percaya selepas daripada ini, barangkali PAS pun akan ikut sekaki *[Ketawa]* terutamanya pilihan raya di Semarak yang sedang berlangsung sekarang. Dia tidak berani hendak menyatakan pendirian, kerana Timbalan Menteri Besar dia pada awal-awal lagi penamaan calon bermula, rasuah tanah kepada pengundi. Awal-awal lagi.....

Seorang Ahli: Ha, jawablah.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Belum penamaan calon, hari Khamis ini, pengundian 1 lhb.,

berceramah dengan saya, saya di sebelah sini, dia di sebelah sana. Saya tidak ada tawar rasuah, saya tidak ada kuasa, dia tawar tanah, tunjuk, 'ingat siapa pegang kuasa kerajaan negeri sekarang? Kerajaan negeri pegang kuasa tanah. Kalau hendak tanah, sokong PAS, 600 lebih, tengok ini, kita hendak beri tanah'. Ha, apa ini pejuang Islam.....

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tuan bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Beri, beri.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya dari Machang, saya setuju dengan pandangannya. Tetapi persoalan saya, adakah amalan rasuah itu hanya berpunca daripada menawarkan tanah ataupun menjanjikan geran tanah? Adakah amalan rasuah ini boleh juga berlaku dalam bentuk janji-janji pembangunan yang berbagai-bagai di dalam masa pilihan raya? Dan adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa gejala ini juga perlu dihapuskan? Terima kasih.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya katakan tadi rasuah dalam bentuk apa pun mesti dihapuskan. Apa yang saya tunjuk di Kelantan tadi ialah contoh yang jelas dan nyata. Saya tengok dalam TV begini *[sambil menggayakan tangan]* tawar geran tanah. Oh, pengaruh, Tuan Yang di-Pertua, lebih 600 pengundi itu kalau kita kalah pun barangkali boleh jadi kerana inilah, saya hendak beritahu awal-awal. Orang Kelantan hendak tanah. Tanah di kawasan Kulim itu baik untuk tanaman tembakau. Tuan Yang di-Pertua pun tahu negeri Kelantan. Hendak tunggu sekarang ini kita tengok orang UMNO sendiri pun sudah berpecah belah kita nampak. Ini tanah. Kalau di sini tidak ada apa, ini tanah, sudah berpecah belah. Kita sudah beri amaran, saya akan buat laporan polis kalau buat sekali lagi sebab ini juga pada saya amalan rasuah. Dahulu dia marah Kerajaan Barisan Nasional pada masa pilihan raya jangan pakai kereta kerajaan, sekarang Menteri Besar masuk kempen bawa kereta Mercedes 520, kereta kerajaan. Dahulu dia marah Barisan Nasional pakai kereta kerajaan semasa kempen pilihan raya, sekarang dia sendiri pakai pula, apa ini? Dia guna kereta kerajaan tidak apa, orang lain guna kereta tidak boleh. Ini sikap 'double standard', macamlah rakan dia daripada DAP minggu lepas. Di negeri-negeri lain dia minta ahli majlis

daerah supaya dipilih melalui pilihan raya. Rakan dia di Kelantan dok lantik beri kuasa mutlak dia, dia tidak pertikai. Ini sikap pembangkang yang saya kata double standard. Sepatutnya DAP pun minta di Kelantan supaya buat pilihan raya juga ahli-ahli majlis daerah. Sekarang ini yang tidak tahu membaca dan menulis pun dilantik ahli majlis daerah, ada juga. Tidak tahu menulis dan membaca pun ada.....

Seorang Ahli: Ada?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Oh, duduk, masuk daripada awal sampai akhir tidur sahaja kerja dia [*Ketawa*] sebab dia tidak tahu. Bila kita bercakap tentang Akta Kerajaan Tempatan, dia kata, apa dia kerajaan tempatan? Dia tidak tahu. Dia duduk daripada awal sampai akhir, tidur. Bila bunyi kontrak hendak award, baru cerah mata - ha! [*Ketawa*]

Macam juga perlantikan penghulu-penghulu, Tuan Yang di-Pertua. Awal-awal dahulu beritahu elok penghulu ini kita hendak lantik - ketua kampung kalau di sini. Kita hendak lantik daripada orang yang pandai baca khutbah, dia letak syarat. Penghulu/ketua kampung mesti orang yang pandai baca khutbah, tetapi bila perlantikan berlaku, saya check, kaki judi, 'pelaga aye' pun ada juga. [*Ketawa*] Saya tahu dan saya kenal. Letak syarat bukan main elok. Tuan Yang di-Pertua faham bila saya sebut 'pelaga aye'. Sebab itu kita jangan idealistik. Dahulu mula-mula naik dalam kerajaan Kelantan, semua Exco mesti pakai kereta buruk, kereta Mercedes 230E lama semasa Barisan Nasional tahun 1990. Menteri Besar berucap, 'tak apalah kita Exco, Menteri Besar pakai kereta buruk. Kalau enjin mati di tengah jalan, rakyat tolak'. Oh, sejuk hati saya, Tuan Yang di-Pertua, Allah, ber'juruh'nya Menteri Besar ini, [*Ketawa*] ha, tidak mahu membazirkan wang kerajaan. Baiklah maknanya, tinggi moral. Tidak sampai lima tahun, sekarang kereta tiga buah, satu kereta itu Mercedes 420 berharga RM585,000 sebuah. Wah, tujuh tahun sudah berubah. Tiga buah kereta sekarang sudah ada. Dahulu dok kata Yang Amat Berhormat Tan Sri Wan Mokhtar, Menteri Besar Terengganu pakai kereta besar, Menteri Besar Selangor pakai kereta besar, sekarang ini dia sendiri.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia bangun, Yang Berhormat. [*Ketawa*]

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Sila.

Seorang Ahli: Orang dia nak bela.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta Yang Berhormat dari Machang ini butirkan tiga buah kereta itu, cuba jelaskan sedikit dan saya minta wartawan supaya siar dalam akhbar besok supaya kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Machang ini.....

Seorang Ahli: Surat khabar *Harakah* ya!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:.....biar betul-betul Yang Berhormat bertanggungjawab. Cuba butirkan tuduhan Yang Berhormat dan saya harapkan kepada semua wartawan yang ada, pada besok hari siar dalam akhbar di muka depan.....

Seorang Ahli: Ugutkah?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:.....dan warta berita pada malam ini pun minta siar, terutama TV3.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Yang Berhormat tidak payah ugut sayalah. Saya pun tak hendak saman Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat yang berbohong, saya saman di Mahkamah Kota Bharu sekarang bicara pada 1 hb. ini, yang berbohong.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, itu bukan jawab soalan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Exco-exco sekarang, hendak nafi lagikah Exco tukar kereta sekarang di Kelantan?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sekarang sebut tiga buah kereta ini? Mana kereta, sebut satu persatu, butirkan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sabar.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Nombor-nombor kereta pun Yang Berhormat sendiri tahu.....

Tuan Yang di-Pertua: Tak apalah, Yang Berhormat hendak berkata.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Dia borak di sini.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Duduk dahulu. Yang saya nampak, Tuan Yang di-Pertua, pada minggu lepas pergi ceramah pakai kereta nombor DAB 80, Mercedes 420.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Malam itu dia ceramah saya dengar,

Tuan Yang di-Pertua, dia kata, tengok PAS memerintah, jalan raya.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tumpat, tidak boleh macam itu. Jika Yang Berhormat hendak berucap, boleh berucap, masa ini tak boleh.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Duduk dahulu. Apa rasional yang saya hendak cakap ini, Tuan Yang di-Pertua, apa yang orang buat yang baik, kita mesti terima baik. Jangan apa yang orang lain buat, semua tidak baik, yang kita buat sahaja baik. Dan apa yang kita lakukan pun kadang-kadang tidak baik, kita kena terima. Itu hakikat. Kalau kerajaan membentangkan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah yang begini baik sekarang ini, tidak ada sebab mengapa PAS mesti menentang. Nyatakan pendirian secara tegas menyokong 300% rang undang-undang ini. *[Tepuk]* Ini sehaluan dengan pendirian perjuangan Islam yang dinyatakan oleh PAS sekarang ini. Jangan ikut DAP. DAP perjuangan lain, dia pun kata bahawa dia tidak ada hubungan dengan PAS. Nyatakan pendirian, kerana saya percaya dalam prinsip Islam pun rasuah ini adalah suatu perbuatan yang keji dan tidak perlu dipertahankan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, bangun hendak minta penjelasan.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Pendirian PAS itu menyokong yang baik dan menentang yang tidak baik.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Hendak minta jalan, jangan cakap dahulu. Saya beri jalan, baru Yang Berhormat cakap. Ada disiplin sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, minta jalan dahulu, Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya bukan tidak hendak beri.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya minta jalan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:.....bangun, minta jalan, saya duduk, baru bercakap. *[Ketawa]* Biarlah ada peraturan sedikit. Ini bukan Kangaroo court, ini bukan Tumpat. Minta jalan dahulu, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Minta jalan, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Cakap betul-betul minta jalan dahulu.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Minta jalan, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ha, okay, saya beri. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Padan muka!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Daripada tadi lagi dia cabar PAS.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Kebetulan saya ada. Dia kata, 'mana pendirian PAS?'

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sekarang saya ingin menyatakan pendirian PAS. Yang pertama, pendirian PAS ialah menyokong yang baik dan mencegah yang mungkar, jelas, clear. Sudahlah tuduhan, berhentilah! Kalau saya soal, dia tidak boleh jawab, Tuan Yang di-Pertua. Berapa banyak soalan saya dia tidak boleh jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mengapalah.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Yang Berhormat, itu satu kenyataan. Tentang akta ini, setuju atau tidak akta ini, Akta - Undang-undang Pencegahan Rasuah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Bagus, takut hendak rujuk Tok Guru juga, takut cari political mileage juga.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa peruntukan-peruntukan lain seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat dari Tanjong mengenai kuasa pendakwa raya. Tadi semasa ucapannya dia mempertikaikan. Mengapa sekarang kuasa pendakwa raya ditarik daripada Ketua Pengarah BPR. Maknanya, kuasa pendakwa raya terletak pada Peguam Negara. Sepatutnya dia kata Ketua Pengarah BPR diberi kuasa pendakwa raya. Maknanya, dia boleh siasat, kemudian dia boleh decide buat keputusan caj orang di mahkamah. Saya telah nyatakan tadi semasa saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Tanjong. Dalam sistem negara kita ini, kita mesti ada satu check and balance. Sistem separation of power yang diamalkan dalam negara ini, demokrasi yang diamalkan masing-masing ada check and balance.

Polis yang diberi kuasa di bawah Penal Code, Akta Polis 1967, dia hanya menyiasat, buat rumusan penyiasatan, kuasa menuduh orang dirujuk kepada

pendakwa raya. Dia tidak ada kuasa untuk menuduh orang di mahkamah. Kastam siasat kes, membuat rumusan penyiasatan, angkat kertas kepada pendakwa raya untuk membuat keputusan. Pegawai Imigresen, pegawai Alam Sekitar, semua diberi kuasa penyiasatan, tetapi tidak kuasa untuk memutuskan mendakwa seseorang di mahkamah. Begitulah juga dengan Badan Pencegah Rasuah, oleh kerana kuasa yang yang kita berikan di bawah akta ini terlalu besar, kuasanya terlalu luas, maka adalah wajar bahawa BPR menyiasat, menerima laporan menyiasat rumusan memutuskan sama ada pertuduhan itu dibuat atau tidak, biarlah kuasa ini terletak di tangan pendakwa raya menentukan. Barulah tugas BPR itu ada check and balancenya oleh Peguam Negara.

Tadi, ditanya oleh Yang Berhormat dari Tanjong siapa check Peguam Negara? Kita tahu Peguam Negara dilantik di bawah Perlembagaan negara. Di bawah Perlembagaan negara kita ada peruntukan dengan jelas bagaimana cara perlantikan Peguam Negara. Dan Peguam Negara boleh dipecat di bawah peruntukan-peruntukan yang ada di bawah Perlembagaan negara. Dengan kata lain, perlembagaan itu sendirilah yang menjadi check and balance kepada kuasa Peguam Negara. Begitulah juga dengan sistem kehakiman dalam negara kita. Mahkamah Rayuan tidak puas hati boleh merayu kepada Mahkamah Tinggi. Mahkamah Tinggi tidak puas hati boleh rayu ke Mahkamah Rayuan sekarang ini. Ada tiga peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, sistem ini adalah suatu sistem yang baik. Saya bersetuju bahawa mengekalkan kuasa kepada Peguam Negara. Soal yang dibangkitkan oleh DAP setiap kali saya nampak, apa sahaja keputusan yang dibuat oleh Peguam Negara mesti beritahu DAP, itu dia hendak, Tuan Yang di-Pertua. Dia hendak caj Rahim Tamby Chik, kena beritahu DAP. Hendak tarik balik kena bertitahu DAP. Peguam Negara tidak hadir di Majlis Muafakat Membasmi Rasuah, dia tibai dalam Dewan ini, saya dengar, Tuan Yang di-Pertua, aniaya Peguam Negara. Dia bukan tidak tahu, semasa dia buat seminar itu, rang undang-undang ini belum dibentang lagi. Dia Peguam Negara, penjawat awam. Kalau dia pergi ke sana, terdedah cerita-cerita ini, dia boleh dituduh di bawah OSA, bukan DAP tidak tahu. Tetapi bila Peguam Negara tidak hadir, dia bantai, marah Peguam Negara, macam-macam dia marah.

Dia bukan tidak tahu penjawat-penjawat awam semua ini, sebelum ini menjadi public document, sebelum dibentang dalam Dewan ini. Dia

mendedahkan isi ini, dia boleh dituduh di bawah OSA, kalau dia hadir di PWTC di tempat yang dia buat. Mendedahkan cerita-cerita di dalam ini, belum dibentangkan dalam Dewan Rakyat, Peguam Negara pun bukan tidak ada legal immunity, boleh dituduh di bawah OSA. Tentulah Peguam Negara bukan bodoh hendak mendedahkan diri dia kepada pendakwaan di bawah OSA. Kalau dia pergi cerita peruntukan-peruntukan ini, dia cakap misalnya dalam seminar itu ada peruntukan ini, ini, ini, tiba-tiba orang buat laporan, Peguam Negara kena OSA.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tetapi bila Peguam Negara tidak pergi ke tempat seminar itu, dia marah Peguam Negara. Peguam Negara bukan bodoh. Ini pergi panggil orang Hong Kong semua ini buat apa. *[Ketawa]* apakah kita tidak mencukupi pakar lagi dalam negara ini? Peguam Negara tidak 'competence'kah untuk meluluskan rang undang-undang ini? Jabatan Peguam Negara selama ini pun sejak kita merdeka, Peguam Negaralah yang draf. Saya tidak setuju rujuk kepada Hong Kong itu-ini. Budaya mereka lain dengan budaya kita. Budaya kita budaya lain, mereka lain. Kalau kita hendak ikut 100% seperti yang dicadangkan oleh DAP misalnya, tentulah tidak sesuai. Sepertimana Penal Code yang kita ada sekarang, kita tiru satu persatu daripada India, sekarang pun kita terpaksa ubahkan. Dahulu tidak ada penderaan terhadap isteri, sekarang sudah berubah. Sebab itu undang-undang mesti disesuaikan dengan kehendak tempatan kita supaya ianya sesuai dengan budaya masyarakat Malaysia yang mempunyai budaya yang tersendiri.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi observation yang kita hendak buat ialah di bawah Seksyen 55. Seksyen 55 ini ialah seksyen yang memberi perlindungan kepada pegawai-pegawai BPR dalam tindakannya melakukan tugas-tugasnya. Saya fikir Seksyen 55 ini wajar. Kerana kalau kita tidak memberi perlindungan kepada mana-mana pegawai Badan Pencegah Rasuah untuk menjalankan tugasnya, kalau dia jalankan tugas itu boleh didakwa, boleh disaman di mahkamah, maka saya rasa tidak ada orang hendak jadi pegawai Badan Pencegah Rasuah. Tetapi bila ada peruntukan seperti ini, maknanya, selagi dia menjalankan tugasnya dalam bidang kuasanya yang diberikan oleh undang-undang, maka dia tidak boleh disaman dan didakwa. Tetapi saya percaya kalau dia menjalankan tugas lebih dari had bidang kuasa itu, misalnya sepertimana seorang pegawai polis, dia ada

peruntukan seperti ini, tetapi bila dia pukul orang dalam penyiasatan sampai pecah, orang itu mati misalnya, dia boleh didakwa juga di mahkamah, iaitu apabila dia bertindak melampaui bidang kuasa yang diberikan di bawah undang-undang.

Jadi, jangan bimbang Seksyen 55 yang kita berikan perlindungan kepada pegawai Badan Pencegah Rasuah supaya mereka mempunyai sifat independant dan berani dalam usaha untuk membasmi rasuah, dan kita jangan bimbang kalau berlaku penyalahgunaan, saya percaya peruntukan undang-undang yang ada dalam negara kita adalah cukup untuk menangani masalah ini.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, ada orang tanya, selepas BPR siasat, serah kepada Peguam Negara. Peguam Negara boleh check. Orang tanya balik, BPR pula siapa hendak check? Siapa hendak semak BPR kerana kuasa yang besar itu? Yang Berhormat dari Pokok Sena saya rasa akan membawa isu ini, biar saya tinggalkan kepada Yang Berhormat. BPR siapa hendak check? Jawabnya ialah undang-undang ini sendiri seperti yang saya katakan tadi. Sebab itu, sebelum mana-mana pegawai BPR dilantik, penambahan pegawai-pegawai 200 lebih sekarang ini, peruntukan lebih, kualiti seorang pegawai BPR itu mesti dikaji terlebih dahulu. Pentingkan kualiti. Tidak guna menambahkan ramai pegawai tetapi kualitinya tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, penambahan 237 orang ini, 10 orang timbalan BPR tidak cukup, saya percaya. Kalau 10 orang bermakna dalam negara ini ada 14 buah negeri, tidak cukup seorang pegawai DPP-BPR di tiap-tiap buah negeri. Tidak boleh BPR hendak letakkan seorang DPP di tiap-tiap buah negeri. Kita ada 14 buah negeri, BPR ada 10, semua duduk Kuala Lumpur. Dan 237 ini dibahagi dengan 14 buah negeri, barangkali 3 orang satu negeri, boleh hantar. Saya percaya ini masih tidak cukup lagi. Kekuatan menambah 237 ini pun saya percaya....

Tuan Yunus bin Rahmat: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:ianya tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua:hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Sila.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya yakin apa yang hendak disuarakan oleh Yang Berhormat dari Machang ialah

untuk memberikan ruang yang seluas-luasnya kepada masalah yang dihadapi oleh BPR selama ini. Saya bersetuju dengan apa Ahli Yang Berhormat nyatakan, oleh kerana kita ada 14 buah negeri, maka perjawatan itu hanya ditambah kepada 10. Dan kepada pegawai-pegawai penyiasat 200 lebih. Kalau dicampurkan dengan jawatan yang ada sekarang pun masih tidak mencukupi. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya setiap pegawai BPR ataupun Pejabat BPR diperluaskan sehingga ke daerah-daerah untuk kita benar-benar dapat mengimplimentasikan bahawa rasuah ini keji dan jijik.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih, Yang Berhormat dari Jelevu, memang saya setuju, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini dari segi strukturnya BPR di Kuala Lumpur, kemudian BPR di negeri. Di jajahan, di district tidak ada. Kalau kita benar-benar berikhlas berniat untuk membasmi rasuah, saya rasa dari segi perjawatan dan Pejabat BPR mesti dilanjutkan kepada peringkat daerah, sekurang-kurangnya menempatkan dua-tiga orang pegawai di peringkat daerah sepertimana penempatan majistret sekarang. Majistret dahulu hanya berada di ibu negeri. Kemudian majistret ini bergerak secara sedikit ke seluruh negeri. Sekarang ini sudah ada presiden majistret di tiap-tiap jajahan. Pegawai BPR pun kalau boleh diadakan seperti itu. Tetapi saya percaya dengan penambahan strength 237 ini tidak cukup, ini tidak dapat dilaksanakan.

Sebab itu, saya minta pihak kerajaan sekarang ini, langkah pertama tambah 237, kemudian tambah 10 DPP, peruntukan segera RM3 juta lebih. Kalau dua-tiga bulan lagi, lima-enam bulan lagi atau setahun lagi didapati peruntukan penambahan pegawai DPP dan peruntukan ini tidak cukup, kaji balik dan kalau perlu, tambah kepada mereka supaya kerja-kerja mereka dapat dijalankan dengan baik. Saya percaya penambahan 237 ini jauh lebih rendah keperluan sebenar BPR.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Machang. Saya menyokong benar saranan Machang, oleh itu saya minta penjelasan sedikit tentang perlunya BPR ini dikukuhkan dengan jumlah pegawai yang mencukupi. Saya hendak bertanya, adakah jumlah sahaja mencukupi. Sebab kita nampak bila bercakap

tentang masalah wang yang melibatkan rasuah, selalunya berupa wang, iaitu pegawai-pegawai ini perlu pakar dalam bentuk kewangan dalam finance. Oleh itu, saya minta selain daripada kuantiti, adakah penting kualiti juga, iaitu mesti ada akauntan yang bertauliah, peguam yang bertauliah. Yang membimbangkan mesti BPR mengkehendakkan pegawai yang kualitinya cukup untuk mengatasi penyiasatan. Tetapi kalau mereka ini terikat dengan peraturan biasa JPA, kita agak bimbang. Mungkin bila pegawainya kurang, mungkin jumlahnya cukup, tetapi bila kualitinya kurang mencukupi, bagaimana nanti keberkesanan BPR kalau tidak diletakkan dengan pegawai-pegawai yang tinggi. Saya minta pandangan Machang perlu diubah skem gaji, tidak mesti terikat kepada JPA. Kalau perlu bayar gaji yang tinggi, bayar, sebab mereka ini melaksanakan satu tugas yang penting bagi negara. Saya minta sedikit pandangan Machang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Rompin, penambahan kakitangan sahaja belum boleh menjadi suatu jaminan bahawa kerja-kerja BPR selepas ini licin, kualiti juga kita perlu. Kalau kita tambah 237 pegawai tetapi pegawai ini tidak terlatih, tidak cekap menjalankan penyiasatan, maka ianya tidak membawa apa-apa makna.

Dan sekarang ini sepertimana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyatakan semasa membentangkan rang undang-undang ini, orang melakukan kesalahan jenayah dengan sistem moden, cara moden yang kadang-kadang tak terfikir. Jadi, tentulah BPR juga memerlukan pakar-pakar yang mahir dari segi permainan saham misalannya. Saya percaya banyak kesalahan-kesalahan yang dilakukan yang melibatkan jenayah perdagangan, rasuah perdagangan, ini juga perlu ditekankan yang akan saya sentuh mengenai rasuah di sektor swasta selepas daripada ini.

Tuan Yang di-Pertua, mesti ada kualiti dan kualiti yang terbaik yang saya nyatakan di awal tadi ialah iman, itulah kualiti yang paling penting. Kalaulah BPR hendak mencegah, hendak membasmi rasuah ini secara berkesan, kualiti pegawai termasuk iman pegawai itu mesti ada.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Machang. Tadi beliau ada menyatakan bahawa BPR dalam

pengambilan pegawai-pegawai baru ada mempunyai satu alat supaya dapat mengetahui seseorang itu berbohong atau tidak. Saya ingin tahu ada atau tidak alat supaya boleh mengetahui bahawa pegawai baru itu tidak terdiri daripada orang-orang dari pembangkang yang suka memfitnah, suka membuat laporan palsu. Jadi, kita tahu parti pembangkang ini memang sukalah, dalam pengalaman kita memang bila hendak membuat laporan polis, dibawa pemberita pergi ke balai, ini zaman sains dan teknologi, tidakkah ada alat yang menunjukkan dia itu DAP atau PAS, itu satu.

Yang kedua, tentang harta. Mengikut Seksyen 33 (3), seorang itu bila ada harta banyak yang tidak padan dengan pendapatannya, dia terpaksa memberitahu pihak BPR bahawa duit itu bukan daripada rasuah. Tetapi, saya ingin tahu bagaimana pula tentang seseorang pegawai ataupun badan awam ini yang mempunyai hutang yang tidak padan dengan pendapatan mereka? Misalnya gajinya RM5,000 tetapi hutang beratus-ratus sampai juta. Jadi, ini akan boleh membuat dia itu menjadi seorang yang corrupted.

Jadi, sekarang kita melihat orang yang ada harta setengahnya ada hutang terlampau banyak, barangkali pihak pembangkang itu dia tidak ada harta banyak tetapi dia hutang banyak. Jadi, bagaimana pendapat Ahli Yang Berhormat dari Machang.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena. Pertama, sebenarnya, saya hendak sentuh juga apa yang dibangkitkan mengenai pegawai BPR selepas daripada ini. The independence of the pegawai BPR iaitu ketelusan dan kebebasannya. Seorang pegawai yang hendak menjalankan tugas Badan Pencegah Rasuah seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena, dia mesti bebas. Jangan menunjukkan kecenderungan politik mana-mana pihak, ini penting sama ada UMNO atau PAS atau DAP.

Saya bimbang, takut nanti kita dengar ada pegawai BPR yang condong kepada PAS misalannya, ini jangan wujud dalam BPR. Sikap seperti ini, kita bukan suruh condong kepada UMNO - tidak, mesti nutral. Yang mesti dilakukan oleh pegawai BPR ialah 'uphold the rule of law', melaksanakan peruntukan undang-undang ini. Jangan menunjukkan kecenderungan politik kepada mana-mana parti. Kalau menunjukkan kecenderungan politik kepada mana-mana parti, saya bimbang kuasa yang besar tadi akan disalahgunakan. Ini saya bimbang, ini mesti dijaga, terutamanya

Ketua Pengarah BPR mesti memastikan bahawa pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah tugasnya ialah melaksanakan undang-undang ini secara adil dan saksama

Jangan sekali-kali dalam masa menjalankan tugas terpengaruh dengan kecenderungan fahaman politik mana-mana pihak, sebab kuasa yang besar, kalau wujud kecenderungan politik tadi akan disalahguna.

Yang kedua, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena tadi ialah hutang banyak. Sebenarnya, pegawai-pegawai kerajaan yang hutang banyak sudah ada Chapter D sekarang. Orang yang berhutang banyak, kalau dia tidak mampu menjelaskan hutang boleh diambil tindakan disiplin, cuma pembangkang sahaja yang tidak ada lagi. Barangkali kita boleh memperkenalkan undang-undang baru kalau pembangkang hutang banyak itu tidak boleh jelas pun tidak layak jadi Ahli Parlimen, tetapi tidak ada lagi sekarang yang pegawai-pegawai kerajaan di bawah Chapter D ada peruntukan itu. Kalau dia mempunyai hutang yang banyak tidak boleh menjelaskan hutang itu menjadi beban kepada tugasnya dan sebagainya, di bawah Chapter D dan tindakan bankrap boleh dibuat sampai dia hilang jawatan. Sudah ada peruntukannya.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak tekankan di sini ialah mengenai independence tadi, ini cukup penting supaya apa-apa yang dilakukan oleh pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah tidak dilihat oleh satu pihak sebagai kecenderungan kepada satu pihak yang lain. Tetapi, memanglah payah hendak buat seperti ini kerana kita manusia, kadang-kadang bila kita siasat, kadang-kadang orang kata, ha dia ini pro parti ini, kadang-kadang pro parti ini - payah. Tetapi ia mesti dilihat 'to be impartial', iaitu mesti dilihat sebagai bebas dan tidak tertakluk kepada mana-mana kecenderungan parti politik tadi.

Tuan Yang di-Pertua, ini penting. Dan saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Rompin telah membangkitkan tadi soal kualiti, kualiti pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah, ini pun satu tamparan hebat sekarang. Saya rasa BPR pun tahu orang yang melakukan kesalahan dengan pelbagai cara sekarang.

Dalam sistem maklumat, sistem dunia tanpa sempadan sekarang pelbagai cara dan bukan sahaja wang rasuah bukan sahaja disimpan dalam negara, disimpan di luar negara, bukan sahaja disimpan dalam bank, di simpan di tempat-tempat lain, semuanya ini memerlukan kepakaran. Dan kita minta supaya bukan sahaja pegawainya berkualiti,

jumlah pegawainya banyak tetapi sistem latihan dalam perkhidmatan mesti diperbanyakkan.

Kita tidak mahu nanti kes-kes BPR dibuang kerana pegawai tidak cekap. Sebab itu kita menyokong rang undang-undang ini kita tahu bahawa selama ini yang menjadi punca kepada masalah membanteras rasuah ialah loophole undang-undang. Kita terima itu, kita terima bahawa yang menjadi suatu halangan kepada Badan Pencegah Rasuah yang hendak melaksanakan membanteras rasuah, salah satu loophole, salah satu masalah ialah kelonggaran undang-undang.

Sekarang kita perketatkan undang-undang. Kita terima hakikat itu dan kita bersetuju memperketatkan undang-undang. BPR kata tak cukup kakitangan, kita tambah kakitangan. Jangan pula undang-undang diperketat, kakitangan cukup - bolos lagi, oleh kerana pegawai tak cukup terlatih. Latihan dalam perjawatan mesti diadakan, mesti diwujudkan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, gaji ini pun satu hal juga. BPR mesti independent, kita kata. Dia mesti ada iman, kalau tidak ada iman dia dipengaruhi oleh wang nanti dia hendak menyiasat kes pun tidak boleh, orang beri dia wang - habis. Misalannya berlaku begitu. Gaji juga mesti dikaji, mengapa - satu persoalan yang terfikir dalam kepala saya, di Singapura dari aspek baik saya pujilah baik, yang tidak betul, kita cakap tak betul.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang rasuah di Singapura tak ketat, tidak seketat yang hendak kita perkenalkan ini, tetapi mengapa, barangkali rasuahnya tidak banyak di sana, salah satu sebabnya kerana gaji Perdana Menteri, saya difahamkan S\$60,000 satu bulan. S\$60,000 dekat dengan RM110,000 satu bulan gaji Perdana Menteri. Ahli-ahli Parlimennya saya dengar cerita sampai S\$10,000 satu bulan dekat dengan RM17,000, ini kita RM4,800 campur RM90 baru ini.

Tuan Yang di-Pertua pun baru ini dengan rang undang-undang yang baru ini ditambah RM1,000 lagi, itu faktor gaji pun kena kaji. Perdana Menteri kita berapa gaji, RM17,000 barangkali dia dua jawatan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, RM17,000 kali dua baru RM34,000. Tetapi Perdana Menteri Singapura S\$60,000 bersamaan RM110,000 sebulan. Soal ini pun kena kaji juga. Kita hendak membanteras masalah di kalangan pegawai polis, gaji konstabel RM300 - RM400, duduk di Kuala Lumpur sewa rumah sudah RM200, anak sekolah kena belanja RM150, tinggal RM50 satu bulan. [Ketawa] Sebab itu keluar buat ronda cari duit lebih.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah berjumpa dengan konstabel-konstabel polis ini, saya pernah berjumpa dengan mereka ini, kata macam manalah hendak hidup ini terutamanya yang duduk di Kuala Lumpur. Jadi, ini pun mesti dikaji, dikaji supaya seimbang dengan peningkatan taraf hidup, bukanlah maksud saya suruh naik terus sekali ganda. Tetapi pegawai PTD misalannya pegawai PTA yang bebas tugas kerjanya yang profesionnya memerlukan kepakaran tertentu, tambah gaji, jangan penyayang. Kalau kita boleh beri RM3.4 juta kenapa kita tidak boleh mengkaji perkara itu, supaya dia boleh menjalankan kerja dengan baik dan bila mengkaji pegawai kerajaan, Ahli Parlimen pun kena kaji juga.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tidak - itu saya bergurau sahaja. RM90 baru ini pun cukuplah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti seimbang, sebab dalam soal membasmi rasuah, tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyatakan ada dua perkara gejala dalam rasuah. Pertama, manusianya yang jijik. Yang kedua, undang-undangnya yang lemah. Satu lagi pada saya, saya hendak tambah ialah penguatkuasaan yang berkesan, ini pun juga memainkan peranannya. Kalau undang-undangnya keras, tetapi penguatkuasaan tidak berkesan, tak ada makna juga, kita ada undang-undang yang keras pun kalau penguatkuasaan tidak berkesan.

Jadi, persoalan yang perlu kita fikirkan sekarang ialah penguatkuasaan. Kita banyak rang undang-undang dalam negara ini sepertimana yang saya sebutkan minggu lepas semasa membahaskan ataupun mengemukakan soalan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, ada sembilan rang undang-undang yang dia perlu dikuatkuasakan. Akta Perihal Dagangan, Akta Sewa Beli, Akta Tanda Letak Harga macam-macam lagi sebanyak sembilan, tetapi setiap kali Mesyuarat PAC dengan saya, dia minta pegawai ditambah, tetapi respondnya tidak ada.

Jadi, penguatkuasaan akan menjadi lemah sepertilah sekarang, kita ada undang-undang baik. Semua orang sekarang kita boleh wujudkan perasaan membenci rasuah. Saya rasa semua orang menganggap rasuah ini jijik, itu kita sudah berjaya dengan gambaran yang diwujudkan setakat ini, tetapi itu sahaja tidak mencukupi. Kita mesti ada undang-undang yang keras, ada undang-undang yang keras sahaja tidak mencukupi kalau kita tidak mempunyai pelaksanaan terhadap undang-undang itu secara berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, aspek pelaksanaan juga perlu dikaji. Undang-undang yang keras ditambah dengan penguatkuasaan yang baik oleh pegawai-pegawai yang berpengalaman, insya-Allah, niat ikhlas kita untuk membasmi gejala rasuah di negara kita ini akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencadangkan walaupun kita mempunyai undang-undang yang keras, jangan dilihat dari segi aspek undang-undang sahaja, sebab kita tahu, undang-undang sebagaimana baik sekali pun kita reka, mesti akan ada loophole. Saya percaya undang-undang ini pun juga ada kecacatannya kerana tidak ada undang-undang yang perfect melainkan Undang-undang Allah S.W.T. Ini undang-undang buatan manusia.

Saya percaya selepas ini akan ada loophole, akan ada kecacatannya di sana sini. Mesti akan berlaku kecacatan di sana sini. Jadi, aspek penguatkuasaan undang-undang sahaja pada saya tidak mencukupi. Undang-undang yang keras, pegawai yang baik, hukuman yang tinggi tidak mencukupi. Saya hendak mencadangkan kepada BPR dan agensi-agensi yang berkaitan supaya mengambil sikap proaktif mulai sekarang. Sikap proaktif pada saya jangan menganggap kuasa yang besar tugas kita nanti tunggu hendak tangkap orang sahaja. Kita mesti mengambil sikap proaktif iaitu hendak mencegah daripada perbuatan itu berlaku. Mulakan daripada peringkat bawah, di sekolah-sekolah rendah, ini saya bersetuju dengan DAP satu perkara, yang baik saya sokong, dia kata mulakan sistem pendidikan moral yang mencakupi pendidikan mengenai rasuah itu di peringkat sekolah, di peringkat menengah, di peringkat menengah tinggi dan di peringkat universiti supaya setiap orang menganggap rasuah ini jijik, hebahkan, mengambil sikap proaktif. Jangan kita nanti tunggu orang buat salah hendak tangkap, itu kerja kita, jangan itu sahaja. Kita mesti mengambil sikap proaktif mendidik masyarakat Malaysia supaya menjadi masyarakat yang bersih, cekap dan amanah.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, DAP tidak boleh menuntut bahawa dia champion dalam soal rasuah ini. Sekarang ini nampak seolah-olah gambarannya bahawa DAPlah yang menjadi champion membasmi rasuah. Sebenarnya kerajaanlah yang mula-mula berhasrat untuk mewujudkan kerajaan yang Bersih, Cekap dan Amanah - daripada awal-awal lagi. Bukan DAP yang menjadi champion tetapi kerajaan sendiri atas kesedaran bahawa najis ini bahaya, najis ini memporak-perandakan negara, mengambil sikap yang tegas dan nyata.

Lihat daripada bulan Sepuluh, saya masih ingat lagi dari segi sequence event yang berlaku. Daripada saat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut tahun lepas - saya hadir sebagai pemerhati dalam Majlis Perhimpunan Agung UMNO, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menangis, kemudian lepas itu conference dibuat, pegawai-pegawai kerajaan bercakap, pemimpin-pemimpin politik bercakap akhirnya ialah rang undang-undang ini. Bukan bercakap omong-omong kosong, bukan bercakap main-main. Saya rasa kali ini kerajaan memang tegas betul, bukan main-main. Dulu ada orang bercakap itu, mengenai rasuah semua orang bercakap tetapi tidak ada tindakan dibuat. Sekarang ini tindakan dengan menterjemahkan cita-cita tadi kepada satu bentuk perundangan yang cukup tegas dan keras sekarang. Saya mengucapkan syabas kepada kerajaan dalam aspek ini.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu ataupun perkara yang penting yang perlu menjadi pengajaran kepada kerajaan Malaysia ialah daripada sejarah-sejarah lepas. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyebutkan tadi, kejatuhan tamadun kerajaan Melaka sebahagiannya kerana rasuah. Kejatuhan beberapa buah kerajaan dalam dunia ini kerana rasuah tetapi kerajaan tidak mempunyai kuasa untuk membanteras. Di salah sebuah negara, bila kerajaan hendak bersikap tegas, tiba-tiba kerajaan Perdana Menteri itu goyang, kedudukannya sendiri hendak hilang.

Dalam negara kita, kita bersyukur. Saya rasa gambaran yang diwujudkan dalam negara kita sekarang, ini saya tidak bersetuju, Tuan Yang di-Pertua, seolah-olah rasuah dalam negara kita sekarang dibangkitkan ianya sudah menjadi di luar kawalan dan batasan. Dengan cara kita mainkan dalam akhbar sekarang ini, dengan cara DAP bercakap seolah-olah rasuah ini tidak boleh dibendung lagi. Adakah kita sebenarnya sampai ke tahap itu? Saya rasa rasuah dalam negara kita bukan sampai ke tahap itu tetapi kerajaan mengambil sikap proaktif mencegah daripada tamadun kita ini menjadi hancur, lebih baik kita cegah awal-awal kerana hendak mencapai Wawasan 2020.

Tetapi, saya percaya hakikat sebenarnya, apa yang digambarkan oleh DAP dalam ucapan-ucapannya, resolusi dan sebagainya, seolah-olah dalam negara kita ini, the whole system is corrupt - daripada atas sampai ke bawah. Tentulah gambaran ini tidak benar. Kalaulah the whole system itu corrupt, tentulah Kerajaan Barisan Nasional tidak boleh menang besar dalam dua, tiga kali pilihan raya yang lepas tetapi gambaran yang

diwujudkan sekarang, seolah-olah semua orang rasuah, semua orang tidak betul - daripada atas sampai ke bawah.

Saya rasa darjah pelakuan rasuah dalam negara ini bukan sampai ke tahap itu. Jangan kita ambil sikap orang yang iri hati kepada kita. Negara-negara luar yang iri hati kepada kita, itu biarkan tetapi secara hakikatnya pada pandangan peribadi saya, tahap pelakuan rasuah dalam negara kita bukan meruncing tetapi apa yang dilakukan oleh kerajaan ialah sikap proaktif - prevention is better than cure, dengan izin, - mencegah lebih baik daripada perkara itu merebak kerana kita mempunyai cita-cita dan wawasan yang luas. Kita mempunyai wawasan dan cita-cita 2020, kita hendak menjadikan negara ini negara maju menjelang abad itu. Kalau ini menjadi satu penyakit barah dalam sistem pemerintahan kita, ianya boleh menghalang. Jangan sampai ke satu tahap apabila semua orang menganggap rasuah itu sudah legal.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke satu negara jiran, bila saya sampai hulu pasport, "wangnya ada pak?" dia tanya saya. Jangan sampai ke tahap itu. Saya percaya di Malaysia, orang masih memandang jijik kepada rasuah. Ibu bapa yang dituduh dengan kes rasuah, anak tidak akan pergi sekolah - malu! Maknanya tanggapan masyarakat Malaysia menganggap rasuah memang jijik. Bapanya kalau dituduh rasuah, anaknya pergi sekolah, kawan-kawan ejek, anaknya pun sampai tidak pergi sekolah. Maknanya, secara umumnya masyarakat Malaysia menganggap bahawa rasuah itu jijik. Kita pertahankan tanggapan ini. Tanggapan ini penting kerana apabila orang menganggap rasuah itu baik, rasuah menjadi amalan hidup, rasuah menjadi satu budaya, ianya payah untuk dibasmikan. Sikap ini kita perlu mempertahankan.

Sebab itulah saya cadangkan tadi supaya BPR mengambil sikap proaktif - ke jabatan-jabatan kerajaan, ke tempat-tempat yang sensitif, misalannya, kalau saya sebut, saya kata, JPJ misalannya, tempat-tempat yang sensitif, PUSPAKOM misalannya - yang selalu dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pokok Sena. Tempat-tempat yang sensitif seperti ini, tumpuan lebih mesti diberi, di sempadan - Jabatan Kastam, misalannya. Bukanlah saya hendak kata Kastam itu rasuah, JPJ rasuah, tidak! Tetapi kerana sistem itu boleh mewujudkan suatu ruang untuk orang memberi rasuah, jadi ruang-ruang seperti ini mesti ditutup.

Pejabat-pejabat kerajaan juga mesti mengambil sikap proaktif. Jangan takut BPR datang di tepi pintu pun, kadang-kadang menggelejar, jangan takut! Kalau kita tidak bersalah jangan takut, beri

kerjasama. Kalau boleh jemput pegawai BPR datang ke pejabat, tempat-tempat di mana kecenderungan untuk berlaku rasuah ini adalah lebih, jemput pegawai BPR datang perhati. Ini kadang-kadang setengah-setengah, bila BPR masuk pintu sini sudah menggelegar. Sikap ini tidak betul, kita mesti ambil sikap proaktif - bekerjasama dengan mereka supaya gejala ini dapat dipasti atau sekurang-kurangnya dapat dihapuskan atau kalau kita tidak dapat hapus, kita dapat mengurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, undang-undang yang baik yang direka sebaik mana sekalipun, bukanlah merupakan langkah yang ulung atau langkah yang muktamad. Perkara yang penting ialah kesedaran. Saya menyeru kepada diri saya, kepada pegawai-pegawai kerajaan, kepada Ahli-ahli Parlimen, kepada menteri-menteri Kabinet, jika sudah terlanjur melakukan rasuah bertaubat mulai sekarang. Yang penting ialah bertaubat dan kembali ke jalan asal. Itulah prinsip yang dipegang oleh Islam sebenarnya. Islam lebih mementingkan manusia itu memulihkan dirinya melalui penghukuman yang kuat, penghukuman yang keras, tidak membawa manfaat. Yang paling berkesan ialah jika sipelaku itu sendiri kembali ke jalan Allah dan bertaubat tidak melakukan kesalahan itu sekali lagi. Inilah pencegahan yang terbaik, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyeru kepada diri saya, kepada semua pihak, marilah dengan perasaan ikhlas, marilah dengan perasaan suci, sama-sama kita kembali untuk memperbetulkan, jika ada kesilapan-kesilapan yang telah dilakukan. Mulai daripada hari ini kita semua mesti menganggap rasuah adalah jijik, rasuah adalah najis, rasuah adalah perosak negara - lebih bahaya daripada pengedaran dadah. Kalau dadah boleh membawa hukuman mati, maka rasuah lebih bahaya daripada itu, walaupun hukumannya tidak hukuman mati.

Jadi, yang penting ialah keinsafan, marilah sama-sama kita insaf, marilah sama-sama kita sedar bahawa kita sebagai pemimpin atas muka bumi ini bukan sahaja bertanggungjawab kepada rakyat dalam negara ini tetapi kita mesti bertanggungjawab kepada Allah Subhanahu Wataala. Jika itu kita sematkan dalam hati, insya-Allah, najis terkutuk ini dapat kita hapuskan. Dengan ucapan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Tuan.

7.55 ptg.

Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengalu-alukan dan menyokong pembentangan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 ini. Saya cukup yakin bahawa tujuan kerajaan untuk membentangkan undang-undang ini adalah murni. Saya percaya bahawa kerajaan sedar tentang tanggungjawabnya untuk mencegah kegiatan gejala rasuah di dalam negara kita ini. Saya berpendapat bahawa banyak peruntukan yang ada di dalam undang-undang ini yang saya fikir boleh mencapai kepada matlamatnya tetapi dalam pada itu banyak juga kepincangan yang perlu dipertimbangkan semula. Satu daripada perkara yang saya sangat-sangat hairan ialah penarikan balik Seksyen 14. Saya perlu minta penjelasan mengapa ini ditarik semula dan saya bukanlah bertujuan untuk meminta ia dikembalikan tetapi ini sangat menghairankan kerana sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa satu peruntukan baru untuk menggantikan Seksyen 14 hendaklah dimasukkan dan saya ingin cadangkan yang berbunyi seperti ini:

"Seksyen 14 - Mana-mana Ahli Parlimen atau Dewan Undangan Negeri atau sebagai seorang ahli tanpa terlebih dahulu mengosongkan kerusinya berpindah daripada parti atas mana dia dipilih atau dilantik sebagai ahli hendaklah dianggap sebagai berbuat demikian atas dorongan sogokan dan adalah melakukan satu kesalahan"

Tuan Yang di-Pertua, saya membuat cadangan ini oleh kerana seperti yang kita semua faham, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sangat-sangat mengambil berat tentang kegiatan politik wang. Saya ingin membangkitkan di sini di mana dalam tahun 1994, pihak pemimpin-pemimpin Barisan Nasional bukan sahaja telah menjanjikan banyak sogokan pembangunan tetapi selepas itu telah berusaha untuk menghalang Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan untuk dilantik sebagai Ketua Menteri Sabah menurut undang-undang dan setelah pula dilantik usaha untuk menjatuhkan beliau telah dilakukan begitu mendadak sehingga telah menjejaskan nama baik negara atas sogokan, janji jawatan dan tidak kurang pula janji wang tunai.

Satu contoh ialah di mana seorang Ahli Dewan telah membuat pengumuman terbuka di dalam akhbar bahawa dia telah ditawarkan sebanyak RM3 juta. Namun dia belum melompat tetapi selepas itu dia melompat juga. Maka andaian di sini ialah apakah yang kemudian mendorong beliau melompat pula

hanya Tuhan sahaja yang tahu. Saya fikir ini perlu dibanteras oleh kerana saya berpendapat bahawa gejala rasuah ini berlaku di dalam dua kegiatan manusia iaitu kegiatan untuk mendapat kuasa dan kegiatan untuk mendapat wang. Tetapi di dalam kedua-duanya itu tidak dapat dipisahkan bagaikan isi dengan kuku. Siapa yang ada wang, dia akan berusaha dengan menggunakan wangnya mendapat kuasa walau apa cara sekalipun dan siapa yang mendapat kuasa cara itu, dia akan menggunakan kedudukannya untuk mendapat wang - mungkin secara rasuah dan inilah yang perlu dibanteras di dalam kegiatan politik wang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat beberapa ahli yang lain bahawa tidak ada undang-undang dalam dunia ini yang boleh mencapai matlamatnya. Misal kata di dalam rang undang-undang ini untuk mencegah rasuah, tetapi kalau pihak-pihak yang berkenaan terutama pihak kerajaan tidak ada political will, dengan izin, untuk membanteras rasuah dan juga mereka yang dipertanggungjawabkan untuk membanteras rasuah seperti Badan Pencegah Rasuah ataupun pegawai-pegawainya kelak dan juga pihak pendakwa raya ataupun Peguam Negara, maka tidak ada jaminan bahawa undang-undang ini akan mencapai matlamatnya. Namun kita mengakui hakikat.....

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada yang bangun. Sipitang minta jalan.

Tuan Yunof Edward Maringking: Nanti saya beri, saya habiskan dahulu. Kita mengakui hakikat bahawa ada undang-undang lebih baik daripada tidak ada undang-undang. Saya mengatakan bahawa tidak ada undang-undang yang cukup dan tidak ada undang-undang yang kurang. Yang ada ialah keikhlasan untuk menggunakan undang-undang itu bagi mencapai matlamat yang dimaksudkan dalam undang-undang itu dengan jujur dan ikhlas (without fear or favour).

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin memperkatakan di sini ialah bersabit dengan penggunaan undang-undang ini kelak, iaitu tentang corak kepimpinan sama ada dari segi kepimpinan politik atau pegawai-pegawai kerajaan dan juga kepimpinan ahli-ahli korporat. Kalau semuanya ini tidak menunjukkan kepimpinan yang baik, maka matlamat kita untuk mencegah rasuah tidak akan tercapai. Kita harus menerima hakikat bahawa rasuah ini sama ada ia dilakukan oleh mereka yang so-called 'big fish' ataupun ikan bilis, ianya adalah

masalah sosial yang tidak boleh dipandang ringan. Yang besar itu bermula daripada yang kecil. Mula-mulanya orang melakukan rasuah dengan secara kecil-kecilan, tetapi akhirnya sesudah dia tidak ditangkap waktu dia melakukan rasuah yang kecil, dia akan mencuba yang besar pula. Saya harap ungkapan Yang Berhormat Menteri Pendidikan semasa pembukaan konferens atau dialog undang-undang ini baru-baru ini di mana beliau berkata 'the small fish must grows to become big fish faster because they only grows after the small fish' tidak akan menjadi ungkapan yang penuh dengan erti, seperti yang diragui oleh beberapa pihak.

Seharusnya, Tuan Yang di-Pertua, pembanteras gejala rasuah ini hendaklah menyeluruh. Di mana ada bukti, tidak kira ia rasuah kecil atau besar, undang-undang itu haruslah dipakai terhadap mereka.

Saya berpendapat bahawa banyak perkara yang telah berlaku di Sabah di mana laporan-laporan telah kita kemukakan untuk penyiasatan, baik secara sulit ataupun secara tidak sengaja telah diketahui umum, tetapi yang malangnya belum ada lagi tindakan yang diambil. Justeru itu, kita hairan kenapa ini sedemikian.....

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Sipitang bangun lagi.

Tuan Yunof Edward Maringking: Okay, silakan.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita berterima kasih kepada Yang Berhormat dari Tuaran kerana nampaknya bersetuju dengan cadangan kerajaan untuk membanteras rasuah, tetapi jangan pula disalahertikan seperti kata Yang Berhormat tadi bahawa soal perlantikan Ketua Menteri pula dikaitkan dengan rasuah. Saya ingin minta Yang Berhormat memberi ulasan apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa pembentukan Kerajaan Barisan Nasional di Sabah bukan daripada rasuah, tetapi atas kepercayaan pemimpin-pemimpin Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Sabah yang yakin dengan kepimpinan Barisan Nasional untuk menyertai Barisan Nasional dan membentuk kerajaan. Tadi Yang Berhormat katakan ada pemimpin yang disogok dengan RM3 juta. Kalau ada, beri laporan dan buat siasatan, bukan sahaja terhadap pemimpin Barisan Nasional. Tetapi kalau Yang Berhormat bersetuju dan bekerjasama dengan kita untuk

membanteras rasuah, bukan sahaja pemimpin Barisan Nasional tetapi di kalangan pembangkang pun Yang Berhormat buat laporan dan kita siasat bersama-sama untuk membanteras sekali gus gejala rasuah.

Soal janji tadi, yang dikatakan Barisan Nasional menjanjikan projek pembangunan. Itu bukan janji kosong tetapi itu adalah perancangan Barisan Nasional untuk membangunkan negeri Sabah apabila memerintah dan ini ternyata sudah dilaksanakan, misalnya janji kita membina Universiti Malaysia Sabah (UMS). Bila sahaja Kerajaan Barisan Nasional memerintah, kita telah laksanakan pembinaan Universiti Malaysia Sabah dan telah pun bermula sekarang tahun ketiga. Jadi, lain-lain gejala kalau Yang Berhormat bersetuju dan bersama-sama untuk membanteras rasuah di Sabah, kita boleh membuat laporan kalau ada Yang Berhormat rasakan memang tidak kena, kita buat laporan, tetapi bukan cuma atas perasaan Yang Berhormat bagi kepentingan politik tetapi atas keyakinan kita bahawa akta ini adalah untuk membanteras dan membersihkan gejala rasuah yang berlaku di negeri Sabah.

Tuan Yunof Edward Marinking: Tuan Yang di-Pertua, malang sekali sahabat saya tidak faham contoh yang saya telah ambil. Dia hanya pura-pura sahaja dia tidak tahu. Terpapar di dalam surat khabar bahawa ada orang yang membuat pengakuan seperti yang saya telah katakan dan juga ada laporan telah dilakukan di mana seorang Ahli Dewan Undangan Negeri telah membuat laporan dan bukti-bukti telah pun diserahkan kepada polis, tetapi tidak ada tindakan diambil.

Mengenai dengan perantikan Ketua Menteri yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu tadi, saya ingin katakan begini. Pagi tadi atau sebentar tadi saya telah membuat cabaran kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri supaya sesuatu yang dilakukan tidak menurut undang-undang itu atau sesuatu yang seharusnya dilakukan menurut undang-undang itu, tetapi dilakukan tidak menurut undang-undang hendaklah dianggap sebagai rasuah atas presumption. Di dalam konteks ini, dalam Perlembagaan Negeri Sabah tidak ada peruntukan di mana Ketua Menteri itu harus berkhidmat selama dua tahun. Jadi, apakah sebabnya dia dilantik dalam tempoh dua tahun sahaja? Ini menyalahi undang-undang. Ini semuanya adalah untuk menggalakkan rasuah. Jadi, itulah sebabnya saya ingin katakan di sini bahawa politik wang ini juga ataupun rasuah politik ini amat penting dibanteras, kalau tidak, di situlah menjaral akar rasuah di seluruh kehidupan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa mengenai pembangunan itu sahabat saya dari Sipitang telah kata bahawa Universiti Sabah telah dimulakan, tetapi janji itu bukan setakat universiti. Dalam pada itu, Universiti Sabah dimulakan tetapi cawangan kampus Universiti Kebangsaan telah ditutup, apa ini? Buka satu, tutup satu, tidak semestinya berlaku sedemikian. Jadi, ini saya rasa satu perkara yang tidak seharusnya berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pernah meluahkan kerunsingan beliau mengenai politik wang ini. Saya rasa beliau sedar tentang akibat politik wang di kalangan ahli-ahli politik. Saya tidak berpendapat bahawa pencegahan rasuah ini.....

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

Tuan Yunof Edward Marinking: Minta maaf, Yang Berhormat, nanti sekejap. Pencegahan rasuah ini tidak mempunyai batasan politik. Kalau sekiranya ada bukti, saya sudah katakan tadi, haruslah dipakai guna undang-undang itu tidak kira kepada sesiapa pun. Ya, silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Penjelasan, Yang Berhormat. Tadi saya tertarik dengan Yang Berhormat mengatakan bahawa Ketua Menteri dilantik dua tahun sekali, bercanggah dengan Perlembagaan Sabah. Setahu saya, Perlembagaan Sabah menetapkan seseorang Ketua Menteri itu lima tahun, tidak boleh lebih daripada lima tahun. Soal hendak lantik seminggu, tiga minggu, tidak bercanggah. Yang bercanggah, kalau 10 tahun, 20 tahun. Jadi, atas dasar mana Yang Berhormat berkata begitu?

Yang kedua pula Yang Berhormat kata, kalau universiti sudah ditubuh, cawangan ditutup, memanglah. Yang besar sudah ada, yang kecil habislah. Itu biasalah.

Tuan Yunof Edward Marinking: Tuan Yang di-Pertua, pertama tentang perantikan Ketua Menteri Sabah. Ketua Menteri Sabah tidak seharusnya letak jawatan juga di dalam tempoh dua tahun, kecuali dia hilang kepercayaan ataupun dia meletak dengan sukarela, tetapi dunia tahu bukan dia letak jawatan dengan sukarela, dia tidak pernah kehilangan kepercayaan di dalam Dewan. Jadi, ini sudah jelas menunjukkan bahawa perantikannya itu tidak berpandukan kepada peruntukan dalam Perlembagaan.

Mengenai dengan universiti, saya fikir main kampusnya tidak ditutup dan pengajar-pengajarnya juga ada dan penuntut-penuntut juga ada, kenapa ditutup tergesa-gesa? Kenapa kita tidak boleh buka cawangan kampus Universiti Kebangsaan dan dijalankan juga Universiti Malaysia Sabah oleh kerana ini semuanya diperlukan untuk menampung keperluan tempat penuntut. Jadi, saya rasa inilah perkara yang seharusnya kita sama-sama mengerti.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa banyak yang telah diperkatakan mengenai peruntukan-peruntukan di dalam undang-undang ini, terutama mengenai kuasa di antara Pengarah ataupun Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah dan juga Peguam Negara. Pada hemat saya perkara ini tidak seharusnya dipersoalkan oleh kerana kalau diperuntukkan di dalam undang-undang, terutama sekali kuasa Yang Berbahagia Tan Sri Peguam Negara bahawa dialah yang memutuskan di dalam mana-mana tindakan undang-undang, maka kita harus menerima hakikat itu oleh kerana kita menghormati keluhuran Perlembagaan, tetapi yang kita inginkan ialah keikhlasan untuk menggunakan kuasa itu. Memang banyak bukti bahawa ada yang tidak seharusnya berlaku tetapi terjadi mungkin perbuatan itu dilakukan atas perhitungan beliau sendiri, tetapi di dalam hal itu biar Tuhan sahajalah yang tahu.

Tuan Yang di-Pertua, tentang kuasa Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah ini, kita juga jangan terlalu ghairah untuk memberi beliau kuasa yang berlebihan. Saya ingin ulangkan di sini bahawa satu maxim yang kita jangan lupa, iaitu power tends to corrupt and absolute power corrupt absolutely. Ini boleh berlaku di dalam mana-mana organisasi kalau seorang itu diberi kuasa yang berlebihan, maka sama ada secara tidak sedar ataupun dengan sengaja dia akan menyalahgunakan kuasanya, oleh kerana itulah hakikat di dalam hidup manusia. Tetapi, sekali lagi saya katakan yang penting ialah keikhlasan dan kemurnian hati untuk menjalankan tugas. Bukan bertugas untuk seseorang pemimpin, tetapi kepada negara, oleh kerana yang kita ingin selamatkan ialah negara. Pemimpin itu memang mempunyai peranan, tetapi sesiapa pemimpin pun misal kata Perdana Menteri ataupun menteri-menteri yang dipertanggungjawabkan kepada Badan Pencegah Rasuah nanti, dia akan bertukar ganti, tetapi undang-undang itu tetap.

Tujuan undang-undang itu ialah untuk menyelamatkan negara, bukan menyelamatkan menteri. Itulah yang kita ingin harapkan supaya mereka yang dipertanggungjawabkan sama ada

pegawai-pegawai rendah yang menyiasat di dalam sesuatu laporan itu ataupun yang akan mendakwa haruslah mengutamakan kepentingan negara, dan bukan kepentingan mana-mana pihak. Jadi, saya rasa persoalan itu bukan berkisar kepada siapa yang ada kuasa lebih, tetapi siapa yang lebih jujur di dalam menjalankan kuasa. Saya harap perkara itu tidak akan menjadi isu politik sama ada di dalam Dewan ini ataupun di luar Dewan ini kelak.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin sentuh di sini ialah mengenai keberkesanan undang-undang ini. Saya sudah katakan awal-awal tadi tidak ada undang-undang yang mencukupi. Tetapi sebaik-baiknya ialah kita educate, dengan izin, semua rakyat bahawa gejala rasuah ini mengancam negara dan masyarakat, tidak kira fahaman politik, agama ataupun bangsanya. Oleh kerana akibat gejala rasuah ini ialah kemerosotan maruah masyarakat dan juga akibatnya terhadap ekonomi negara, di mana di dalam konteks kemerosotan akhlak, ketidakadilan timbul di mana orang yang mempunyai wang itu atau kuasa itu akan menjadi kaya raya, tetapi orang miskin terus tertindas. Itulah sebabnya kita mahu memerangi gejala rasuah secara habis-habisan.

Di dalam konteks ekonomi pula, ia boleh menghancurkan ekonomi negara di dalam berbagai-bagai aspek. Misal kata, oleh kerana sogokan, maka harga sesuatu projek itu akan melambung tinggi bukan kerana ia dibelanjakan untuk melaksanakan projek itu, tetapi untuk melakukan sogokan. Jadi, demikian akibatnya yang kita tidak mahu. Kalau setiap projek yang dilakukan oleh kerajaan ada unsur rasuah, maka sudah tentu kewangan kerajaan dari masa ke semasa akan melecet dan tidak boleh kita biarkan perkara itu berlaku sedemikian. Walaupun sedemikian, satu perkara iaitu Seksyen 20 yang saya tidak begitu faham kenapa ada peruntukan di mana memberi laporan kepada BPR, itu boleh menjadi satu isu untuk melakukan pendakwaan. Saya faham tujuannya ialah untuk memperseimbangkan. Kita jangan under estimate, dengan izin, implikasinya di dalam pemikiran rakyat, iaitu sebelum saya membuat laporan misalnya, saya terpaksa berfikir panjang-panjang walaupun dengan ikhlas. Kalau sekiranya nanti saya dianggap sebagai telah membuat laporan palsu walaupun pada hakikatnya dengan tujuan yang baik, maka mungkin saya tidak akan terdorong untuk memberi laporan.

Justeru itu, free floor of information untuk mencegah rasuah, dengan izin, tidak akan berlaku. Kita dimaklumkan bahawa pihak BPR sukar sekali untuk mendapat kerjasama daripada orang ramai

walaupun dengan peruntukan yang ada di bawah undang-undang yang akan kita gubal ini. Kita tidak tahu kenapa, tetapi bayangkanlah kalau ada sesuatu yang menghantui kemungkinan dia didakwa di mahkamah kalau dia membuat laporan palsu. Bagi orang kampung yang simple minded, dengan izin, dia tidak tahu apa yang palsu dan apa yang tidak palsu, oleh kerana dia tidak mengetahui tentang teknikal. Jadi, sebaik-baiknya dia tidak buat laporan dan biarlah pihak yang berkuasa sahajalah yang mengambil tindakan. Tetapi malangnya pihak BPR tidak akan ke sana-sini untuk mendapat laporan ataupun memulakan penyiasatan tanpa laporan atau information dari orang ramai, dengan izin. Jadi, saya fikir di dalam hal ini, walaupun saya menerima dengan ikhlas penjelasan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai hal ini, tetapi pihak kerajaan terutama pihak BPR perlulah membuat penjelasan seluas-luasnya di seluruh negara mengenai implikasi peruntukan 20 itu.

Satu lagi perkara ialah mengenai Seksyen 28 di mana pihak peguam juga akan dipaksa ataupun diminta diwajibkan untuk memberi maklumat. Walaupun ada peruntukan di situ yang mengatakan tidak ada perhubungan yang privileged communication, dengan izin, tidak perlu dedah, tetapi bila ini dibaca bersama dengan peruntukan di dalam Seksyen 20, banyak implikasinya. Saya difahamkan bahawa pihak Majlis Peguam Malaysia tidak tahu-menahu ataupun tidak dirunding mengenai implikasinya terlebih dahulu. Jadi, ini adalah sangat malang, oleh kerana kita faham bahawa pentadbiran undang-undang kita di dalam negara ini memerlukan peguam. Jadi, kalau peguam juga ragu-ragu to handle corruption cases, maka senanglah untuk pihak pendakwa raya untuk mendapat conviction, dengan izin, tetapi adakah itu tujuan kita sebenarnya?

Saya berpendapat bahawa kalau terlebih banyak conviction di dalam mahkamah ianya tidak akan menguntungkan imej negara. Kalau terlalu banyak yang dimasukkan di dalam penjara oleh kerana disabitkan kesalahan rasuah, saya rasa itu akan memberi gambaran yang sangat buruk kepada negara seolah-olah kita ini penuh dengan kegiatan rasuah. Justeru itu, kita harus berhati-hati di dalam implikasinya ini.

Satu lagi perkara saya ingin sentuh ialah mengenai peruntukan 61(1). Minggu lalu saya telah membangkitkan keraguan saya mengenai kuasa menteri yang diberi oleh Parlimen ini untuk menggubal undang-undang. Di dalam undang-undang ini pula ada satu peruntukan di mana to

prescribe offences boleh ditambah oleh menteri dengan cara mengeluarkan arahan di dalam gazet. Saya rasa walaupun pada dasarnya mungkin ini boleh dilakukan atas kuasa yang diberikan oleh Parlimen, tetapi pada akhir-akhir ini nampaknya pihak kerajaan terlalu ghairah untuk memberi kuasa kepada menteri-menteri.

Jadi, saya ingin penjelasan kenapa ini perlu. Bukankah kalau ada keperluan memperuntukkan ataupun membuat sesuatu kesalahan itu dijadikan kesalahan di bawah undang-undang ini dikemukakan kembali di Dewan yang mulia ini dan kita bincang, kita pertimbangkan sama-sama. Kalau perlu kita akan luluskan, tidak ada masalah. Tetapi kenapa tergesa-gesa sedemikian hingga menteri pula yang membuat keputusan sendiri bahawa sesuatu kesalahan itu haruslah dibawa kepada kuasa undang-undang ini. Kalau inilah yang menjadi trend di dalam negara kita, apakah gunanya Parlimen ini? Adakah Parlimen ini hanya rubber stamp, dan hanya menteri yang akan menjalankan kuasa untuk menggubal undang-undang. Rakyat tidak tahu apa yang telah digubal oleh menteri, oleh kerana jarang sekali ini akan diberi publicity, dengan izin, untuk pengetahuan orang awam.

Saya rasa trend seperti ini tidak seharusnya menjadi amalan di dalam tiap-tiap undang-undang di mana menteri diberi kuasa muktamad untuk menambah satu kesalahan. Walaupun memang mungkin tujuannya baik, tetapi semua yang kita lakukan di dalam Dewan yang mulia ini pun adalah dilakukan dengan tujuan yang baik. Jadi, saya rasa perkara ini haruslah dipertimbangkan sebaik-baiknya, dan kalau tidak perlu, saya ingin cadangkan supaya peruntukan 61(1) itu dibatalkan, dan peruntukan Seksyen 61(2) itu dijadikan peruntukan 61.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin katakan di sini, iaitu seperti yang telah saya cadangkan awal tadi, iaitu di mana sesuatu tindakan oleh pihak-pihak berkuasa yang dilakukan tidak menurut undang-undang, ataupun dilakukan sedemikian, tetapi tidak ada unsur rasuah. Sukar sekali bagi pihak pendakwa raya untuk mengambil tindakan, oleh kerana tidak ada unsur rasuah, dan mungkin alasannya tersilap sahaja. Tetapi bagaimana kita tahu perbuatan saling berulang itu dilakukan hanya atas kesilapan sahaja.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan seperti yang telah saya cadangkan itu, supaya dipertimbangkan untuk dimasukkan ke dalam undang-undang ini oleh kerana saya yakin bahawa selepas rang undang-

undang ini diluluskan mungkin kita terfikir bahawa kuasa pihak Badan Pencegah Rasuah sudah bertambah dan sudah sofistikated tetapi di dalam dunia moden ini semakin ada rang undang-undang seperti ini mereka yang mempunyai kecenderungan untuk melakukan rasuah, *modus operandi*, dengan izin, akan berubah mengikut keperluan mereka sendiri, mereka akan melakukan pelbagai cara untuk mengatasi rang undang-undang ini kelak.

Memang kita tidak dapat memperuntukkan segala-galanya yang ada di dalam hati mereka yang ingin melakukan rasuah tetapi seharusnya kita mengambil kira apa yang dilakukan yang tidak sepatutnya berlaku sedemikian tetapi berlaku juga.

Akhir sekali yang saya ingin perkatikan di sini ialah mengenai kelewatan dalam pelaksanaan ataupun memulakan beberapa projek sama ada projek-projek besar ataupun projek-projek kecil di kampung. Saya berpendapat bahawa kelewatan itu berlaku oleh kerana ada unsur-unsur rasuah dan saya berharap pihak Badan Pencegah Rasuah akan bertindak cepat oleh kerana kelewatan di dalam menjalankan ataupun melaksanakan projek itu akan merugikan rakyat dan negara.

Saya katakan tadi, kelewatan itu mungkin ada unsur rasuah. Untuk mengatasi masalah ini, saya ingin cadangkan supaya ada 'time frame' untuk melaksanakan sesuatu projek itu dan memulakan projek itu ataupun memberi kelulusan sesuatu projek itu ataupun sesuatu permohonan. Kalau pihak yang berkuasa tidak meluluskan sesuatu permohonan ataupun projek itu di dalam tempoh yang ditetapkan, maka pihak kerajaan haruslah mengambil iktibar untuk mengelakkan ianya dijadikan satu arena untuk melakukan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai menggulung, saya mengakui hakikat bahawa rasuah itu perlu dibanteras dan pembentangan rang undang-undang ini adalah satu daripada usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk membanteras rasuah. Tetapi, saya telah katakan tadi bahawa rang undang-undang sahaja tanpa keikhlasan tidak akan dapat menghapuskan rasuah. Birokrasi terutama penswastan biasanya menjadi tempat di mana berleluasanya kegiatan rasuah dan oleh itu cara-cara untuk melaksanakan projek ataupun kelulusan projek itu haruslah ada ketelusan atau transparency, dengan izin, dan juga rakyat haruslah juga diberi pendedahan kepada bukan sahaja bahaya ataupun keburukan amalan rasuah ini terhadap masyarakat dan juga negara tetapi mereka haruslah diajar cara-cara untuk bekerjasama dengan pihak-pihak berkuasa untuk membanteras dan mencegah gejala rasuah ini.

Saya harap peruntukan-peruntukan yang ada di dalam Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 ini tidak akan disalahgunakan untuk tujuan selain daripada yang diinginkan iaitu satu impian murni menghapuskan rasuah.

Di samping itu juga, saya harap pihak kerajaan akan mengambil kira cadangan saya untuk membuat satu peruntukan baru atau beberapa peruntukan baru yang saya telah kemukakan untuk memperlicinkan lagi ataupun memperkukuhkan lagi usaha kita untuk membanteras rasuah terutama sekali di dalam kegiatan politik wang yang mana sudah tentu segala tumpuan akan ditujukan oleh rakyat di dalam masa dua atau tiga hari yang akan datang ini sama ada kerajaan betul-betul benar ikhlas untuk membanteras rasuah di dalam segala aspek kehidupan masyarakat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Demikian sahajalah pandangan saya dan diharapkan supaya pihak kerajaan dan juga yang diberi kuasa untuk melaksanakan undang-undang ini dengan berkesan. Saya doakan supaya negara akan dapat mencapai matlamat yang murni iaitu untuk memastikan negara kita tidak akan diancam oleh gejala rasuah yang mungkin lebih teruk di masa-masa yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tumpat.

8.37 min.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana telah memberi kesempatan kepada saya untuk membahaskan Rang undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 pada hari ini yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Dalam kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi, beliau meminta supaya akta ini atau isu pencegahan rasuah ini janganlah dipolitikkan di mana Yang Amat Berhormat telah meminta setiap parti politik dan pertubuhan NGO supaya memberi kerjasama.

Pada anggapan saya, akta yang telah dibentangkan ini adalah jauh lebih baik daripada akta-akta yang sebelum daripadanya. Salah satu daripadanya ialah ia adalah merupakan penggabungan daripada peraturan-peraturan atau undang-undang, tiga peraturan sebelum daripada ini dalam satu rang undang-undang yang telah dikemukakan sekarang ini.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri meminta supaya kita tidak mempolitikkan, tetapi yang amat mendukacitakan saya sebelum daripada ini PAS tidak pernah diajak berbincang tentang isu ini. Sepatutnya PAS diajak dalam rundingan sebelum daripada Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 dikemukakan pada hari ini, sebab pihak PAS sendiri saya kira ramai di kalangan ahli-ahli dan kepimpinan PAS yang juga pakar di dalam undang-undang. Kenapa PAS tidak diajak berbincang sebelum daripada ini? Itu soalan saya yang pertama.

Saya beranggapan bahawa Akta Pencegahan Rasuah 1997 apabila ianya diluluskan nanti bererti akta-akta yang sebelum daripadanya secara automatically atau dengan sendirinya akan terbatal kerana ini adalah merupakan akta induk yang seharusnya dilaksanakan di dalam negara kita ini bagi mencegah segala bentuk rasuah yang sedang dan akan berlaku.

Saya tidak akan menyentuh secara fasal demi fasal atau secara bahagian demi bahagian, sebab saya merasakan bahawa persoalan itu akan dibincang oleh Ahli Dewan ini dalam masa perbincangan dalam Jawatankuasa. Hanya saya akan menyentuh dalam beberapa bahagian, beberapa aspek yang saya rasa perlu saya sentuh pada hari ini. Di mana akta ini saya lihat ada mengandungi 63 fasal dan 8 bahagian - cukup banyak dan cukup berat.

Apakah kerajaan mampu untuk menangani dan memikul tanggungjawab bagi melaksanakan akta yang telah diluluskan pada hari ini dan akan diluluskan, apakah ada 'udang di sebalik batu'. Saya bimbang kalau-kalau akta ini akan jadi macam Akta Keselamatan Dalam Negeri dahulu semasa Almarhum Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri.

Semasa Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dibentang di mana saya lihat *Hansard* antara lain Tunku menyatakan bahawa akta ini tidak akan disalahkan. Akta ini kita buat, kita kemukakan untuk diluluskan dan minta kepada setiap parti pembangkang untuk menyokong demi untuk kita membasmikan Gerakan Komunis di dalam negara kita ini iaitu untuk komunis.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi ternyata selepas daripada itu bukan komunis menjadi sasarannya, akhirnya PAS, DAP macam-macam. Parit Sulong tidaklah, sebab dia penyokong Barisan Nasional, walaupun kadang-kadang dia bercakap macam pembangkang.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

Dato' Azmi bin Khalid: Saya hendak bertanya, hendak minta penjelasan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ya.

Dato' Azmi bin Khalid: Yang diambil tindakan di bawah ISA, saya rasa bukan sahaja PAS dan DAP, banyak yang lain termasuk UMNO. Ahli UMNO juga pernah dibawa masuk di bawah Akta ISA. Jadi, saya hendak minta Ahli Yang Berhormat membuat pembedaan sedikit.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu dibetulkan, sudah betul. Persoalannya ialah apa yang diungkapkan, yang dinyatakan, yang diisytiharkan oleh Tunku pada masa itu tidak dilaksanakan sebagaimana yang dinyatakan untuk komunis itu tidak, selain daripada komunis juga ditangkap, ditahan, termasuklah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sekarang ini, di bawah ISA beliaulah salah seorang yang menentang habis-habisan akta ini, dahulu, tetapi sekarang ini lain. Lain dahulu, lain sekarang. Barangkali Yang Berhormat Dato' pun begitu juga barangkali.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat dalam akta ini tidak ada definisi. Definisinya tidak ada, biasanya kita lihat satu-satu akta itu ada definisi. Bagaimana? Minta penjelasan. Itu saya lihat tadi, tiga orang yang membincangkan sebelum daripada saya ini, Tanjong, Machang dan juga Tuaran tadi, ada menyentuh persoalan kita hendak menentukan seseorang itu rasuah itu, bagaimana bentuk penentuan? Sebagaimana ayat yang dibacakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi yang menyatakan pemberi, penerima dan orang perantaraan itu ialah mereka bersalah dan mesti dihukum. Ini prinsip, memang prinsip itu kita terima, siapa sahaja yang terlibat dalam rasuah ini mestilah mereka berhak diadili dan mereka mestilah dihukum tetapi kita hendak menentukan bentuk rasuah itu, yang dikatakan rasuah itu bagaimana bentuknya. Macam kambingkah, macam ayamkah, macam kerbau.....

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya. Kuala Pilah.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Minta penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ya.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Tumpat. Tidakkah Yang Berhormat membaca dalam banyak provision dan peraturan-peraturan dalam akta ini yang secara spesifik ada menyatakan apa makna rasuah, Seksyen 10, 11, adakah Yang Berhormat faham apabila dikatakan - kambing dan sebagainya, apa bendanya Yang Berhormat cakapkan ini? Minta penjelasan sedikit.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kerana saya baca itulah saya tanya ini. Kalau saya tidak baca mana boleh saya tanya. *[Ketawa]* Apa yang saya timbulkan, pokoknya ialah ada kekeliruan dalam kita mentafsir, dalam kita menyatakan rasuah itu walaupun dalam beberapa fasal yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat peguam kita itu, kita ambil kira tetapi masih banyak lagi kekeliruan-kekeliruan yang boleh mencacatkan tentang Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah yang dibentangkan.....

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia bangun lagi.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Penjelasan lagi, Tuan Yang di-Pertua. Kita dalam Dewan ini sungguhpun masa ini agaknya sudah lewat tetapi Yang Berhormat dari Tumpat ini bercakap biarlah betul-betul yang ada substance, yang dikatakan keliru itu tolong katakan apa yang dikelirukan itu, kita hendak dengar. Minta penjelasan apa yang dikatakan banyak kekeliruan, be specific! Janganlah menuduh dan melilau tidak tentu arah sahaja. Be specific, kita bersedia mendengar dan kita bersedia memberi sokongan dan sebagainya. Apa yang dikatakan banyak keliru ini, cuba sebutkan mana seksyenya?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya telah sebut tadi, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak akan menyentuh daripada satu fasal ke satu fasal, daripada satu seksyen kepada satu seksyen sebab kita ada di peringkat Jawatankuasa. Barangkali Yang Berhormat lawyer ini baru, dia tidak tahu cara-cara, walaupun lawyer tidak tahu juga. *[Ketawa]* Kita akan bincang di sana.....

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Yang Berhormat, kalau tidak tahu menjawab jangan tuduh yang itu.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tunggu saya sedang bercakap ini. Misalnya tadi....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, balik kepada tajuk.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Saya pun hendak dengar juga apa kekeliruan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Misalnya Machang menyebut tadi bahawa katanya Timbalan Menteri Besar Kelantan mengisytiharkan tanah, akan mengisytiharkan persoalan tanah yang dipohonkan oleh rakyat di kawasan Semerak. Itu ditafsirkan rasuah, itu seorang peguam. Ada juga yang tanya tadi, Yang Berhormat dari Tuaran yang menyatakan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional bila berceramah kata kalau sokong Barisan Nasional ada pembangunan, kalau sokong PBS tidak ada pembangunan. Itu juga, jadi kekeliruan itu banyak.....

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kuala Pilah bangun.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan, Yang Berhormat tidak jawab lagi. Saya kata tadi, dia kata banyak kekeliruan di dalam rang undang-undang ini, jawabnya, ya atau tidak, di mana? Saya hendak tahu dia kata tadi banyak kekeliruan dalam akta ini yang tidak tentu arah, di mana? Tolong tunjukkan. Jawablah sedikit.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Itulah saya sudah jawab tadi.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Dalam seksyen mana?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya kata persoalan itu akan dibincangkan dalam Jawatankuasa.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:
[Ketawa]

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Itulah jawapannya.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Itulah standard you.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Bagaimana lawyer tidak faham ini?

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: [Ketawa]

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Inilah lawyer, bagaimana seorang lawyer tidak boleh faham, saya terpaksa mengulangi sampai tiga kali persoalan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Pilah, walaupun Yang Berhormat.....

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: 36(1) - Jangan ada sangkaan jahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Saya akan buat keputusan, Yang Berhormat.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Kalau hendak cakap biar spesifik, if gone personal, itu sangkaan jahat. Ini lawyer, lawyer semua, kita memang betul profesion lawyer - qualified. You sebagai apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tetapi Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 36(1) nampaknya bukan sangkaan jahat.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: 36(6), Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Saya rasa Yang Berhormat, itu cukuplah, itu tidak timbul tetapi Yang Berhormat Tumpat kenalah balik kepada tajuk, merayau jauh sangat ini. Saya pun hendak tahu juga apa kekeliruan yang dimaksudkan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya sedang bercakap dan akan bercakap lagi, masa masih ada. Menteri Besar Negeri Kelantan telah berusaha untuk membanteraskan rasuah ini di Kelantan khususnya, ini sebagai back ground, Tuan Yang di-Pertua, sebelum daripada akta ini telah dikemukakan, lagi jauh semenjak tahun 1991. Ini dapat dilihat dalam tender balak di Kelantan, misalnya, kita hanya ada open tender - tender terbuka dalam memberi tender, tidak sebagaimana kerajaan sebelum daripada itu, di bawah pimpinan Dato' Mohamed Ya'acob, semuanya main bisik-bisik, tertutup-tertutup, ini menggambarkan keikhlasan kita dalam

menangani isu-isu rasuah ini - masuk pointkah itu?

Yang kedua, Menteri Besar Kelantan juga tidak menggalakkan pemberian hadiah kepada beliau di dalam majlis-majlis rasmi dan tidak rasmi - dia tidak menggalakkan. Tidak sebagaimana Perdana Menteri ini sampai hendak buat satu lagi bangunan. Ini menggambarkan bagaimana seriusnya kita untuk membasmi rasuah.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Parit bangun.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, saya meminta penjelasan sedikit daripada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih yang mengatakan bahawa.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, bukan Pasir Putih.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Oh, Tumpat. Maaf, yang mengatakan bahawa pemberian cenderahati itu sebagai rasuah. Jadi, saya ingin hendak tanya, masyarakat Melayu daripada dahulu-dahulu lagi telah membawa buah tangan yang merupakan cenderahati pada masa seseorang Melayu berkunjung ke tempat Melayu yang lain. Jadi, adakah ini juga ditakrif sebagai rasuah kerana apa yang diberi sebagai cenderahati sekarang ini adalah sama seperti apa yang dikata sebagai 'buah tangan' dalam masyarakat Melayu lama? Terima kasih.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat tanya saya itu sama dengan soalan yang saya tanya kepada Menteri Besar Kelantan pada suatu masa dahulu. Bagaimana jawapan MB Kelantan? Dia kata dalam agama kita menggalakkan kita memberi hadiah, itu bukan orang Melayu sahaja, dalam agama. Tradisi agama Islam itu memang menggalakkan kita memberi hadiah kepada kawan-kawan kita dan saya tanya mengapa Yang Amat Berhormat tidak mahu terima hadiah. Dia kata sebab sekarang ini dia melihat ada unsur-unsur rasuah, dia nampak ada unsur-unsur rasuah, lantaran itu beliau tidak menggalakkan orang memberi hadiah kepada beliau.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Boleh!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Tumpat. Di dalam mana-mana ceramah besar yang dianjurkan oleh PAS, selalu atas seruan jihad dan perjuangan PAS mengedarkan tabung kutipan - kutipan derma daripada rakyat marhain, rakyat akar umbi. Saya hendak bertanya, adakah PAS mempunyai akaun tentang duit yang dikutip di ceramah-ceramah umumnya dan kalau tidak apa hukumnya? Terima kasih.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Jawapannya ringkas sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Ada, ada akaun-akaun. Bolehlah siasat kalau Badan Pencegah Rasuah yang ada di sini hendak siasat, silalah datang sebab kita rasa dari segi Islam itu sendiri tidak melarang kita untuk meminta sumbangan daripada orang ramai walaupun orang ramai itu diisytiharkan orang-orang marhain dalam istilah sosialis, dalam istilah agama kita dikatakan Alfuqarak - orang-orang miskin. Ini dijelaskan sendiri oleh Allah Subhanahu Wataala dalam satu ayat [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] maksudnya "walaupun kamu dalam keadaan susah ataupun kamu orang senang, digalakkan kepada kamu untuk memberi sumbangan kepada jalan Allah". Berdasarkan kepada itulah pihak kita di mana sahaja kita membuat ceramah sekiranya kita merasakan perlu kita meminta sumbangan, maka di sana memang kita lancarkan derma atau kita istilahkan 'tabung jihad'. Maka, saya rasa itu sudah terjawab pertanyaan dari Parit Sulong.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia bangun lagi.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih di atas penjelasan. Saya tanyakan tadi, adakah satu sistem akauntabiliti yang telus wujud dalam PAS di dalam proses mengutip derma dan yang keduanya, Kerajaan Kelantan pimpinan PAS ada mewujudkan tabung sewaktu di awal-awal peringkat pemerintahannya di mana dia minta rakyat seluruh lapisan negeri Kelantan dan di luar Kelantan menderma. Saya hendak tahu adakah derma itu sekarang ini dicatatkan berapa jumlahnya, ke mana wang itu dibelanjakan, untuk apa dan ada perinciannya, kalau tidak apa hukumnya juga?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya bukan mufti hendak beri hukum, Tuan Yang di-Pertua tetapi ada sistem akaunnya yang tersendiri dan yang kedua disebutkan itu ialah 'Tabung Serambi Mekah' yang ditubuhkan. Saya

rasa Yang Berhormat pun ada derma, KUB pun ada derma, tidakkah Yang Berhormat Timbalan Pengarah KUB setelah Datuk Hasan Harun. Datuk Hasan Harun ada menderma ya, saya ingin isytiharkan pada hari ini dalam 'Tabung Serambi Mekah'. Kalaulah 'Tabung Serambi Mekah' itu tidak betul, saya ingat Datuk Hasan Harun tidak akan menderma untuk tabung ini. Tidak tahulah takut rasuah - tidak tahulah sebab dia hendak menumpang bersama-sama kita di Kelantan bagi membangunkan Kelantan sebab dia berasal rakyat negeri Kelantan. Yang Berhormat Parit Sulong ini, walaupun dia tidak Kelantan tetapi isterinya orang Kelantan. [*Ketawa*]

Selain daripada itu saya ingin meminta supaya sebagaimana yang diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri hari ini, tentang penambahan pelantikan pegawai-pegawai pencegah rasuah dan beberapa cadangan kita telah dengar terutama dari Machang agak lebih konkrit bagaimana beliau mencadangkan supaya mereka yang akan dilantik menduduki jawatan itu mestilah terdiri daripada orang-orang yang beragama, beramanah dan mempunyai disiplin yang tinggi.

Di sini saya ingin mencadangkan supaya mereka itu juga jangan ketinggalan untuk melantik di kalangan para ulama menduduki pegawai-pegawai pencegah rasuah ini. Jangan pula ulama ini dilantik menjadi pegawai-pegawai pencegah di kelab malam, ini mencegah maksiat sahaja, jangan, sebab rasuah ini sebahagian daripada maksiat. Saya rasa mestilah dilebarkan peranan dan tugas para ulama ini. Bukan sahaja di kalangan ulama Islam sahaja, di kalangan ulama Buddha, sami-sami juga boleh dilantik, tetapi sami tidak boleh keluar daripada kuil dia, tidak boleh lantiklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, adakah dakwaan itu betul iaitu sami tidak boleh keluar dari kuil?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Boleh keluar, tetapi tidak boleh aktif dalam pentadbiran pemerintahan. Boleh keluar, kalau tidak keluar daripada kuil, matilah sami itu tidak makan. Saya tahu ini sebab di kawasan saya, Tumpat itu ada 11 kuil, yang terbanyak di Malaysia ini. Itulah yang saya sebut pada hari itu masa perbincangan masalah kempen pelancongan di Kelantan, iaitu di kawasan saya tidak masuk masjid, tidak masuk Pantai Tujuh, tidak masuk Pengkalan Kubor, dimasuknya kuil di Kampung Berok. Di sana masuk dalam kempen untuk menggalakkan orang melancong di negara kita, khususnya di Kelantan.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Parit Sulong bangun.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya telah buat bantahan beberapa kali, tetapi saya lihat dalam buku itu masih ada lagi dan memanglah ramai pelancong daripada luar negara kita ini datang ke sana sebab Buddha di sana itu agak lain daripada yang lain, dia tidur, *[sambil menggayakan tangan]* biasa yang lain berdiri, ini tidur, nampak relax.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya, adakah benar salah satu daripada kuil-kuil itu dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan yang ada sekarang? Bermakna Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan pernah merasmikan salah satu daripada kuil yang terbaru di kawasan saudara?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Bukan merasmikan kuil, Tuan Yang di-Pertua, tetapi merasmikan perpustakaan di dalam kuil. *[Ketawa]* Ini kita kena faham, jangan dikelirukan, ada perpustakaan. Tok Guru kita menggalakkan orang banyak membaca. Ini seruan Menteri Pendidikan supaya orang minat membaca.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia tunjuk minat lagi.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Yalah, kita setengah orang Kelantan, kita hendak tahulah. *[Ketawa]* Apa beza merasmikan kuil dengan merasmikan perpustakaan dalam kuil bagi seorang Islam? Itu pertama.

Yang keduanya, saya dengar salah seorang Tok Cha kuil - Tok Cha ini imam kuil di sana - pernah dibawa di dalam satu pentas Maulud Nabi oleh pihak PAS?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Memang benar. Di dalam Islam ini kita sembahyang dalam kuil itu tidak dibolehkan, apa lagi merasmikan perpustakaan di dalam kuil, tetapi merasmikan kuil itu tidak boleh, sebab ini adalah upacara keagamaan.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ada lagi soalan?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Buku-buku dalam perpustakaan kuil itu adakah mengenai agama

Islam ataupun mengenai agama Buddha? Itu yang pertama saya hendak tanya. Sebab kalau sembahyang dalam kuil boleh, pergi rasmi perpustakaan dalam kuil boleh, tetapi setengah-setengah kalangan parti saudara dia cap saudara sesama Islam sebagai kurang Islam dan imam yang bukan daripada PAS orang Islam kata tidak boleh sembahyang di belakang dia, makanan yang disembelih oleh orang-orang Islam bukan PAS tidak boleh dimakan. Jadi, ini hukum 'double standard' macam mana? Saya tidak berapa jelas, Yang Berhormat, boleh jelaskan?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Soalan bahagian ketiga yang telah ditanyakan dalam soalan yang pertama tadi, sebenarnya Yang Berhormat tidak seharusnya bertanya demikian, sebab saya ingat Yang Berhormat sudah arif. Jadi, soalan anak-anak ini kadang-kadang kalau kita layan, melarat sangat. Macam tadi ada satu soalan yang keempat, apakah betul kerajaan Kelantan atau Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Kelantan pernah menjemput orang yang bukan Islam ke masjid. Memang, kita di Kelantan setiap perayaan yang kita buat iaitu Mauludur Nabi, Israaq Mikraj, memang kita jemput orang yang bukan Islam ke masjid, sebab di dalam zaman Rasulullah s.a.w. dahulu, pusat pentadbiran, pusat pemerintahan.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Yang Berhormat, saya tidak kata jemput. Minta penjelasan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Nanti dahulu.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya kata benar dijemput dan berucap, betulkah atau tidak?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Memang berucap.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Macam mana orang yang bukan Islam berucap mengenai Islam di dalam satu majlis anjuran Parti Islam? Saya naik bingung ini, sebab itu saya tidak sokong PAS.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Pasal bingung itulah tidak sokong PAS. *[Ketawa]* Sebab dia kata, dia bingung, bukan saya kata. Ini persoalannya. Jadi, tidak ada apa-apa persoalan. Soalan apa yang kedua terakhir tadi, Parit Sulong? Yang Berhormat dari Parit Sulong, soalan apa yang tidak terjawab lagi, ada lagi?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Apa?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ada lagi soalan yang tidak terjawab?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, tidak boleh berdialog macam ini. [Ketawa] Kalau dia tidak soal, Yang Berhormat teruskanlah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Takut dia tidak berapa jelas. Itu sebab saya melantik ulama-ulama yang menduduki pegawai-pegawai. Saya rasa ulama-ulama sekarang ini lain dengan ulama-ulama dahulu, terutama yang berkelulusan daripada UIA, kita tengok dia bukan sahaja pandai dalam bahasa Arab, saya lihat dalam bahasa Inggeris pun, pensyarah-pensyarah (lecturer) dia pun menggunakan dwi bahasa - bahasa Arab dan bahasa Inggeris dan saya rasa perlulah mereka ini dilantik menjadi pegawai-pegawai pencegah rasuah. Begitu juga yang berkelulusan daripada Timur Tengah, saya rasa mereka ini berkemampuan dan insya-Allah, mereka ada sifat amanah yang tinggi, itulah harapan kita.

Yang kedua, saya minta supaya mahkamah khas dibentuk bagi menangani kesalahan-kesalahan rasuah ini, sebab penyakit rasuah ini sudah begitu parah. Baru-baru ini Menteri Pengangkutan telah mengisytiharkan akan mewujudkan mahkamah khas kesalahan lalu lintas, kenapa kita tidak wujudkan mahkamah khas kesalahan rasuah sedangkan saya rasa dari segi persen pelanggaran jalan raya dengan rasuah ini jauh lebih banyak pelanggaran rasuah kalau kita mahu menangani secara serius, secara betul-betul sebagaimana yang diharapkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Kita telah membentuk beberapa mahkamah khas, misalnya Mahkamah Khas Raja-Raja Melayu. Masa sibuk dengan isu raja-raja itu, bentuk Mahkamah Raja-Raja. Apa yang saya tahu di luar negara, ada juga setengah negara membentuk Mahkamah Khas Tentera iaitu segala orang yang terlibat dengan keselamatan ini yang melakukan kesalahan diadili dalam satu mahkamah. Saya rasa perlu dan PAS ingin mencadangkan supaya Mahkamah Khas Pencegah Rasuah ini dibentuk supaya tidak ada.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Machang bangun.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Hendak tanya juga?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat cadang bentuk mahkamah khas, adakah Yang Berhormat fikir bahawa mahkamah yang ada dalam negara kita

sekarang ini, daripada Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen, Mahkamah Rayuan, adakah tidak competent ataupun tidak cukup untuk membicarakan kes-kes rasuah? Mengapa ada perlunya satu mahkamah khas? Cuba beri penjelasan yang cukup, adakah kerana mahkamah kita tidak cukup kerana banyak kes untuk bicara kes lain, maka perlu mahkamah khas atau hakim-hakim yang ada tidak competent, kita tidak percaya kepada hakim atau bagaimana? Jangan sengaja cadang tetapi alasan itu mesti ada, mengapa kita hendak mahkamah khas?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya rasa salah satu daripada alasan saya ini boleh tanya kepada Menteri Pengangkutan, itu satu alasan yang kita boleh terima. Jadi, mahkamah yang ada ini tidak sempat untuk menangani kesalahan-kesalahan rasuah yang begitu banyak. Bagi saya, banyaklah rasuah ini. Itu alasan yang pertama.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Atas fakta itu, Yang Berhormat ada perangkaankah? Saya tahu sebab saya terlibat dengan court case, saya banyak attend fahamkah? Satu-satu kes rasuah sekarang mesti diselesaikan dalam tempoh enam bulan, tahukah Yang Berhormat, terutamanya melibatkan pegawai kerajaan, sudah ada arahan sekarang. Arahan jelas daripada pihak mahkamah sendiri bahawa kes-kes rasuah, terutamanya melibatkan pegawai kerajaan mesti diselesaikan dalam tempoh enam bulan. Arahan itu sudah ada. Jadi, ada perangkaankah yang mengatakan bahawa kes rasuah lambat selesai? Jangan kita bercakap sahaja, kalau boleh, ada hujah yang logik.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Bagi saya, saya hendak selesai dalam masa tiga bulan. [Ketawa] Itulah saya mencadangkan. Ini serius, bukan sekadar bercakap tetapi serius. Memanglah saya baca semua itu dan saya tahulah. Kalau Yang Berhormat tidak beritahu pun, saya sudah ada dalam kepala saya benda macam itu. Sekarang ini enam bulan, kita hendak tiga bulan supaya insya-Allah, dengan adanya mahkamah khas ini, persoalan kesalahan-kesalahan rasuah ini dapat diselesaikan paling lambat dalam tempoh tiga bulan. Bersetuju Yang Berhormat dari Machang, okay ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Yang Berhormat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu, Yang Berhormat.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya tidak ada personal benda ini, Yang Berhormat, ikhlas. Yang Berhormat kena reasonable, munasabah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Jangan bila saya tanya, dia terus bangun.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dahulu. Saya rasa Yang Berhormat dari Tumpat keliru.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Pasal dia provoke saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat tidak boleh tanya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ha, dia tanya, saya kena jawab. *[Ketawa]* Dia marah pula saya jawab, tidak adillah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat hanya boleh jawab kalau disoal. Ya, teruskan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Masih ada masa.

Tuan Yang di-Pertua, isu rasuah tiba-tiba sahaja mendadak sejak beberapa bulan yang lalu. Sebaik sahaja pimpinan UMNO melihat gejala politik wang dalam UMNO semakin berleluasa dan hampir-hampir tidak dapat dikawal lagi - oleh sebab masa tidak cukup, saya baca teks, lebih mudah - menyerang batang tubuh UMNO seluruhnya serentak itu kerana kebimbangan UMNO akan lumpuh kerananya, pemimpin UMNO melancarkan kempen kaedah rhetoric untuk membasmi politik wang di dalam UMNO dan berlanjutan dengan kempen rhetoric juga konon untuk membasmi rasuah hingga ke akar umbinya sekali. Ini disebabkan politik wang dan rasuah, kedua-duanya adalah dwi kembar yang menyerang badan UMNO itu sendiri. Oleh kerana pemimpin UMNO merasa lemas dengan tuduhan masyarakat bahawa mereka bergelumang dengan rasuah kecil dan besar, lantaran itulah saya mengharapkan supaya rang undang-undang ini janganlah menjadi macam cerita sarang labah-labah. Cerita sarang labah-labah ini, Tuan Yang di-Pertua, yang kecil itu dia lekatlah tetapi yang besar itu dia bolos begitu sahaja, saya harap begitu. Maka.....

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Parit bangun.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak tanya tentang kempen rhetoric itu tadi. Cuba beri saya apa definisi kempen rhetoric sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya ingat pepatah Melayu kata, kalau tidak tahu, tidak perlu jawab. Saya rasa Yang Berhormat lebih tahu, tidak perlu saya ajar orang yang sudah pandai. Tetapi kalau Yang Berhormat tidak faham benda-benda istilah begini, saya rasa tidak layak jadi Ahli Parlimen. *[Ketawa]*

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Dia bangun, Yang Berhormat.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, itu satu cabaran pada saya, kalau saya hendak bawa kepada point of order 36(6), sangkaan jahat terhadap saya. Tetapi tidak mengapalah Tuan Yang di-Pertua, saya ini orang baik. Cuma saya hendak cabar balik, kalau Yang Berhormat tidak hendak beritahu saya apa definisi 'kempen retorik', seperti yang dibaca dalam teks itu, jadi maknanya Yang Berhormat sendiri tidak tahu apa dia definisi 'kempen retorik' yang dimaksudkan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Jadi orang perempuan cemburu agaknya, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Yang laki-laki tanya semua kita jawab, jadi yang perempuan tanya kita tidak jawab. Dia agak terasa hati. Memang kita hargailah perasaan itu, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Dato' Azmi bin Khalid: Boleh beri jalan. Tadi Yang Berhormat menyebut tentang sarang labah-labah, yang besar terlepas, yang kecil sahaja yang lekat. Saya hendak tanya mengenai kes khalwat di Kelantan melibatkan ikan jerung yang besar juga daripada Parti PAS. Sarang labah-labah macam mana? Adakah yang terlepas walaupun yang sipembuat itu mengaku dia berada bersama seorang wanita dalam bilik?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, Dato'. Jadi, hakim telah memutuskan tertuduh itu tidak bersalah. Jadi, keputusan hakim itu muktamad. *[Ketawa]*

Dato' Azmi bin Khalid: Bermakna di Kelantan ikan besar terlepaslah. Ikan besar hakim itu melepaskanlah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih. Sebab kita serah kepada hakim untuk mengadili, hakim kata begitu, begitulah. Kalau hakim bersalah, salahlah. Tetapi hakim melihat buktinya tidak cukup untuk menyalahkan. Lain cerita macam Rahim Tamby Chik. *[Ketawa]* Misal Rahim Tamby Chik, anaknya pun ada dalam tahanan serupa dia juga mukanya. Itu lain ceritanya. Ambil bekas Ketua Menteri Melaka dan ambil budak itu bawa kemari dalam Parlimen, itu saksi, betul.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya terpaksa minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ya Machang minta jalan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Kalau tidak yakin dengan apa yang saya kata ini, saya pun hendak tahu juga.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Yang Berhormat, parti Yang Berhormat memperjuangkan Islam. Memfitnah orang adalah satu dosa yang amat besar. Yang Berhormat ada saksi 4 orang dari segi Islam mengatakan dia melakukan itu? Sekarang Yang Berhormat menuduh anak sama dengan muka dia. Ini satu tuduhan yang amat liar, tidak sepatut keluar daripada seorang dari parti yang memperjuangkan Islam. *[Menyampuk]* Jangan Ahli Yang Berhormat. Ini menuduh orang, kalau tidak betul Yang Berhormat bertanggungjawab bukan sahaja di dunia, tetapi di akhirat. Depan-depan semua ini, kena ingat. Yang Berhormat nampakkah?

Dalam prinsip Islam kalau hendak menuduh orang berzina mesti ada 4 saksi, Yang Berhormat, jangan main-main. Yang Berhormat sebut tadi jelas membayangkan bahawa Rahim Tamby Chik melakukan zina. Suatu tuduhan yang cukup liar, tidak sepatut keluar daripada pemimpin, Wakil Rakyat yang memperjuangkan Islam. Dia sendiri tahu hukum Hudud yang dia sendiri hendak buat, sampai sekarang tidak tahu di mana, Tuan Yang di-Pertua. Menuduh orang berzina adalah satu perbuatan yang amat besar dosanya, boleh bawa hukuman mati dalam undang-undang Islam. Saya minta Yang Berhormat tarik balik.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, dia tambah itu, saya cakap lain dia cakap lain. *[Ketawa]* Saya tidak bercakap macam dia bercakap itu, tuduh berzinalah, apa....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya hendak menjelaskan di sini. Tetapi Yang Berhormat....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya bercakap, 'bawa budak itu dan bawa Rahim Tamby Chik dalam Parlimen ini,....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Cukuplah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:saya pun hendak tengok juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Cukuplah. Saya rasa, Yang Berhormat telah pun terpesong jauh sangat. Itu tidak ada kena-mengena dengan rasuah, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya jawab soalan yang dikemukakan kepada saya. Saya sebenarnya hendak pergi kepada point, tetapi diganggu. Jadi, bukan saya yang tidak berpoin, tetapi orang yang bertanya itu tidak tahu point, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih. Saya pun kadang-kadang hilang point apa hendak cakap. Kita sambung esoklah. Saya hendak pergi sedikit lagi, dan....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Memang saya telah menyebut tadi bahawa rang undang-undang yang telah dibentangkan sekarang ini jauh lebih baik dan sempurna daripada rang undang-undang yang telah sedia ada.

Seorang Ahli: Sokong sahajalah!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ini memang sebagaimana yang dinyatakan oleh Timbalan Perdana Menteri - hendak sokong macam mana, pandangan saya tidak masuk lagi dalam itu. Kalau masuk pandangan saya bolehlah saya sokong. Memang juga saya sependapat dengan pandangan Yang Berhormat dari Machang. Saya tengok Yang Berhormat dari Machang hari ini dia hero sedikit. Kita boleh beri pujianlah sedikit. Sepanjang saya duduk dalam Parlimen, saya dengar hari ini baru dia bercakap agak Islamic sedikit. *[Ketawa]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, dia bangun.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: 36(6), Tuan Yang di-Pertua, maknanya selama ini saya jahatlah. *[Ketawa]* Itulah pandangan Yang Berhormat. Kena tarik, Yang Berhormat, tidak boleh ini. Sama, jangan main macam ini.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Dia cerita dia jahat. Dia pun cerita pada saya, masa muda-muda dulu dia jahat. *[Ketawa]* Dia pernah cerita pada saya. Dia bercerita masa dia balik Haji, dia cakap dengan saya. Saya cakap apa yang dia cakap. Macam tadi saya kata Rahim macam itu, bukan saya ambil modal orang lain, saya ambil modal dia juga. Tidak ingatkah Yang Berhormat cakap dahulu. Bukan saya ambil modal orang lain, saya pernah berceramah dengan dia bersama-sama. Itulah setiap kali dia ceramah dahulu, cerita Rahim Tamby Chik dia bawa keluar. Dia cabar ambil budak itu, bawa kemari Rahim kita tengok muka serupa atau tidak serupa. *[Ketawa]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Dia bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ini sudah melarat, Yang Berhormat. Dalam kes bekas Ketua Menteri Melaka, untuk perhatian Yang Berhormat, saya konsisten. Prinsip yang saya pegang, seseorang tidak bersalah sehingga ia disabitkan bersalah. Dasar saya berada bersama Yang Berhormat itulah prinsip saya. Sekarang pun itulah prinsip saya.

Seorang Ahli: Dahulu dia juga suruh bercakap.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Dia juga yang suruh saya bercakap dahulu. *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Itulah Tuan Yang di-Pertua, dia lebih Islamic sekarang ini. Baguslah, alhamdulillah, syukurlah. Dia sebut akhirat, syurga, neraka, baguslah macam itu. Kita akan mati, hidup di dunia tidak lama. Sekarang umur sudah berapa, sekejap lagi mati, lepas itu hidup di akhirat. Hidup di akhirat berapa ribu tahun kita tidak tahu, tidak mati lagi. Syukurlah, alhamdulillah. Saya hendak berkawan dengan dia dunia dan akhirat. Yang Berhormat, bukan setakat di dunia. Baguslah, kalau dia sesat di hujung jalan balik ke pangkal jalan. *[Ketawa]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Yang Berhormat, saya hendak tanya Yang Berhormat dari Tumpat, saya hairan semasa saya berada dengan PAS saya tidak ada feeling ini, Yang Berhormat. Ini bermakna berkawan dengan PAS maknanya

tidak ikhlaskah, macam mana? Takut PAS tak ikhlas terhadap bekas parti saya dahulu atau macam mana? Sebab saya tidak ada perasaan macam itu. Tetapi sekarang bila saya menyertai semula UMNO, perasaan itu lebih nampak keikhlasan ada. Jadi, takut pemimpin-pemimpin Yang Berhormat sendiri tidak ada ikhlas, janji lain buat lain, tidak ada perasaan itu.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya sudah 'husnul dzan'. Dalam bahasa Arab 'husnul dzan' itu 'sangkaan baik' kepada Yang Berhormat dari Machang. Tetapi Yang Berhormat dari Machang masih ada sangkaan tidak baik kepada kita, susahlah, tidak seimbang pula. Jadi, kita yang hendak berbaik dengan Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak mahu berkawan dengan kita.

Tuan Yang di-Pertua, memang saya sependapat dengan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi yang menyatakan bahawa akta ini adalah yang bersifat moraliti, untuk mencegah benda-benda bersifat spiritual dan sebagainya. Jadi, untuk menangani persoalan ini tidak mudah. Perlunya ada kerjasama daripada setiap lapisan masyarakat. Memanglah sebagaimana saya tegaskan tadi bahawa prinsip kita ini, PAS ialah untuk menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran. Inilah prinsip kita. Sebarang akta untuk menegakkan kebenaran dan sekaligus di sana untuk mencegah kemungkaran, memang inilah hasrat kita, inilah cita-cita kita. Inilah suara kita kepada Barisan Nasional, kepada UMNO selama ini. Tetapi alhamdulillah, sekarang ini nampaknya dia dengar sedikit suara PAS. UMNO dengar sedikit suara PAS sekarang ini. Cukuplah, baguslah itu. Tidakkah begitu, Parit Sulong?

Juga sebagai balance daripada akta ini, sebagaimana Timbalan Perdana Menteri sebut tadi bahawa di samping itu untuk mencegah daripada tuduhan-tuduhan yang tidak bertanggungjawab. Memang inilah perjuangan kita, PAS. Sebagaimana dalam Islam ada disebut, dalam Al-Quran juga ada menyebut, yang pertama ingin saya sebutkan di sini bahawa macam yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Machang tadi, tanpa saksi yang cukup tidak boleh kita menuduh seorang itu berzina. Saya tidak pernah menuduh siapa-siapa berzina, kecuali kita ada saksi yang tertentu baru kita boleh tuduh. Kalau kita menuduh orang berzina, di dalam hukum Hudud yang Perdana Menteri kata hukum ini hukum PAS, memang kita akan bersalah dari segi agama dan boleh dihukum dengan beberapa puluhan sebatan, sebagaimana yang ditetapkan

dalam hukum agama yang tidak boleh dipinda sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Machang tadi. Undang-undang lain semua boleh pinda, tetapi undang-undang Islam tidak boleh dipinda. Ini bagus, kita boleh beri kredit kepada Machang. Saya ingat itu adalah merupakan prinsip beliau dan saya harap beliau akan mempertahankan prinsip ini sampai ke hayat akhirnya. Ini yang saya hendak cerita 'Islamic'nya dia itu.

Yang kedua, Rasulullah S.A.W. juga ada menyebut [*membaca sepotong Hadis*], bererti 'fitnah itu adalah lebih dahsyat daripada pembunuhan.' Kesalahan besar dalam Islam ini ialah kita tidak boleh memfitnahkan kepada sesiapa. Dan saya harap Barisan Nasional tidak akan lagi memfitnahkan PAS dalam kempen pilihanraya Semerak, jangan memfitnahkan. Cerita yang betul-betul, cerita kebaikan UMNO, PAS akan cerita kebaikan PAS, sudah. Masyarakat akan menilaikan. Tuduh-menuduh, tetapi kalau....

Tuan Noh bin Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjung Karang bangun.

Tuan Noh bin Omar: Saya hendak tanya, tadi dia sebut fasal fitnah. Sebut. Jadi, PAS setujukah Seksyen 20 itu? DAP tidak setuju, PAS setujukah Seksyen 20 itu, akta yang kita sedang bincang, hendak tahu itu sahaja? Sudah baca atau tidak baca Seksyen 20 itu? Kalau baca, setujukah?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Dia baru masuk. Yang Berhormat baru masukkah? Saya telah jawab tadi, tidak perlu saya jawab lagi. Yang Berhormat ketinggalan kereta api, macam mana ini. Yang Berhormat ketinggalan. Tidak perlu jawablah, saya sudah jawab, kalau hendak tahu tanya lawyer di belakang.

Tuan Yang di-Pertua,.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa hari sudah suntuk, kenalah gulung.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Teks, saya tidak baca lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Saya sudah beri masa yang cukup kepada Yang Berhormat untuk berucap walaupun saya tidak menghadkan masa. Tetapi nampaknya Yang Berhormat ghairah sangat hendak menyentuh soal yang lain. Kalau sekadar contoh tidak mengapa, tetapi nampaknya ini tidak. Yang Berhormat merayau jauh sangat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sambung esok.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Selain daripada itu, kita juga minta supaya hukum sebat diperkenalkan di dalam menghukum mereka yang melanggar kesalahan jenayah rasuah. Hukum sebat juga saya rasa perlu diperkenalkan, dan sebat itu hendaklah di khalayak ramai supaya ada kesannya. Kalau sebat dalam bilik - kalau boleh siar dalam TV, ini orang rasuah. Ketua Pengarah BPR Kelantan dahulu misalnya, tetapi dialah penyeludup dadah. Tangkap, yang macam itu siarkan dalam TV untuk memberi pengajaran dan pendidikan kepada anak-anak kita. Ini dok siar rock macam-macam, KRU. Apa lagi macam di TV3, saya tengok, benda-benda macam itu tidak memberi tarbiah, pendidikan kepada budak-budak.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, hari sudah suntuk Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau kita boleh siar benda-benda macam itu, saya rasa ada kesannya kepada anak-anak kita dan insya-Allah, generasi kita yang akan datang tidak akan rasuah sebagaimana setengah daripada pimpinan kita dan pembesar-pembesar kita sekarang ini yang telah melakukan rasuah ini dengan sewenang-wenangnya, di belakang, di hadapan, kalau kita lihat dia itu, tak nampak yang lain, rasuah, rasuah, rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga yang bercakap tentang rasuah ini tidak akan terlibat dengan rasuah ini dan saya ingin bertanya apakah kenyataan beliau akan tidak membenarkan abang dia yang dapat saham itu supaya dikembalikan saham itu supaya beliau betul-betul 'kota dan melaksanakan apa yang dikata'.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa sudah suntuk!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Dan terutama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan juga semua Ahli-ahli yang ada dalam Dewan ini, insya-Allah, kita tidak akan terlibat dengan rasuah ini, sebab rasuah ini adalah dosa yang besar.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Pelaksanaan AFTA

9.31 mlm.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut perancangan MITI dan juga ASEAN, kita akan melancarkan AFTA pada tahun 2003 dan mekanisme utama pelaksanaan AFTA ialah melalui skim CEPT. Malaysia kini pada setakat yang saya tahu telah memasukkan lebih daripada 8,000 jenis barangan dalam senarai CEPT. Termasuk di dalam senarai ini adalah produk dan juga hasil-hasil pertanian yang separa proses dan juga yang telah diproses.

Memandangkan kos pengeluaran di Malaysia berbanding dengan negara-negara jiran kita di Thailand dan juga di Indonesia adalah lebih tinggi, dan kita merasakan bahawa Malaysia tidak lagi mempunyai kemampuan daya saing terutamanya dari segi pengeluaran hasil pertanian pada peringkat production berbanding dengan negara-negara ASEAN yang lain. Oleh itu, kita ingin mengetahui apakah persiapan yang dilakukan oleh Kementerian Pertanian dan dasar-dasar yang ada pada kementerian untuk memelihara kepentingan mereka yang terlibat di dalam sektor pertanian sekurangnya dalam masa tempoh peralihan di antara kita hendak mengubah sektor pertanian kita kepada sesuatu yang lebih kita mempunyai daya saing.

Saya bersetuju dengan pelaksanaan AFTA, saya juga bersetuju bahawa sektor Pertanian Negara harus mengalami perubahan struktur mengambil kira bahawa tidak ada lagi perlindungan duti import selepas terlaksananya AFTA. Tetapi, kita ingin mengetahui untuk menjaga kebajikan mereka yang terlibat di dalam sektor pertanian, apakah dasar dan juga strategi yang digubal oleh Kementerian Pertanian untuk memelihara buat sementara waktu kepentingan petani.

Dan yang keduanya, bagaimanakah dasar yang akan dilaksanakan oleh kementerian dengan mengambil kira bahawa selepas tahun 2003 nanti, negara terpaksa bersaing dengan sektor ini tanpa perlindungan duti import dan juga bagaimana kita hendak mengubah keseluruhan struktur sektor pertanian ini supaya kita mempunyai tempat di dalam persaingan sektor pertanian wilayah dan juga antarabangsa.

Pendeknya kita ingin mengetahui apakah hala tuju sektor pertanian di dalam negara kita ini dalam konteks AFTA dan juga dalam konteks negara semakin lama semakin lebih menghalu kepada sektor pembuatan dan juga sektor perkhidmatan. Sekian, terima kasih.

9.34 mlm.

Menteri Pertanian [Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau yang telah pun menyuarakan concern ataupun keprihatinannya terhadap terutama sekali kepada pihak petani atau sektor pertanian, terutama sekali dalam menghadapi beberapa masalah terutama sekali soal persaingan pengeluaran hasil pertanian kalau dibanding dengan beberapa buah negara ASEAN. Bagaimana caranya kerajaan kita akan memelihara kepentingan mereka ini dan apakah dasar yang kita akan buat dalam konteks persaingan terutama sekali dalam keadaan tanpa perlindungan duti import.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia adalah komited terhadap penubuhan kawasan perdagangan bebas ASEAN ataupun dengan izin, Asian Free Trade Area (AFTA) iaitu satu kerjasama serantau ke arah liberalisasi perdagangan melalui pengurangan tarif dan penghapusan halangan bukan tarif ataupun dengan izin, non tariff barriers, di kalangan negara-negara ASEAN.

Mekanisme pelaksanaan AFTA ini ialah perjanjian mengenai skim tariff keutamaan sama rata iaitu Common Effective Preference of Tariff (CEPT) yang akan mengurangkan tarif kepada 0% hingga 5% keseluruhannya menjelang tahun 2008.

Melalui langkah ini sektor pembuatan ASEAN akan menjadi lebih cekap dan berdaya saing di pasaran antarabangsa dan meningkatkan perdagangan di antara negara-negara ASEAN. Skim CEPT merupakan kaedah penting untuk menjadikan kawasan ASEAN satu kawasan perdagangan bebas dalam tempoh 15 tahun bermula 1 Januari 1993.

Negara-negara ASEAN juga telah bersetuju untuk memasukkan barangan pertanian yang tidak diproses ataupun, Unprocess Agricultural Products (UAP) di bawah Skim CEPT-AFTA mulai Januari 1995.

Negara-negara anggota ASEAN telah pun mengambil langkah mengemukakan barang-

barangan pertanian yang tidak diproses untuk dimasukkan ke dalam Skim CEPT ini.

Malaysia tidak mempunyai masalah untuk memasukkan barangan pertanian ke dalam skim tersebut kecuali beberapa barangan yang dikenal pasti dalam kumpulan barangan yang dianggap sebagai sensitif di mana perlindungannya masih diperlukan.

Negara-negara ASEAN telah bersetuju iaitu dalam tempoh peralihan pengurangan tarif kepada 0% hingga 5% dan penghapusan halangan bukan perdagangan bagi barangan tersebut boleh ditangguhkan sehingga tahun 2010.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi meningkatkan persaingan sektor pertanian, kerajaan kita telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengkaji semula Dasar Pertanian Negara (DPN) yang sedia ada. Dalam konteks ini, sukalah saya memaklumkan bahawa pembangunan pertanian pada masa akan datang adalah berasaskan kepada permintaan pasaran dan persaingan di peringkat global dan komersial.

Oleh yang demikian, di antara lain Dasar Pertanian Negara baru akan memastikan supaya pengeluar-pengeluar pertanian dapat meningkatkan produktiviti dan kecekapan masing-masing dan boleh bersaing di peringkat antarabangsa.

Langkah-langkah untuk meningkatkan produktiviti termasuklah meningkatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) termasuk penggunaan jentera dan automasi, pembangunan sumber manusia, memodenkan pengurusan pertanian dan

menyediakan insentif-insentif yang sesuai bagi menarik pelaburan dan penglibatan swasta memajukan sektor pertanian.

Arah tuju sektor pertanian seperti dicadangkan di bawah Dasar Pertanian Negara yang baru adalah bagi menghadapi cabaran-cabaran baru akibat perubahan struktur ekonomi negara dan persaingan global.

DPN akan menyediakan persekitaran yang sesuai bagi menjamin pertumbuhan yang mampan dan berkekalan serta menjamin bekalan makanan yang mencukupi, berkualiti dan mampu dibeli oleh rakyat Malaysia.

Di samping itu, Dasar Pertanian Negara baru juga akan menjamin bekalan bahan mentah untuk industri berasaskan pertanian negara selaras dengan Dasar Pertanian Negara dan wawasan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020.

Saya minta maaf tidak dapat menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai Dasar Pertanian Negara Ketiga ini, memandangkan ianya masih lagi dalam peringkat penggubalan dan sebelum ia diluluskan oleh Jemaah Menteri, maka saya minta maaflah supaya Ahli Yang Berhormat bersabar apabila masanya tiba nanti, kerajaan akan mengumumkan Dasar Pertanian Negara yang baru. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.40 malam.